



95-1638

W 13/175

tragedi
INJBUK
MANDI

tragedí

LUBUK
MANDI

MOHAMED JUSOH

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1994

Cetakan Pertama 1994
© Mohamed Jusoh 1994

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan ter-takluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Mohamed Jusoh

Tragedi di Lubuk Mandi / Mohamed Jusoh.

ISBN 983-62-4046-2

1. Tragedy. I. Judul.
899.233

1-
959.5(22)
mJ
Diatur Huruf oleh Citra Publishing Sdn. Bhd.
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 11/13 poin

APB 716409 ✓

20 JAN 1995
NASKHAT PENULISARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
RM10.00

MASA DEPAN TERENGGANU


NEGERI TERENGGANU yang letaknya di garisan bujur antara 102.25° hingga 103.5° dengan garisan lintang 4° hingga 5.5° di Semenanjung mempunyai keluasan 5030.9 batu persegi. Panjangnya 133.5 batu dan lebarnya sehingga mencapai 60 batu.

Asal-usul nama Terengganu datangnya daripada perkataan 'Terang-nya-ganu' dan 'terangnya anu'. Nama ini tercetus pada suatu malam kononnya ramai penduduk di tepi pantai di Negeri Kelantan terlihat cahaya kilat yang besar, terang-benderang memancar di kaki langit di hadapan mereka.

Ini diikuti dengan bunyi yang dahsyat sebagai petir membelah bukit, sinar cahaya yang terang-benderang itu menerjah kuala Sungai Terengganu. Untuk menentukan had sempadan negeri, tempat yang jadinya cahaya ganjil itu, dinamakan 'terang ganu' yang bererti 'terang hingga nu' iaitu terang hingga ke sana. Lama-kelamaan tempat itu di panggil Terengganu.

Ini seolah-olah melambangkan bahawa masa depan Terengganu terus bersinar. Kini terbukti negeri yang dahulunya miskin dan mundur, bangunannya lama-lama belaka dan jalan rayanya sempit sudah berubah. Terengganu muncul sebagai sebutir mutiara di Pantai Timur.

Ini berkat ketekunan dan ketabahan ketua kerajaan yang diterajui oleh Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad yang merupakan Menteri Besar paling lama memerintah (sudah lima penggal). Cara hidup peny, lambang kemegahan Terengganu 'Ber-



Pelabuhan Kemaman yang menjadi pintu masuk kepada Terengganu dalam proses meningkatkan ekonomi negeri

tindak dalam senyap tetapi menghasilkan produktiviti yang tinggi', yang menjadi konsep pihak pemerintah benar-benar berkesan.

Tentunya, kehadiran penyu di Terengganu khususnya di Rantau Abang, mempunyai hikmat yang tersendiri. Allah jadi-kan sesuatu itu dengan tujuan tertentu. Terpulanglah kepada manusia untuk mencari tafsiran serta manfaatkannya.

Sehubungan dengan inilah maka pelancongan dimajukan bertujuan untuk menjadikan industri tersebut sebagai suatu sumber pendapatan negeri. Kekayaan dan keindahan alam semulajadi, *nature* dan *adventure* menjadi daya tarikan utama.

Usaha juga telah dibuat bagi menggalakkan pelancong untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih banyak di negeri ini. Bagi menjayakan matlamat ini selain daya tarikan yang se-dia ada di Pulau Kapas, Perhentian dan Redang akan dimaju-kan dengan peruntukan RM4.08 juta sepanjang tempoh Ran-cangan Malaysia Keenam.

"Konsep pantai libur" di setiap daerah akan dipertingkatkan lagi, iaitu di Air Tawar (Besut), Merang (Setiu), Batu Buruk (Kuala Terengganu), Taman Semerak Kelulut (Marang), Rantau Abang (Dungun) dan Teluk Marina (Kemaman) dengan per-untukan RM2.5 juta bagi tempoh yang sama.

Bagi Hulu Terengganu, tumpuan diberi kepada pembangun-an Tasik Kenyir, Sekayu dan Taman Buah-buahan dengan per-untukan RM23.3 juta untuk pembinaan kemudahan asas. Ini tidak termasuk pelaksanaan pembangunan yang dijalankan oleh pihak swasta.

Dalam pelaksanaan pembangunan yang dijalankan oleh pi-hak swasta di Tasik Kenyir, kerajaan sentiasa mengawasi ke-giatannya dari semasa ke semasa, di samping menentukan peng-libatan anak-anak tempatan diberi keutamaan.

Sehingga akhir tahun 1991, minat pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri untuk memajukan projek-projek pelancon-gan yang besar sangat menggalakkan terutama dalam pembina-an hotel, calet, padang golf, pusat rekreasi dan sebagainya.

Sesungguhnya, kerajaan negeri mempunyai dasar tertentu yang mesti dipatuhi oleh pelabur seperti syarat pemberian

tanah, ekuiti pelaburan, tenaga kerja dan alam sekitar bagi menjamin kepentingan negeri.

Tentunya, dengan jumlah projek yang diberi kelulusan dan



Menteri Besar sentiasa peka terhadap apa sahaja projek yang dilaksanakan



Menteri Besar mengiringi Yang Dipertuan Muda melawat Tasik Bukit Besi yang juga mempunyai potensi projek pelancongan

pemohonan yang akan diterima, Terengganu terus membina dirinya menuju ke arah destinasi pelancongan yang besar dan maju di rantau ini.

Hal ini disokong pula oleh rancangan kerajaan untuk pembesaran lapangan terbang, pembinaan jalan dua hala, penerbangan terus dari Singapura ke Kuala Terengganu dan perkhidmatan pengangkutan lain termasuk bas mini dalam bandar.

Menyedari aktiviti promosi memainkan peranan yang penting dalam industri pelancongan, kerajaan negeri mengadakan galakan seperti Pesta Pantai, Pesta Melihat Penyu, Pesta Memancing dan Mencandat Sotong, Pesta Lumba Perahu, Beca-thon, Larian Antarabangsa Jambatan Sultan Terengganu dan Mencari Harta Karun KAWAT.

Begitu juga dengan kehadiran 'emas hitam', petroleum dan gas yang diperoleh di dasar laut dan di persekitaran pantainya pada 1978, telah mengubah segala-galanya, meletakkan Terengganu sebagai sebuah negeri yang terkaya di Malaysia sekarang.

Secara tidak langsung ia membuka lembaran baru dalam sejarah pembangunan negeri Terengganu. Dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dengan sifatnya yang dinamik dan *versatile* telah mengambil manfaat sepenuhnya daripada peluang baharu yang terbuka itu.

Daya usaha telah diambil dengan pantas bagi merancang dan melaksanakan beberapa projek prasarana atau infrastruktur yang strategik yang mampu pula merubah masa depan struktur ekonomi negeri Terengganu daripada sebuah negeri pertanian kepada sebuah negeri perindustrian.

Pangkalan bekalan petroleum yang beroperasi sejak 1982 merupakan projek yang mula-mula dirancang bagi sektor petroleum. Pangkalan ini berjaya menjimatkan tukaran wang asing berjuta-juta ringgit kepada negara setelah pusat logistik kepada aktiviti cari gali dan pengeluaran minyak berpindah dari Singapura.

Kini, pangkalan bekalan Kemaman yang dikenali Pelabuhan Kemaman menjadi sebuah pelabuhan industri yang terbesar di negara ini khususnya sebagai pusat operasi kepada lebih seratus buah syarikat multinasional dan tempatan yang bergiat

TRAGEDI DI LUBUK MANDI

am bidang perkhidmatan sokongan bekalan industri petroleum.

Ini termasuk perkhidmatan kepada perusahaan industri besar yang sudah beroperasi seperti Perwaja Steel dan mengenai eksport gas cecair petroleum keluaran Petronas Gas. Selain, negeri ini menjadi daya penarik kepada kilang Tioxide Malaysia dan banyak lagi industri sama ada berasaskan petroleum atau industri berat pada masa akan datang.

PMINT juga turut menyumbang dalam merancang dan mewujudkan projek-projek infrastruktur lain termasuk Lapangan Terbang Kerteh, kompleks pejabat, projek perumahan dan perindustrian serta tapak-tapak industri, selain memberi perhatian



intera-jentera moden ikut terlibat dalam melaksanakan projek pembangunan negeri Terengganu

kepada penyertaan atau pemberian kontrak kepada usahawan bumiputera terutamanya anak tempatan.

Dan Rancangan Malaysia Keenam ini menampilkan era baharu Kerajaan Terengganu dalam usaha pengindustrian negeri ini ‘Terengganu Menuju Perindustrian – Maju Bersama Industri’.

Kejayaan menarik dan meyakinkan pelabur asing untuk turut mendirikan industri berbentuk skala besar di negeri ini menunjukkan bahawa peluang dan potensi penyertaan usahawan dalam bidang perindustrian dan perdagangan terbuka luas.

Ini menggambarkan peluang dan potensi untuk usahawan melibatkan diri bukan hanya terhad kepada industri berasaskan petroleum tetapi juga sektor pelancongan, sumber kayu-kayan, pertanian dan perdagangan.

Penemuan emas tulen di Lubuk Mandi sejak 1989 pula, walaupun diusahakan secara tradisi turut menambah hasil negeri di samping meningkatkan taraf hidup keseluruhan rakyat terutama yang terlibat dengan aktiviti ini.

Diharap dengan beroperasinya perlombongan oleh PMINT secara komersial bermula 1992, Terengganu akan terus cemerlang dan mewarnai seluruh kehidupan rakyat dengan kekayaan bukan sahaja dari segi fizikal malah kerohanian.

Kerajaan sekarang sudah pun mengamalkan dasar pengagihan pembangunan serta projek besar berdasarkan kedudukan geografi termasuk tumpuan ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat, terutama di kawasan luar bandar.

Paling menarik lagi, kerajaan negeri menyahut wawasan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menjuruskan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dari semua segi menjelang tahun 2020.

Dalam hal ini, semua pihak turut mengikuti jejak dengan penuh rasa tanggungjawab dan meletakkan wawasan itu sebagai cabaran yang perlu diperjuangkan dengan sedaya upaya. Ini sesuai dengan peruntukan RM3.7 bilion dan keadaan prospek ekonomi negeri bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Secara keseluruhannya, matlamat dalam perancangan pemungutan negeri bertujuan meninggikan pendapatan dan taraf hidup penduduk berasaskan pertumbuhan yang seimbang dan kali gus membentuk satu suasana kesejahteraan insan.

Tiga Dasar Pembangunan Seimbang (DPS) pula terus jadikan asas kepada rancangan pembangunan negeri ini berorientasikan usaha-usaha mempelbagaikan kegiatan ekonomi, pertanian, kemudahan, perusahaan dan pelancongan selain dari eneruskan sektor lain seperti biasa:

- * Keseimbangan antara pembangunan insan dan pembangunan fizikal, atau rohani dan jasmani.
- * Keseimbangan pembangunan antara sektor-sektor ekonomi.
- * Keseimbangan pembangunan antara kawasan.

Sektor kemudahan mempunyai matlamat menyediakan kemudahan infrastruktur yang cekap dan berkesan bagi meningkatkan taraf hidup sosioekonomi penduduk, seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar setanding dengan penduduk bandar.

Sesungguhnya pembangunan sektor kemudahan yang mencakupi dan berkesan akan dapat membantu pertumbuhan dan pencapaian program-program pembangunan ekonomi. Sebab itu, sebahagian besar peruntukan dari sumber kewangan negeri dibelanjakan untuk mengadakan kemudahan asas yang masih banyak kekurangan.

Terengganu, ibarat sebuah rumah yang baru didirikan. Tenunya kepada setiap yang baru memerlukan banyak kemudahan. Menteri Besar beberapa kali menyebut, negeri ini hanya baru berjalan setelah lama merangkak, sedangkan negeri-negeri di Pantai Barat sedang berlari dengan pantasnya kerana ia telah melalui proses pembangunan sejak zaman penjajah lagi.

Oleh itu, pendapatan kerajaan yang bertambah kebelakangan ini tidak boleh dilihat sebagai banyak dan berlebihan kerana sebenarnya masih banyak peruntukan kewangan yang diperlukan untuk membangunkan negeri ini, khususnya dalam menye-

diakan kemudahan asas.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam sahaja, sebanyak RM674 juta atau 69% daripada jumlah peruntukan keseluruhan dikhaskan bagi penyediaan kemudahan asas dan sosial.

Dalam mencapai hasrat pembangunan kemudahan asas ini, kerajaan telah menggariskan beberapa objektif penting antaranya.

- * Memperlengkapkan kemudahan awam dan sosial dengan memberi penekanan kepada pusat-pusat pertumbuhan dan kawasan luar bandar.
- * Menyokong pertumbuhan dan pencapaian pembangunan sektor ekonomi.
- * Menyediakan peluang pelajaran dan latihan bagi melahirkan masyarakat yang berilmu, mahir dan produktif.
- * Mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat, berkualiti dan berhemah tinggi, serta bertaqwa kepada Allah iaitu patuh kepada suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya.
- * Menyediakan lebih banyak kemudahan tempat tinggal dengan memberi penekanan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Sebab itu dalam sektor pertanian, perhatian diberi kepada pembangunan ekonomi luar bandar. Berbagai-bagai usaha dijalankan seperti menanam jenis tanaman bermutu tinggi, menyusun semula saiz tanah pertanian supaya lebih ekonomis, mengenal pasti industri berdasarkan pertanian dan memperluas serta membaiki aspek-aspek latihan, kredit, pemasaran dan kemudahan yang berkaitan.

BAB PERTAMA

i. Latar Belakang Lubuk Mandi

ARUS sungai yang mengalir pekat di situ benar-benar terasa sudah berpindah ke dalam degup jantung setiap penghuninya. Ia mengikis, menghakis dan meroboh tebing sedikit demi sedikit.

Pokok getah yang berderetan di sekitar Lubuk Mandi itu-lah menjadi punca rezeki kepada penghuni di perkampungan sekitarnya.

Takdir telah mencipta dan membentuk kehidupan mereka dan takdir juga telah menukar segala-galanya, daripada kebun getah yang lembap dan ditutupi belukar tiba-tiba berubah menjadi bumi bertuah dengan memuntahkan rezeki yang melimpah.

Berdasarkan sejarah, pada tahun 1365, daerah Marang yang meliputi Sungai Kerak dan Mukim Rusila yang melibatkan kawasan Lubuk Mandi ini ditakluki oleh Majapahit.

Mengikut cerita mulut daripada orang tua-tua, sebelum daerah ini diterokai, hutan belukarnya hanya didiami oleh kaum-kaum asli, Pangan atau Semang.

Mereka kemudian pindah ke gunung dan ke hulu-hulu sungai apabila orang-orang Melayu berasal dari negeri Kemboja, Champa (Indo-China) dan Yala, Patani (Selatan Thai) mula bertapak di beberapa kawasan sekitarnya.

Terengganu sememangnya mempunyai hubungan dengan kerajaan Jambi, Sumatera dan Thai pada kurun kedua belas.

TRAGEDI DI LUBUK MANDI



Pengarang berada dalam gua di Bukit Anak Reng. Pada satu ketika dahulu gua ini dijadikan tempat pertapaan dan penghayatan diri kepada Allah oleh para ulama dari Pattani



Lubuk Mandi dulunya merupakan kawasan penanaman getah yang diusahakan secara berkelompok oleh penduduk di sekitar

Kajian juga membuktikan bahawa kerajaan Melayu Terengganu (mungkin beragama Buddha) telah lahir sebelum kerajaan Sriwijaya yang memindahkan ibu kotanya ke Sumatera pada kurun yang kedelapan Masihi.

Ketika itu Hulu Terengganu ialah ibu kota kepada negeri Terengganu sebelum Kuala Terengganu, manakala Marang menjadi pintu masuknya. Kemungkinan di sinilah bermulanya Islam, kemudian barulah merebak ke Melaka.

Oleh sebab, Marang, khususnya Rusila-Lubuk Mandi menjadi kawasan laluan ahli-ahli perniagaan, kemungkinan pedagang Arab yang mengembangkan agama Islam di negeri China pada kurun ketujuh Masihi bertanggungjawab dalam mengembangkan Islam di Terengganu.

Sesungguhnya, tidak banyak yang dapat dibongkar mengenai orang yang mula-mula memerintah daerah Marang berbanding dengan daerah Hulu Terengganu atau Kuala Terengganu sendiri.

Walau bagaimanapun, dipercayai sejak zaman purba atau zaman batu sudah ada tempat-tempat kediaman di sekitar pantainya dan tidak di kawasan hutan seperti di Lubuk Mandi.

Daripada apa yang dapat dikesan, terdapat seorang raja yang dikenali dengan panggilan Tok Raja yang berasal dari Patani pulang ke Terengganu selepas menimba ilmu agama dan kemudiannya memperisteri Wan Mas (khabarnya cucu kepada Tok Raja Patani).

Bagaimanapun, disebabkan perselisihan faham, anak raja itu melarikan diri, terus mengembara dari setempat ke setempat. Menyeberang sungai dan alur, naik bukit, turun bukit, akhirnya sampailah di suatu kawasan yang difikirkan sesuai untuk dijadikan tempat tinggal dan bercucuk tanam.

Inilah Lubuk Mandi yang berdekatan dengan Bukit Anak Reng dan Bukit Cerong Pinang, yang berasap apabila ditenggelami banjir. Walaupun tidak ada gunung berapi di kawasan itu, asap yang keluar daripada kedua-dua buah bukit itu membuatkan tanah kawasan itu menjadi panas, ini merisaukan Tok Raja lalu meninggalkan kawasan itu.

Dalam tahun sembilan puluhan, seorang lagi anak raja dari

Patani, yang dihalau dari istana, menjadikan kawasan Lubuk Mandi yang dingin dan berdekatan dengan gua itu tempat pertapaannya.

Di gua itulah dijadikan tempat pertapaannya sehingga cukup ilmu di dada, lalu mengembara mencari sahabat-handai untuk penerokaan sebuah perkampungan.

Secara kebetulan dalam pengembaraannya itu, dia telah bertemu dengan sahabat lamanya, seorang anak raja Patani yang melarikan diri dari istana, di bawah teduhan sebatang pokok ru di tepi pantai.

Sempena pokok ru, yang terletak kira-kira tiga kilometer dari Lubuk Mandi, yang menyerupai seorang lebai yang duduk bersila, lalu mereka namakan tempat itu Kampung Rusila, iaitu gabungan daripada pokok ru dan bersila. Nama itu kekal hingga sekarang.

Kedua-dua anak raja itu telah mengerahkan penduduk sekitarnya membuka kawasan perkampungan sambil mengerjakan tanah untuk bercucuk tanam. Di samping itu, agama Islam dikembang kepada orang ramai. Ramailah penduduk di sekitar datang berguru sehingga tersebar ke seluruh negeri.

Beberapa buah kampung di sepanjang pantai itu juga dinamakan sempena pokok ru, iaitu Rurenggeh (pokok ru tidak ada daun), Rudua (pokok ru bercabang dua), Rurendang (pokok ru banyak daun) dan Rumuda (pokok ru terlalu muda) sehingga ke hari ini.

Kawasan hutan di situ kemudiannya diterokai oleh penduduk kampung sekitarnya pada awal tahun seribu sembilan ratus sebelum tanah getah itu diberi milik menjelang tahun empat puluhan, sesudah Jepun menyerah kalah kepada British.

Dahulunya sungai Lubuk Mandi banyak lubuk dan dalam airnya. Selain tempat mandi-manda selepas menoreh getah, mereka juga menjadikan sungai ini tempat mencari lauk-pauk. Ada ikan kelah, tumang, lampam, limbat, keli, baung dan sebagainya. Selain bergantung hidup kepada menoreh getah, kebanyakannya menjadi nelayan, bersawah padi dan berkebun kelapa, manakala perempuan pula menganyam tikar dan berkenun kain.

Dalam bahagian anyaman mengkuang atau pandan, Rusila tercatat dalam sejarah sehingga sekarang mempunyai keunik-an, kehalusan ciptaannya hingga terserlah kemahirannya dan tidak boleh ditandingi oleh wanita di tempat lain.

Oleh itu terbinalah sebuah Pusat Anyaman MARA yang sekarang ini dikenali sebagai Pusat Kraftangan Terengganu di Kampung Rusila. Bakti dan jasa pusat ini amat besar, kerana berjaya melatih ribuan kaum wanita dari seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan Brunei.

Kini, muncul pula Lubuk Mandi, yang hampir melenyapkan kegemilangan Kampung Rusila, satu-satunya kawasan per-usahaan kraftangan yang dipusakai turun-temurun.

Untuk ke Lubuk Mandi, halaman rumah akulah yang dilintasi. Sebagai seorang wartawan, sememangnya merasa sesuatu yang aneh apabila menyaksikan beberapa orang yang tidak pernah menoreh getah tiba-tiba sahaja ikut ke Lubuk Mandi.

Beberapa hari selepas bulan Ogos 1988, keanehannya makin terserlah. Ramai juga teman rapat berarak ke Lubuk Mandi, sedangkan ternyata mereka bukan sahaja tidak tahu menoreh, memegang pisau getah pun tidak pernah.

Suatu petang, mesyuarat jawatankuasa PIBG Sekolah Ke-bangsaan Rusila diadakan. Sebagai pengerusi, sebelum berbincang tentang agenda yang disediakan, beberapa orang ahli jawatankuasa yang sering ke hutan Lubuk Mandi telah ditanya apakah rahsia, apakah misteri kerana setiap hari orang makin ramai berarak ke sana? Soalan ini tidak terjawab. Semuanya terkunci mulut.

Perangai wartawan memang tidak mudah berputus asa. Lalu terus menyelit bersama-sama orang yang pergi ke Lubuk Mandi.

"Hendak ke mana ramai-ramai ni?" Aku mulai mengorek rahsia.

"Kami tak pandai toreh getah, cuma nak cuba nasib cari madu lebah," jawab salah seorang daripada mereka.

"Banyak ke dapat madu? Pulang nanti bolehlah jual saya sebotol?" Aku bertanya lagi.

"Insya-Allah," jawab seorang daripadanya sambil meneruskan perjalanan.

Keadaan terus berlalu, madu lebah yang dipesan tidak juga muncul-muncul. Aku terus bertanya, jawapan yang sama juga yang diterima, cuma ada sedikit alasan, madu lebah tidak banyak, cukup untuk keperluan sendiri.

Sebagai wartawan, jika jawapan yang ditanya dirasanya meragukan, secara diam-diam menyelit sama ke Lubuk Mandi. Tidak timbul masalah, Lubuk Mandi bukan asing lagi. Sejak kecil lagi sudah jadi tarzan di sana.

Sebaik sahaja sampai, tidak ada yang aneh, ada dua tiga buah bangsal yang sudah robek dan usang. Pokok getah semuanya sudah tua, susu pun kurang. Batangnya sudah berkelebat, ternyata rezeki daripada batang-batang getah ini sudah kian malap.

Ketika berjalan sambil berfikir itu, tiba-tiba tersilau beberapa buah lubang yang agak luas. Aku terus menyusul secara diam-diam. Barulah terdengar suara manusia. Apabila menghampiri mereka, kesemuanya terdiam. Terkunci mulut, seolah-olah terperanjat. Cangkul dan kuali di tangan tiba-tiba terlepas dan jatuh ke tanah.

Misteri sudah terbongkar tetapi aku masih tidak dapat menduga apa yang mereka lakukan. Tanda tanya berlonggok di dalam kepala. Empat bulan barulah jelas, rupanya, rupanya Lubuk Mandi bukan tempat madu lebah, tetapi emas!

Misteri ini terus tertutup. Aku diminta jangan hebohkan cerita itu dalam akhbar.

"Harap jangan beritahu orang lain, jangan tulis dalam surat khabar, nanti tersekat pula rezeki kami," pinta seorang pemuda yang akhirnya diketahui dialah orang pertama yang menemui logam itu di Lubuk Mandi.

Mereka mula berani menceritakan perkara yang sebenar. Apa lagi, pada masa yang sama, sudah ada orang luar yang tahu tentang penemuan emas itu. Sedangkan yang buruk sukar ditutup, inikan pula yang baik. Arus sungai boleh dibenteng inikan pula mulut manusia. Khabarnya setiap pendulang boleh dapat RM50 sehari.

Lubuk Mandi kian dikenali, heboh menjadi buah mulut, namanya mula meniti dan terukir dari bibir ke bibir. Kata orang, Lubuk Mandi bumi bertuah.

ii. Misteri Emas Mula Ditemui

Subuh itu sungguh dingin, redup dan berkabus. Mungkin kesan daripada hujan lebat malam tadi. Kokok ayam mulai mengirai keheningan, mengejutkan penduduk Rusila supaya membuang selimut untuk menunaikan solat.

Depan rumah sunyi tidak nampak bayang manusia seperti pagi yang lain. Tiba-tiba sebuah kereta warna merah membelok ke kanan, menyinari jalan yang masih basah. Kemudian terus meluncur laju menghilang diri.

Sebentar kemudian kereta itu sudah berada di dalam parit. Dinihari bulan Jun, 1988 menjadi gempar, inilah pertama kali sebuah kereta terhumban ke dalam sawah padi sejak jalan baru masuk ke Sekolah Kebangsaan Rusila-Kompleks Syarikat Telekom Malaysia Wilayah Timur siap dibina.

Dalam diam-diam pemandu yang hanya calar-calar badan itu memberitahu penemuan emas di Kampong Pelong, Setiu. Ramai yang sudah senang. Mohamad Harun, 38 tahun, pengusaha bengkel yang membaki kereta mulai berminat. Mana tahu ada rezeki.

Kedua-duanya, walaupun baru kenal-mengenal terus ke Kampung Pelong. Setelah tiga hari mengali dan mengayak, rupanya rezeki di bumi Allah ini sangat banyak, yang penting rajin dan usaha. Selepas dijual mereka dapat seratus seorang.

Entah mengapa, tiba-tiba Mohamad Harun teringat kepada tanah getah ayahnya di Binjai, dekat Lubuk Mandi. Pengalaman mendulang di Setiu memberi pengajaran kepadanya. Dia cuba membanding mutu tanah di kawasan penemuan emas di Pelong dengan keadaan tanah di kebun ayahnya. Nampaknya tidak banyak berbeza.

Secara diam-diam dia cuba sendirian. Menggali tanah getah ayahnya dekat Lubuk Mandi itu. Diayak beberapa kali sampai lenguh tulang bahu, usahkan emas yang dapat ba-

yangnya pun tidak kelihatan. Dia hampir putus asa, tetapi dia terus mencuba, kalaular ombak dan gelombang menjadi mainan, inikan hanya menggali dan mengayak? Pasir dan tanah terus digodak, tiba-tiba terpancar satu kilauan halus dari dalam dulangnya.

Alangkah gembiranya dia. Dicuba lagi, dapat lagi. Petang baru pulang. Dia memberitahu ayahnya tentang penemuan emas di Lubuk Mandi, ayahnya mula-mula tidak percaya. Disangkanya emas yang diperoleh oleh anaknya itu hasil mendulang di Pelong.

Dia berbangga bukan sahaja kerana menjadi peneroka yang mula-mula menemui emas di situ bahkan hasilnya lumayan. Beberapa orang keluarga dan rakan rapatnya sahaja diajak mendulang. Kerana bimbang rahsia ini pecah, mereka sepakat apabila ada orang yang bertanya, jawab sahaja mencari madu lebah.

Pengalamannya selama tiga minggu menjalankan kegiatan mendulang emas di Pelong sudah cukup untuk meneruskan usaha ini di kampungnya sendiri.

Mohamad terus lupa kepada bengkelnya. Pelanggannya tertanya-tanya, bengkelnya kosong dan ditutup. Besi buruk berapa sangat nilainya daripada emas yang mengerlip di Lubuk Mandi.

Dalam diam-diam, diajaknya pula salah seorang kawannya yang kebetulan bertugas di Malaysia Mining Corporation (MMC) supaya membuat kajian. Hasil penyelidikan itu didapati logam yang terdapat di situ adalah emas tulen.

Lubuk Mandi semakin menjadi rahsia. MMC telah mngesahkan bahawa biji emas yang ditemui oleh Mohamad itu bermutu tinggi.

MMC mengambil Mohamad, ayahnya dan beberapa orang rakannya yang boleh dipercayai bekerja dengan MMC secara kontrak dengan bayaran eluan harian. Lubuk Mandi dijelajah, lubang digali di sana sini dengan MMC menggunakan teknologi canggih milik MMC.

Dua bulan kemudian rahsia terbongkar, Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) yang dapat menjelaki ada kegiatan



Penulis (tengah) bersama-sama keluarga mencuba mendulang emas di Lubuk Mandi sebelum penemuan emas di Lubuk Mandi tersebar luas



Mohamad Harun, 35 yang mula-mula menemui emas di Lubuk Mandi



Mohamad Harun dengan peralatan mendulang emasnya

mendulang secara haram, terus membuat arahan supaya MMC menghentikan kajian itu.

Bagaimanapun, Mohamad bersama-sama beberapa orang keluarga dan rakannya yang mengetahui kawasan yang paling banyak mempunyai logam itu tidak berdiam diri. Mereka berusaha terus secara sembunyi-sembunyi menggali tanah dan menjalankan kegiatan mendulang.

Setelah Lubuk Mandi berlubang di sana sini barulah beberapa orang pemilik kebun getah di situ sedar dan turut sama mendulang di tanah masing-masing.

Pagi 12 November, kelihatan beberapa buah kenderaan kerajaan meluncur ke arah Lubuk Mandi. Setelah disiasat, jelaslah beberapa orang pegawai kerajaan yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir membuat tinjauan khas ke tempat penemuan emas itu.

Bagi seorang wartawan inilah peluangnya untuk mencari *skop story*. Hari itu, orang yang mendulang semakin ramai. Pengarah PTG ketika itu, Dato' Bentara Luar Haji Omar Pilus yang turut sama dalam rombongan itu apabila ditanya, dengan separuh berbisik dia berkata, "Tolong jangan buat berita lagi!".

Petangnya, entah macam mana dalam satu majlis perjumpaan di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, tersua lagi dengan Dato' Bentara Luar Haji Omar (sekarang Pegawai Kewangan Negeri dan pernah memangku Setiausaha Kerajaan Negeri). Kerana kenal rapat, semenjak menjadi Pegawai Daerah Marang lagi, inilah peluangnya untuk mengorek cerita mengenai Lubuk Mandi. Entah mengapa *moodnya* bagus, setiap soalan dijawab dengan cermat.

Laporan pertama tersiar di muka depan Utusan Malaysia:

Marang 12 Nov.- Kerajaan negeri sedang menyiapkan satu laporan lengkap mengenai kerja-kerja mendulang emas yang dikatakan diusahakan secara haram di kawasan hutan Rusila, dekat sini sejak beberapa bulan lalu.

Menteri Besar, Dato' Seri Amar Di Raja (se-

karang Tan Sri) Haji Wan Mokhtar Ahmad dijangka membuat pengumuman penting tentang masa depan kawasan yang dilaporkan mempunyai banyak bahan galian tersebut, sehari dua ini.

Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Dato' Bentara Luar Haji Omar Pilus berkata demikian ketika ditanya tentang hasil lawatan singkat serombongan pegawai kerajaan ke kawasan tersebut petang tadi.

Turut sama melihat orang ramai yang sedang mendulang emas di kawasan itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir dan Pegawai Daerah Marang, Haji Saad Boto'.

Dato' Bentara Luar itu enggan mengulas lebih panjang tentang potensi emas di kawasan itu dan bagaimana dengan laporan yang dijalankan oleh Malaysian Mining Corporation (MMC).

Beliau juga tidak dapat menentukan sama ada orang ramai dapat meneruskan kerja-kerja mendulang emas di kawasan tersebut atau kemungkinan satu larangan dikenakan bagi menjamin masa depan bahan tersebut.

Bagaimanapun, setakat ini belum ada sebarang langkah diambil untuk menentukan sama ada kawasan itu perlu dikawal supaya orang ramai tidak lagi tertumpu mencari atau mendulang emas seperti sekarang.

Beliau tidak menafikan kawasan itu menjadi tumpuan bukan sahaja penduduk sekitar atau dari Kuala Terengganu malah terdapat ramai dari daerah-daerah lain di negeri ini turut sama mendulang emas di situ.

Dato' Bentara Luar juga melahirkan rasa terperanjat dengan keadaan yang berlaku di kawasan itu sejak akhir-akhir ini sehingga antara beratus yang mendulang emas itu, ada yang sanggup berkhemah dan bermalam di situ.

Ditanya tentang rancangan baru kerajaan untuk memastikan keselamatan pendulang yang semakin bertambah, beliau menyatakan tunggulah keputusan yang akan dibuat oleh kerajaan.

Katanya, Menteri Besar sendiri akan membuat kenyataan akhbar khas, bila semua laporan lengkap tentang keadaan dan cara penyelesaian diterima, dalam tempoh sehari dua ini.

Ini disebabkan, beliau difahamkan kawasan yang terlibat dengan terjumpanya bahan galian emas itu, bukan sahaja di kawasan tanah kerajaan tapi terdapat juga kepunyaan tanah milik orang perseorangan.

Keesokan harinya beberapa akhbar menyatakan "Rusila jadi tumpuan cari emas – alat-alat mendulang naik harga cara mendadak".

Malah, ada akhbar yang menyatakan Kampung Rusila yang sejak sekian lama menjadi tumpuan beribu penyokong Pas setiap hari Jumaat, kini sudah dipancar oleh kilauan emas.

BAB KEDUA

i. Kesan-kesan Awal

PAGI itu sungguh dingin. Matahari baru menyinarkan cahaya. Kelihatan samar-samar dalam kabut beberapa orang separuh umur menuju ke satu destinasi. Ini diikuti oleh beberapa kumpulan lain, pemuda mengekor gadis dan si isteri pula mengikuti suami.

Suasana segar itu memberi peluang kepada setiap insan untuk mencari rezeki. Ada yang mengambil upah membersih kawasan hutan. Menebas pokok-pokok kecil di pinggir bukit dan mencangkul tanah untuk bercucuk tanam.

Yang lainnya, menunduk pada setiap sebatang getah, berkejar-kejar anak meredah anak-anak lalang yang baru tumbuh. Ini punca rezeki yang diwarisi sejak zaman berzaman. Susu diangkut, dibeku, dimesin menjadi getah keping, barulah dijemur atau salai sebelum dijual.

Tetapi pagi itu agak luar biasa. Aku jadi hairan. Rasa ingin tahu terpintal di dalam diri. Inilah sikap dan keanehan seorang wartawan. Suka mengetahui apabila 'mencium' sesuatu yang menarik. Banyak maklumat sudah terkumpul tetapi hanya tersimpan dalam buku catatan harian.

Keinginan untuk mendedahkan segala peristiwa yang berlaku di depan mata agak sukar. Sebab, terlalu banyak etika yang perlu diambil kira. Seorang wartawan yang bertanggung-jawab, bukan mudah membuat cerita sebelum mendapat mak-

lumat yang cukup. Aku terus memburu dan menjelaki orang-orang yang kian ramai berarak ke Lubuk Mandi.

Hasrat untuk menulis kian kuat apabila beberapa tragedi yang mengorbankan nyawa dan beberapa kali pula berlakunya tanah runtuh di kawasan mendulang. Akhirnya kawasan itu ditutup bagi membolehkan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) melombong secara komersil.

Kisah suka duka dan tragedi ngeri di Lubuk Mandi tersemaat di sanubari ini. Sukar untuk melupakannya. Sebut sahaja Lubuk Mandi yang mendapat gelaran 'Lubuk Emas', perasaan sedih dan pilu bermain di ruangan mata. Seolah-olah baru berlaku. Terngiang-ngiang kedengaran suara sorak-sorai, juga tangisan.

Lubuk Mandi terus menghantui diriku. Walaupun sudah ditutup tetapi halaman pondok damaiku terus menjadi laluan orang ramai untuk pergi ke Lubuk Mandi setiap pagi dan petang.

Sebenarnya sebelum kisah Lubuk Mandi tersebar di media cetak dan media elektronik aku pernah beberapa kali mengikuti keluarga menjalankan kegiatan mendulang. Sama-sama bermandi debu dan lumpur. Aku sengaja mendiamkan diri. Biarlah orang desa mendapat rezeki. Mengecap sama anugerah dari pada Tuhan. Kalau sudah tersebar luas, tentu ramai yang membanjirinya. Ramai mengambil kesempatan yang ada untuk mendulang. Itu tidak kisah sangat, yang dibimbangkan mereka ialah pihak PTG yang bertindak melarang mereka menjalankan kegiatan mendulang secara haram itu.

Bagiku, isteri dan anak-anak yang sama-sama menyaksikan ledakan di sekitar Lubuk Mandi ini setiap hari turut merasakan ini. Keadaan ini merupakan satu sejarah yang ikut memberi dorongan sehingga siapnya buku ini.

Asalnya sebuah hutan sunyi sepi tempat haiwan biasa bersembunyi, tidak ada manusia jadi penghuni seorang 'pertapa' sanggup diam.

1946 hutan ditebas getah ditanami jadilah tempat laluan kaum tani. Apabila penat telah mencari re-

zeki berhatlah di lubuk untuk mandi.

Sekurang bukan lagi sebuah mimpi. Riuh-rendah semakin menjadi-jadi. Apabila nilai tanah-taninya tinggi kandungan galian emas mula temui.

Kini namanya sudah lama dikenali ke serata ceruk rantau dan negeri. Kekayaan batu-batan kurnia Ilahi rakyat dibenarkan jalan aktiviti.

Hanya berlesen kebenaran diberi, syarat mendulang perlu dipatuhi, kalau bahaya diri sendiri lesen mendulang ditarik kembali.

Gali emas hendaklah berhati-hati, jangan sekali syarat dilanggari. Apabila malam jangan gali atau curi, penguatkuasa petang tiba cabut lari.

Lubang terowong dalamnya digali, berlakulah tragedi menyayat hati, tanah runtuh pendulang yang mati, kawasan ditutup sebab tragedi.

Tiba-tiba hati ini dipanjat rindu. Seolah-olah mimpi pada siang hari, tetapi Allah Maha Adil dan Kaya.

Tiada siapa yang menduga, Lubuk Mandi yang diselubungi hutan dan pokok getah kini berubah wajah, malah daripada sunyi menjadi riuh-rendah dengan deruman kenderaan dan pekik lolong suara manusia.

Si bapa memikul cangkul dan tajak. Anak muda dan kanak-kanak membawa kuali besi dan dulang kayu. Berlari-lari untuk sampai segera ke tempat yang bertuah. Ibu-ibu kelihatan mendukung anak kecil membawa bekal makan minum. Mereka terpaksa membawa anak kecil yang tidak mengerti apa-apa kerana tidak ada orang lain untuk menjaga.

Pahit-maung tidak dikira. Masalah jauh berjalan kaki, sukar merintis semak samun dan penat lelah hilang sendirinya apabila Lubuk Mandi ternganga di depan mata. Apatah lagi sekali dua mengayak kuali mengirai tanah, beberapa biji emas berharga sudah pun mengerlip terkena silau matahari.

Anak-anak gadis pula, ramai memakai jilbab berseluar panjang mengelek kuali. Dalam kesibukan itu tidak kurang juga, orang kota jauh dan dekat datang bergaya, kononnya



Pendulang pulang membawa hasil emas

untuk menyaksikan sendiri kebenaran penemuan emas yang mula tersebar luas.

Begitulah keadaannya. Hampir setiap awal pagi hingga matahari hampir terbenam. Hari Jumaat orang semakin ramai kerana hari cuti, berduyun-duyun seperti mengiring puteri kangan. Emas berharga bersama segunung harapan terpacak kemas di dalam dada.

Tidak cukup pada siang hari, ada yang memasang lilin dan lampu gasolin pada sebelah malamnya. Lubuk Mandi berubah wajah, bermandi cahaya seperti sebuah kota purba dalam hikayat Si Malim Kundang, atau perkampungan bunian yang menjadi misteri mentera Melayu.

Melihat semua ini, bayangan pilu menyerang kalbu. Terkenang semasa kecil. Terbayang suasana hening dan nyaman. Dulunya sunyi sepi tetapi di situ lah tempat bermain dan ber-



Kawasan pintu masuk tempat aktiviti mendulang emas di Lubuk Mandi tiba-tiba dipenuhi pondok, khemah dan kenderaan

manja. Tidak ada penghuni. Juga tiada rumah kediaman, apa lagi rumah batu.

Dulu, Lubuk Mandi hanya dijadikan tempat rehat semestara. Kalau penat ikut keluarga menanam anak getah, di situ-lah satu-satunya kawasan yang menarik dan selamat bagi kami sekeluarga berasah dan mandi-manda.

Aku lahir di sini, sekitar kehijauan rendangan pohon-pohon. Indah dan amat tenang. Sebagai anak jati yang lahir di Kampung Rusila kira-kira 45 tahun lalu apa yang berlaku di Lubuk Mandi, telah menghiris hati.

Di sitolah tempat mulanya mengenal hidup. Biasa bermandi lumpur di Lubuk Mandi. Pahit maung membantu orang tua mengerjakan tanah berbukit-bukau di sekitar, terukir semula dalam kerinduan yang semuanya tidak dapat digapai lagi.

Yang amat memilukan lagi, apabila mengingatkan ketika menanam lada di celah anak-anak getah. Semasa lada mulai bergayutan di dahan, ayah marahkan adik kerana selalu mengetus lada yang masih muda, berwarna hijau. Anak-anak kalau selalu kena marah nakalnya kian bertambah.

Kadang-kadang bukan ayah atau ibu sahaja yang menengkingnya, abang juga turut serta. Tidak dengar nasihat, degil, buat membazir sahaja. Keadaan menjadi bertambah celaru apabila adik terus memetik lada yang hijau, walaupun disuruh memetik yang masak iaitu yang berwarna merah. Dia tetap mengambil yang hijau.

Akhirnya, penyesalan menghiris kalbu ayah, ibu dan seisi keluarga apabila adik masuk darjah satu. Adik rupanya ada masalah penglihatan. Dia tidak dapat membezakan warna. Yang biru dikata hitam, yang kuning dikata coklat dan seterusnya yang hijau dikatanya merah.

Bahagianya hidup dalam keluarga. Kalau hari cuti, tidak ke sekolah, biasanya keluar rumah sebelum fajar menyingsing. Lepas solat Subuh ramai-ramai berjalan kaki ke Lubuk Mandi. Emak membawa sedikit bekal. Tengah hari, memasak di bangsal buruk yang didirikan di pinggir sebuah alur yang airnya mengalir lesu. Di situlah, kami sekeluarga menjamu selera makan nasi berlaukan ikan kering dan berulamkan pucuk balung ayam.

Sekarang, ayah tiada lagi, tinggallah sebidang tanah sekangkang kera sebagai pusaka enam beradik. Biarpun tanah itu sekarang sudah jadi milik orang, sempat juga ayah mengecapi nikmat hasil getah beberapa tahun selepas kembali daripada menuaikan fardu haji.

ii. Misteri Lubuk Mandi

Lubuk Mandi sekarang terkenal dengan Lubuk Emas. Sebelum ini air sungai yang keruh dan mengalir malas itu tempat orang mandi.

Mengapa tempat itu dikenali dengan Lubuk Mandi, sedangkan letaknya di dalam hutan. Jauh daripada kediaman per-

kampungan, kira-kira tiga kilometer dari Kampung Rusila. Kalau ke bandar Marang kira-kira 10 kilometer dan Kuala Terengganu pula 25 kilometer.

Untuk sampai ke kawasan itu, sesiapa sahaja terpaksa meredah hutan belukar dan semak samun. Walaupun ada lorong kecil tempat laluan tetapi menakutkan. Di situ lah tempat petani dan penoreh getah berhenti rehat setelah berpanas terik mengerjakan tanah bendang. Di situ lah juga tempat persinggahan orang kampung ketika mencari kayu api.

Mereka mandi menyejuk badan. Arusnya deras dan berlubuk. Lama-kelamaan tempat yang tersisih di hutan menjadi sebutan, hendak berehat dan berbincang di situ lah tempat temu janjinya. Akhirnya Lubuk Mandi bergayut di bibir kebanyakan orang Terengganu.

Hutan yang tebal sudah dirintis. Pokok getah yang ditanam juga dapat ditoreh. Hasilnya dipasarkan di bandar Kuala Terengganu. Begitulah kehidupan penoreh getah di Lubuk Mandi.

Mereka tidak banyak mengambil tahu cerita orang. Apa yang mereka doakan setiap masa, biarlah susu getah terus mengalir setiap hari, jangan kering-kering, kalau boleh seperti ombak yang tidak pernah penat memukul pantai. Kalau susu kering akan ikut keringlah kehidupan mereka.

Cerita mengenai "orang bunian" tinggal di antara Bukit Diman dan Bukit Panji dekat Lubuk Mandi sering didengar. Itu kisah dulu. Kadang-kadang sambil menoreh intai-intai juga kalau-kalau terserempak orang bunian.

Di Bukit Panji yang bersetentangan dengan Kampong Rurengeh itu dikatakan tempat pertapaan para pendekar, menuntut ilmu dan membersihkan diri. Bertemu dan berbincang, sesekali diadakan pesta.

Bukit Panji agak tinggi daripada bukit-bukit lain di sekitarnya. Biasanya, para nelayan pada masa lalu menjadikan bukit yang ganjil itu sebagai pedoman menentukan arah mereka hendak mendarat setelah berada di tengah laut.

Di puncak bukit Panji, tidak ada siapa yang mengetahui. Penuh misteri. Malam dan ketika hujan lebat ada cahaya yang

mengerlip, daripada cahaya inilah memudahkan bot nelayan yang sesat dapat pedoman untuk mendarat.

Orang-orang tua dahulu kala menghormati bukit itu. Sebab, banyak pengorbanan dan jasanya kepada mereka. Selain tempat pertapaan, di situ juga sumber untuk mendapatkan jenis akar kayu untuk dijadikan ubat tradisional.

Untuk mengambil akar kayu di sini ada pantang larangnya. Oleh sebab banyak keanehan yang berlaku, timbulah pelbagai cerita tentang puteri bunian yang cantik-cantik dan menggoda.

Aku sendiri masih ingat semasa berulang-alik mengaji Quran. Guru Quran itu, Haji Awang, iaitu ayah Tuan Guru Haji Hadi, seorang ulama yang disegani ketika itu. Dia menasihati anak muridnya supaya jangan terlalu berani berjalan waktu malam atau merayap di tepi hutan.

Sebab, katanya, puteri-puteri bunian akan menggoda dan mengusik sesiapa sahaja untuk dibawa ke Bukit Panji. Kalau masuk perangkap mereka, alamatnya tidak jumpa jalan keluar, apa lagi hendak pulang ke kampung halaman sendiri.

Ini dapat disaksikan sendiri pada waktu siangnya. Bukit Panji kelihatan redup dan suram. Terbukti penghuninya berada dalam kesugulan kerana tidak ada tamu.

Sehingga ke hari ini pun bukit itu berada dalam keadaan malap, seolah-olah berasap ditutupi kabus tebal. Gelap gelita, terutama pada waktu petang. Apa lagi, apabila ada tanda-tanda hujan akan turun. Kata orang, kalau berasap seperti lahar gunung berapi, di situ ada bahan-bahan galian.

Misteri terus merebak, orang tidak berani lagi ke bukit Panji. Tetapi bagi orang yang tabah dan berkeyakinan, mereka bukan sahaja mencari akar kayu seperti tongkat Ali, tunjam bumi dan sebagainya malah meneroka sekitar kawasan itu yang dikatakan terdapat banyak kayu cendana dan gaharu.

Kayu cendana dan gaharu mendapat pasaran yang baik. Daripada kayu inilah akan dibuat minyak wangi yang bermutu tinggi. Sekarang inipun masih ramai yang mencari kayu cendana dan gaharu untuk dijual kepada peraih dengan harga yang mahal.



Gerai-gerai perniagaan mendapat sambutan hangat di sekitar Lubuk Mandi

Sekarang ini, kalau kawasan itu redup menandakan musim tengkujuh akan tiba. Apabila nampak muram, hujan akan turun di kawasan kediaman mereka. Khabarnya, orang bunian akan muncul apabila kawasan itu berasap, seperti keluarnya wap ke udara.

Beberapa orang yang mencari kayu cendana dan gaharu secara berkumpulan (Mat Kebal, Man Nak Teh, Yahya Gong, Berahim Nipis, Awang Pak Ngah) mengakui mereka pernah mengalami kejadian aneh. Mereka masuk hutan biasanya dalam lima atau enam kumpulan selama seminggu. Tiga orang dalam satu kumpulan berjanji akan bertemu di suatu tempat sebelum pulang.

Rezeki mereka murah hari itu. Dalam suasana petang yang suram itu satu kumpulan tidak sampai di tempat yang dijanjikan, terpaksalah kumpulan kedua menunggu sehingga larut malam.



Dua orang pendulang memikul batu yang mengandungi emas untuk dibawa pulang bagi memudahkan diproses

Trompet tanduk kerbau yang sengaja dibawa dititiup sekuat hati secara bergilir-gilir untuk memberi isyarat kepada kumpulan yang mungkin sesat itu supaya pulang. Sesudah dua hari menunggu tidak juga datang-datang mereka terpaksa pulang.

Orang kampung mulai membuat ramalan, mereka telah disembunyikan oleh orang bunian. Ada juga yang menyatakan kemungkinan mereka dimakan oleh binatang buas. Sebab, be-

berapa orang daripada yang pulang berjumpa beberapa ekor harimau berkeliaran di kawasan tersebut.

Lubuk Mandi menjadi sasaran dukun dan orang kampung. Mereka berusaha mencari mereka yang hilang itu. Trompet tanduk kerbau terus ditiup bersama-sama gong dan gendang.

Bomoh pula menyembur sirih pinang bersama-sama jampi mentera. Berbagih, menurun dan sebagainya, memanggil dewa-dewi dan orang bunian supaya melepaskan mereka.

Kira-kira sepuluh hari kemudian, barulah ketiga-tiga orang yang hilang itu pulang dalam keadaan letih. Sudah hampir seminggu kehabisan bekalan, terpaksa makan umbut dan pucuk kayu. Cuaca redup tidak nampak matahari membuatkan mereka payah untuk mencari hala untuk pulang.

Menurut mereka, kaki masing-masing sudah keletihan tetapi terus juga melangkah, merempuh hutan tebal sambil memikul kayu berharga, akhirnya berhenti di suatu alur yang airnya agak deras.

Di situ lah, mereka bertemu sebuah gua yang lubangnya sudah hampir tertimbus oleh timbunan tanah kerana dimakan usia. Di dalam gua tua itulah tempat mereka berteduh dari-pada hujan. Kisah orang bunian dan orang bertapa yang dibualkan orang sebagai penghuni di situ sudah tidak terfikir lagi di kepala.

Mereka bertiga sudah nekad. Membujur lalu melintang patah. Mereka sanggup menghadapi apa sahaja. Entah bagaimana, selepas solat Subuh, salah seorang daripada mereka melihat jelmaan suatu lembaga yang dipercayai penunggu gua memberitahu arah dan jalan untuk pulang. Bagai kilat, dia bangun dan mengejutkan dua lagi rakannya yang sedang nyenyak tidur dan terus mengajak pulang.

Ketika itu sebahagian daripada kawasan di situ masih berasap menandakan musim tengkujuh hampir tiba. Wap panas tanah berdebu yang dibawa angin ribut khabarnya pernah berlaku di situ, tetapi tidaklah sepanas lahar gunung berapi.

Orang-orang tua kampung seperti Haji Haron, Pak Ali, Pak Cher dan Mat Mata Merah ketika ditemui sependapat

menyatakan bahawa Lubuk Mandi memang tempat pertapaan orang tua dahulu kala.

Mengikut cerita, seorang anak raja keturunan Patani memulakan pertapaan di situ, akhirnya menjadi seorang guru dan diikuti pula oleh beberapa orang anak muridnya sehingga berpuluh-puluh tahun lamanya.

Di kawasan gua itu dipercayai tempat orang bunian berpesta, terutama sekali ketika cuaca redup dan hujan turun renyai-renyai dan ditutupi kabus tebal. Khabarnya, inilah masanya mereka bergembira.

Bagi penduduk kampung di sekitar pantai (Rusila), inilah masanya mereka meminta bantuan dan pertolongan orang bunian ini. Tentu, terasa aneh, tetapi ini adalah kenyataan yang mungkin tidak mudah dipercayai oleh generasi sekarang.

Sebab, semasa hendak mengadakan sebarang kenduri-kendara atau perkahwinan, orang-orang bunian turut membantu. Ini termasuk memberi pinjam pinggan mangkuk. Tetapi kalau tersilap langkah buruk padahnya. Contohnya, kalau salah satu alat perhiasan atau pinggan mangkuk tidak dihantar, mereka akan menerima padah.

Kalau ada sebiji pinggan atau mangkuk yang sompek atau pecah, peminjam terpaksa menggantinya, kalau tidak sesuatu yang tidak diingini akan berlaku, sama ada ke atas peminjam atau pengantin.

Sekarang, Lubuk Mandi telah menukar sejarahnya, daripada yang ghaib kepada alam kenyataan. Emas dan beberapa jenis logam berharga lain telah ditemui memanjang sehingga ke Sungai Kerak.

Pada 28 Disember 1988 pihak Muzium Negeri Terengganu telah membuat kunjungan untuk menyiasat gua tersebut yang dipercayai tempat pertapaan.

Pasukan yang diketuai oleh Pengarahnya, Encik Mohd Yusof Abdullah dan disertai oleh pegawai jabatan ukur serta PERHILITAN itu tidak menolak kemungkinan kawasan sekitar gua itu boleh diwartakan sebagai kawasan larangan, jika terdapat kesan-kesan positif yang menunjukkan gua itu pernah didiami manusia pada zaman silam.

Dengan terjumpanya beberapa barang-barang purba seperti keris, senduk tembaga putih dan seutas loket emas berhampiran dengan gua itu oleh beberapa orang pendulang, akan mendorong pihak muzium untuk menjalankan kajian yang lebih lanjut lagi.

iii. Kerana Emas Lubuk Mandi Tersebar Luas

Kerana emas Lubuk Mandi di Rusila yang dahulunya ditumbuhinya belukar dan semak-samun tiba-tiba meniti dari mulut ke mulut. Berita penemuan emas mulai tersebar di akhbar sejak awal November 1988.

Kawasan itu mulai dilimpahi manusia untuk mencangkul dan memunggah tanah yang seluas 344 hektar itu. Mereka berkubang bersama-sama lumpur, tidak kira panas dan hujan untuk mengecap nikmat yang dianugerahi Tuhan. Melihat kepada keadaan yang demikian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir menasihati tuan punya tanah dan orang ramai menghentikan kegiatan mendulang di situ kerana ia satu kesalahan dari segi undang-undang.

Beberapa hari kemudian Pengarah Tanah dan Galian (PTG) ketika itu, Dato' Bentara Luar Haji Omar Pilus (sekarang Pegawai Kewangan Negeri) memberi jaminan akan menghantar segera pegawai penguatkuasanya ke kawasan itu bagi memastikan tidak ada orang yang melanggar peraturan itu.

Ekoran daripada desakan beberapa pihak, Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad membuat keputusan kerajaan akan mengeluarkan permit sementara kepada orang ramai yang ingin mendulang. Bagaimanapun, beliau menasihati orang ramai supaya menghentikan kegiatan mereka sebelum lesen mendulang itu dikeluarkan.

Kerajaan negeri kemudiannya mengumumkan bahawa orang ramai boleh membuat permohonan untuk mendapatkan lesen. Penduduk Kampung Rusila akan diberi keutamaan untuk mendapatkannya (*Utusan Malaysia*, 23 November 1988).

Selepas beberapa hari lesen dikeluarkan nampaknya para pendulang semacam terasuk, menggodak tanpa mengambil kira tanah yang diterokai itu milik kerajaan ataupun tidak. Yang bahayanya mereka mendulang tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pengarah PTG terpaksa menghantar segera pegawai penguat kuasa untuk mengawasi perbuatan itu tidak berterusan. Pada 9 Disember 1988, pagi yang hening itu menjadi gempar apabila sebahagian besar pendulang terhidu bau busuk. Bau seperti itu tidak pernah wujud selama ini.

Kemudian, pada 11 Disember pula penduduk Terengganu dikejutkan dengan laporan lebih 200 orang Kampuchea turut mendulang di situ. Ini mendukacitakan penduduk tempatan kerana mereka semacam dilupakan.

Ramai rakyat Terengganu termasuk Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri ketika itu, Haji Abdul Rahman Bakar (sekarang Exco Pergerakan Pemuda UMNO Pusat dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Marang) membantah sikap kerajaan negeri yang memberi kebenaran itu (*Utusan Malaysia* 17 November 1988).

Lubuk Mandi tiba-tiba bertukar menjadi perkampungan kosmopolitan kerana ia bukan sahaja didiami oleh pendulang berloghat ikang tetapi juga Ayo, Kelate dan entah dari mana asal usul mereka.

Pada 9 Disember 1988 masyarakat Terengganu dikejutkan dengan berita dua orang pendulang nyaris maut akibat terimbus tanah runtuh sewaktu berada dalam lubang ketika mendulang. Kejadian itu berlaku semasa mereka menghidupkan enjin bagi menyedut air keluar untuk memudahkan kerja-kerja menggali.

Beberapa hari kemudian beberapa orang pendulang menemui barang-barang purba seperti loket emas, seterika dan keris berusia 100 tahun (*Utusan Malaysia* 12 Disember, 1989). Pengarah Muzium Negeri, Encik Mohd Yusof Abdullah meminta orang ramai supaya menyerahkan barang-barang yang ditemui itu kepada pihak muzium untuk dibuat kajian lanjut.

Untuk memastikan Lubuk Mandi tidak terdedah kepada

wabak penyakit, sepasukan pegawai perubatan Marang telah dihantar (*Utusan Malaysia* 2 Januari, 1989) bagi memastikan bahawa kawasan itu selamat daripada sebarang penyakit berjangkit.

Awal tahun 1989 pula Pengarah PTG mengingatkan para pendulang yang tidak membaharui lesen supaya menghentikan kegiatan mereka (*Utusan Malaysia* 3 Januari, 1989). Ke nyataan yang sama juga dikeluarkan pada keesokan harinya (*Utusan Malaysia* 4 Januari). Beliau memberi amaran akan menarik balik lesen pendulang jika melanggar syarat. Esoknya *Utusan Malaysia* 5 Januari terpapar berita lapan orang pendulang ditangkap oleh penguat kuasa kerana melanggar syarat mendulang.

Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Negeri ketika itu, Encik Mohd Idrus Mat Dari memberi amaran akan mengadakan pemeriksaan mengejut di Lubuk Mandi bagi memastikan tidak ada pembeli emas menggunakan alat timbangan yang tidak betul. (*Utusan Malaysia* 5 Januari 1989).

Rupa-rupanya simpanan emas di Lubuk Mandi itu bernilai lebih RM10 juta, kata Timbalan Menteri Perusahaan Utama ketika itu, Dato' Alias Ali (*Utusan Malaysia* 8 Januari 1989).

Sementara itu, sejak awal Disember 1988 lagi, ada khabar-khabar angin mengatakan bahawa para pendulang di Lubuk Mandi berada dalam keadaan gelisah kerana kawasan mendulang emas itu berbau busuk. Mereka mendakwa bahawa bau seperti itu tidak pernah tercium ketika mula-mula menjalankan kegiatan dulu.

Beberapa orang daripada mereka mendakwa bahawa bau busuk itu terdapat di kawasan Lubuk Pinang. Busuknya seperti bau bangkai. Dua tiga orang pendulang ketika ditanya sependapat menyatakan bahawa mereka pernah mendengar berita kematian beberapa orang pendulang.

"Setakat ini kalau tidak silap kami, mereka yang terkorban ketika mendulang tidak kurang daripada 10 orang," kata mereka.

"Cerita kematian terbaru yang saya dengar ialah ketika banjir melanda negeri Terengganu. Beberapa orang keturunan Kemboja dikatakan telah tertimbas kerana berlaku tanah runtuh dan tidak sempat diselamatkan," jelas seorang pendulang. Menurut pendulang itu lagi kebanyakan mereka yang terkorban terdiri daripada kaum wanita.

Pada 10 Disember, Ketua Siasatan Jenayah Negeri, Timbalan Penguasa Polis (TPP) Mohd Ali Nathu Khan memberitahu setakat ini polis belum menerima sebarang laporan mengenai kematian atau terdapat bau busuk di kawasan mendulang.

Bagaimanapun, beliau meminta orang ramai yang mengetahui berlakunya kematian di tempat mendulang supaya datang ke balai polis membuat laporan rasmi bagi memudahkan siasatan polis.

Pada 26 Februari 1989 barulah kebenaran timbul apabila mereka yang tertimbas tidak dapat diselamatkan oleh para pendulang. Mereka terpaksa memanggil bantuan anggota bomba, tentera dan polis. Pada hari itu, tiga orang mati, seorang cedera parah dalam satu kejadian tanah runtuh di sebuah lubang sedalam 8 meter ketika mereka membuat terowong kira-kira jam 9.00 pagi.

Mereka yang mati tertimbas ialah Ibrahim Mohamad, 29 dari Bukit Baru, Seberang Marang, Hassan Nordin, 30 dari Bukit Kulim, Hulu Marang dan Ghazali Ismail, 25 dari Bukit Gasing, Seberang Marang. Che Mat Che Min, 36 dari Kampung Rambai Jantan, Marang yang mengalami cedera parah dikejarkan ke Hospital Besar Kuala Terengganu.

Dua bulan kemudian, pada 28 April, 13 orang dikhuatiri mati tertimbas dalam satu kejadian tanah runtuh di sebuah lubang sedalam 20 meter pada pukul 1.45 tengah hari. Bagaimanapun, setelah usaha menyelamat dan menggali semula terowong tersebut, pada 14 Mei (16 hari kemudian) hanya enam mayat sahaja yang ditemui. Yang lain dipercayai tertimbas dalam terowong yang berliku-liku dan berpetak-petak itu.

Pada 3 Disember, kejadian tanah runtuh berlaku lagi, kali

ini di bahagian lubang yang digali menjadi terowong sedalam 6 hingga 10 meter tetapi pendulang yang terlibat dapat diselamatkan. Pada 26 Mac, 1990 seorang kakitangan Majlis Daerah Marang, Shafei Muda, 45 mati manakala empat yang lain cedera dalam satu kejadian tanah runtuh pada pukul 6.15 petang di sebuah lubang sedalam 7.6 meter.

BAB KETIGA

i. Setelah Penemuan Emas Merebak

AWAL pagi, 13 November, 1988 – kerana ingin merasai sendiri jerih payah mendulang emas, aku mengikuti ayah mentua ke Lubuk Mandi. Setiap lubang sudah ada yang punya, begitu juga di lubang yang sudah ditanda. Kalau ada yang menceroboh alamat berdarahlah Lubuk Mandi.

Setelah berjalan kaki meredah semak-samun kira-kira '30 minit, sampailah aku di lubang kepunyaan ayah mentua. Benar, tidak ada orang yang mencerobohnya kerana masing-masing ada lubang sendiri. Tujuan sebenar aku bukanlah hendak mendulang, tetapi sekadar mencari pengalaman dan untuk melihat sendiri setiap perkembangan yang berlaku.

Kalau datang tidak mendulang para pendulang lain akan menuduh yang bukan-bukan. Mereka tidak mahu orang luar mengeksplor kegiatan mereka terutama wartawan yang ada hubungan dengan sebaran am, sama ada media cetak atau elektronik.

Para pendulang telah menuahkan sebuah unit khas yang terdiri daripada kalangan mereka sendiri untuk mengawasi dan mengenal pasti sesiapa yang mencurigakan. Yang paling mereka takuti ialah kamera.

Kamera yang aku bawa terpaksa disembunyikan dalam nasi bungkus. Apabila tiba waktu makan tengah hari, inilah peluang untuk menghalakan muncung kamera, tetapi mesti

hati-hati kalau tidak padahlah yang akan menimpa. Apatah lagi kalau mereka tahu ada wartawan bersama-sama mereka, tentu akan dihalau. Tanah Rusila hak mereka begitu juga rezekinya. Orang lain tidak berhak datang mengganggu. Tidak perlu diheboh-hebohkan, apa lagi kegiatan menggali dan mengambil logam emas itu bertentangan dengan seksyen 34 *Undang-Undang Galian Terengganu 51/1356*.

* * *

Pada 15 November, Kerajaan Negeri mengeluarkan kenyataan pertama mengenai kegiatan mencari emas di daerah Marang. Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir berkata, kegiatan mendulang emas di Bukit Lubuk Mandi itu, adalah suatu kegiatan haram dan menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang yang ada:

Seksyen 45 (2) (a) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa tidak boleh sesiapa atau badan yang kepadanya tanah telah dilupuskan berhak untuk mengeluarkan apa-apa logam atau galian dari-pada mana-mana batuan yang terdapat di dalam atau di atas tanah.

Dalam seksyen 34 Undang-Undang Galian Terengganu 51/1356 menyatakan sesiapa yang menjalankan kegiatan melombong di atas mana-mana tanah tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran pihak berkuasa atau melanggar syarat di bawah enakmen itu, boleh dikenakan denda sebanyak RM1,000.

Dalam masa yang sama semua jentera, alat-alat, bangunan dan apa juga logam atau lain-lain bahan yang terdapat di atas tanah yang diduduki secara haram itu boleh dirampas.

Ini bermakna melombong emas tidak boleh dijalankan tanpa kebenaran kerajaan sama ada atas tanah kerajaan atau tanah bermilik.



Seorang pendulang muda tekun mengayak

Kenyataan kerajaan itu meminta tuan punya tanah dan orang ramai supaya berhenti menjalankan kegiatan melombong emas tanpa kebenaran.

Ini disebabkan, kerajaan berjanji untuk membuat kajian bagi membolehkan kegiatan perlombongan yang bersistematik dijalankan. Mana-mana kawasan yang dikenal pasti akan diwartakan sebagai kawasan perlombongan. Permohonan bagi lesen melombong akan dibuka dan diberi pertimbangan.

Bagaimanapun, tidak ada siapa yang ambil kisah. Lubuk Mandi terus dibanjiri. Kilauan emas terus melambai. Rahmat Tuhan tidak ada siapa yang boleh menahannya. "Bukankah



Beberapa orang wanita menjunjung bekalan dan peralatan mendulang



Khemah tumbuh macam cendawan di kawasan pintu masuk ke Lubuk Mandi



Kenderaan memenuhi kawasan pintu masuk ke Lubuk Mandi

Aku jadikan langit dan bumi bersama-sama isinya untuk hamba-hamba-Ku?"

Lubuk Mandi semakin sendat apabila tersebarnya berita dengan gambar di akhbar-akhbar.

Yang datang bukan sahaja dari negeri Terengganu, malah terdapat ramai dari Kelantan dan Pahang. Orang-orang Kembuja yang sudah lama bermastautin di beberapa buah negeri di Pantai Timur dan dikatakan banyak pengalaman dalam kerja-kerja mendulang juga tidak melepaskan peluang.

Daripada kanak-kanak, kaum wanita hingga orang tua, yang bertongkat berkerumun di Lubuk Mandi. Kalau tidak larat gali lubang, minta "tahi tanah" orang. Dapat juga dua tiga puluh ringgit sehari. Kalau pada hari-hari kelepasan seperti hari Jumaat, bilangan pencari emas kian meningkat sehingga ribuan orang.

Ada yang sanggup berkubang dalam lumpur dari pagi

hingga larut malam. Setengahnya pula macam pekerja kilang ada *shift*. Bekerja 24 jam tanpa memikirkan keselamatan diri. Punggah anak bini bermalam seperti orang pelarian di bawah pondok yang mereka bina. Ini keramatnya "emas"!

Suami melupakan isteri dan isteri pula melupakan suami. Anak-anak tidak terurus dan yang ponteng sekolah pun ada. Hari Jumaat ada surau dan masjid menjadi lengang. Ada juga isteri memuncung marah kerana suami tidak pulang ke rumah, siang malam di Lubuk Mandi, tetapi apabila menggenggam duit merah-merah pemberian suami, mulut termuncung jadi tersengih, yang marah bertukar sayang. Yang hebatnya ada yang sanggup menyewa tanah di pinggir Lubuk Mandi untuk mendirikan khemah.

Ketika ini, masa bagi mereka amat berharga. Tidak seperti dulu-dulu, berkumpul ramai-ramai atas wakaf berbual kosong atau menghadap papan dam dari pagi hingga ke petang. Ini juga satu hikmat, mengajar anak-anak Terengganu tahu menilai masa. Kedai-kedai sekitar Rusila dan Medan Jaya kehabisan bekalan makanan. Kedai kopi mula tumbuh macam cendawan selepas hujan, hampir sama banyak dengan khemah yang dibina di sekitar kawasan tersebut. Cangkul, penyodok dan kuali cukup laris. Dulang kayu yang biasa digunakan untuk mendulang tidak banyak dijual. Apa sahaja peralatan tidak kisah, yang penting emas!

Inilah rahmat! Kerana emas di Lubuk Mandi semua orang mendapat nikmat. Kedai di bandar Marang dan Kuala Terengganu kehabisan bekalan cangkul dan kuali. Kuali berukuran sederhana yang biasanya harga RM3 atau RM4 telah meningkat kepada RM8 hingga RM10. Pendulang tidak kisah, letaklah berapa sahaja harga, mereka sanggup membeli. Emas! Emas! Emas!

Peniaga Kuala Lumpur dan Ipoh turut menghirup keuntungan datang menjual dulang kayu dengan harga antara RM80 hingga RM100 sebijji, sedangkan biasanya berharga RM30 hingga RM40 sahaja.

Mereka tidak kisah mahal atau tidak. Wang mudah di-

cari. Sebab, emas yang mereka peroleh itu dikatakan bermutu tinggi, daripada jenis 'amas sepuluh'. Sesetengah mereka mampu memungut sehingga tiga amas (16 amas bersamaan 39 gram) debu atau ketulan emas setiap hari.

Harga emas yang dibeli oleh peraih atau peniaga yang turut menunggu di muka pintu keluar Lubuk Mandi ketika itu tidak menentu. Ada dengan harga RM75 seamas, malah ada yang lebih daripada itu. Peraih ini pula dikatakan menjualkannya semula kepada tauke masing-masing dengan harga antara RM90 hingga RM100 seamas.

Hari-hari terus berlalu, jalan Sekolah Kebangsaan Rusila ke Lubuk Mandi semakin sibuk. Ada yang berjalan kaki, menaiki basikal, bermotosikal dan berkereta. Ada juga lori dijadikan pengangkutan awam untuk membawa pencari emas dari kampung mereka dengan dikenakan tambang yang mahal.

Tempat letak kenderaan di sepanjang jalan sejauh tiga kilometer sudah penuh. Yang jadi mangsa ialah penduduk kawasan itu, pintu masuk ke rumah mereka dihalang. Ada yang bergaduh. Anggota polis terpaksa dikerah untuk berkawal. Pada 17 November kerajaan Negeri Terengganu terpaksa mengulangi arahannya supaya orang ramai keluar dari kawasan itu dengan serta-merta.

Kerajaan ingin mengenal pasti sama ada kawasan-kawasan melombong itu kepunyaan kerajaan atau tanah bermilik. Kerajaan berjanji selepas kerja-kerja itu selesai, lesen mendulang akan dikeluarkan kepada orang ramai dan dalam hubungan ini kerajaan akan membuka satu pejabat bagi menguruskan pengeluaran lesen.

ii. Suara Pertama dari Menteri Besar

Dalam suasana hingar-bingar itu, Lubuk Mandi terus menjadi tumpuan manusia dari jauh dan dekat. Kalau dibiarkan, Lubuk Mandi akan menjadi padang jarak padang tekkur. Kereta dan lori bersusun-susun, motosikal juga berselerak di bawah teduhan pokok-pokok.



Contoh lesen mendulang



Berbaris untuk mengambil lesen mendulang emas di Lubuk Mandi di Pejabat Daerah Marang

Semuanya terpaksa berjalan kaki mendaki bukit dan dalam tempoh setengah jam barulah sampai ke Lubuk Mandi yang sudah menjadi bencah dan bukitnya sudah menjadi separuh gondol.

Sudah dua kali pendulang diberi amaran supaya menghentikan kerja-kerja mendulang itu, tetapi tidak ada lubang telinga yang mendengarnya malah bilangan pendulang haram itu terus meningkat sehingga kira-kira 2000 orang.

Melihat suasana ini seminggu kemudiannya, barulah Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad memberitahu para pemberita tentang keputusan kerajaan untuk mengeluarkan permit sementara kepada pendulang.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan orang ramai yang mendulang secara haram itu terlebih dulu menghentikan kegiatan mereka. Ini untuk membolehkan kerajaan mengenal pasti berapa luasnya kawasan yang terlibat itu dimiliki oleh orang perseorangan dan berapa luas pula dimiliki oleh kerajaan.

Khabarnya, langkah mewartakan tanah kerajaan di kawasan tersebut sebagai kawasan mendulang emas akan diumumkan sebaik-baik sahaja kerja-kerja mengenal pasti tanah di kawasan itu selesai dijalankan. Pendulang mulai berlembut apabila sebuah unit khas ditubuhkan di Pejabat Daerah Marang bagi mengendalikan pengeluaran permit.

Dalam kemabukan mengorek emas itu pendulang tidak peduli lagi hak dan harta orang lain. Mendulang dalam tanah kepunyaan orang bukan sahaja boleh menimbulkan perga-duhan, bahkan dilarang oleh agama. Sebab, ia perbuatan mencuri dan rezeki yang diperolehi secara itu juga haram.

Pada 27 November pula, sekali lagi Setiausaha Kerajaan Negeri mengeluarkan kenyataan bersetuju Daerah Marang diwartakan di dalam Warta Kerajaan Terengganu menjadi kawasan orang-orang perseorangan menjalankan kerja melombong secara mendulang di bawah seksyen 20 Undang-undang Galian Terengganu Bil.51/1356.

Orang ramai yang ingin menjalankan kegiatan mendulang di atas tanah kerajaan diminta membuat permohonan untuk

mendapatkan lesen mendulang mulai hari Khamis, 1 Disember, 1988. Buat permulaan, kawasan seluas 344 hektar di sekitar Lubuk Mandi diistiharkan sebagai kawasan mendulang perseorangan yang mempunyai permit.

Pejabat Daerah Marang diserbu oleh orang ramai. Berjam-jam mereka berbaris di tengah panas untuk mendapatkan borang permohonan lesen yang dikenakan bayaran RM20 bagi proses dan RM30 untuk bayaran permit sebulan. Untuk mendapatkan borang dan permit lebih perit daripada menggali lubang untuk mendapatkan emas.

Yang tidak dapat, datang lagi pagi esoknya malah ada antaranya sudah menunggu selepas waktu subuh. Suasana sudah jadi kelam-kabut sehingga pasukan polis terpaksa dikehrah untuk berkawal.

Ramai yang pulang tanpa permit, badan penat hati pun sakit. Akan tetapi niat tetap terpaku di lubuk hati untuk terus meneroka bukit gondol Lubuk Mandi, rezeki Tuhan tiada siapa yang boleh menghalang. Buat apa melangut di pejabat daerah sampai berhari-hari untuk dapat permit? Buat apa membuang masa? Kilauan emas di Lubuk Mandi itulah yang dituju.

Yang ingin mencari keberkatan dan mendapat rezeki secara halal tetap setia menunggu. Panas terik membakar, bagi mereka bagaikan titisan embun kerana hidup yang damai ialah apabila sesuatu yang dilakukan itu mendapat keberkatan dan keredaan Allah.

Jabatan PTG pada mulanya menjangka mungkin 4000 orang sahaja pendulang yang akan datang untuk mendapatkan permit. Akan tetapi sesuatu yang tidak disangka-sangka apabila 6000 borang permohonan habis selepas dua hari dikeluarkan. Bahagian lesen terpaksa membuat tambahan lalu mencetak 2000 borang lagi untuk memenuhi permintaan orang ramai.

Walaupun syarat untuk mendapatkan lesen dihadkan kepada mereka yang hanya bermastautin di Terengganu sahaja, tetapi masih ramai orang dari luar Terengganu mendapat lesen. Mereka menggunakan pelbagai helah termasuk

menggunakan alamat kenalan, sahabat handai atau saudara-mara yang tinggal di negeri Terengganu.

Tidak ada yang mempertikaikannya. Sebab itu, lesen yang sudah dikeluarkan lebih banyak daripada jumlah pendulang yang sepatutnya walaupun termasuk orang-orang Kemboja dan pelarian Khamer.

Syarat-syarat yang ditetapkan bagi membolehkan seseorang itu mendapat permit ialah:

- * Pemohon hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun.
- * Kerja-kerja mendulang boleh dilakukan dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang sahaja (kemudian dikurangkan hingga 6.00 petang).
- * Lesen mendulang hendaklah dibawa oleh pemegang lesen pada setiap masa bersama-sama dengan kad pengenalan.
- * Lesen mendulang tidak boleh ditukar milik.

Selepas 1 Disember, kerajaan mengambil tindakan tegas kepada mereka yang menjalankan kegiatan mendulang tanpa lesen. Mereka yang tertangkap akan didakwa di bawah seksyen 34 Undang-undang Galian Terengganu 51/1356 yang boleh didenda sebanyak RM1000.

Bagi kawasan tanah yang bermilik, adalah menjadi tanggungjawab tuan tanah untuk mengawal kegiatan itu. Mereka juga tidak terlepas daripada seksyen 34 undang-undang yang sama, jika sekiranya mendulang tanpa lesen.

Pegawai di bahagian Penguatkuasa PTG dan Pejabat Daerah Marang sentiasa berkawal bagi memastikan semua pendulang di Lubuk Mandi mempunyai permit dan mendulang mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Populariti Kampung Rusila yang terkenal sebagai pusat karyawan kraftangan tenggelam begitu sahaja oleh kilauan emas di Lubuk Mandi.

Sesungguhnya bumi di situ amat bertuah. Sudahlah ada emas, ada pula alur dan anak sungai yang mengalirkan untuk memberi kemudahan kepada para pendulang mengayak. Inilah anugerah Allah kepada bumi pusaka Darul Iman.

BAB KEEMPAT

i. Kegiatan Sampingan

EMAS sesungguhnya banyak membawa hikmah. Di samping kegiatan utama mendulang, muncul pula kegiatan sampingan yang semuanya memberi rezeki. Dalam tempoh seminggu kedai makan tumbuh bagai cendawan. Yang lain menggunakan van-van kecil untuk menjual berbagai-bagai jenis buah-buahan dan minuman.

Di sebelah luar terdapat pula beberapa buah bangsal panjang yang menjual peralatan mendulang. Mereka mengaut keuntungan empat lima kali ganda. Ketika ini pendulang tidak ambil kisah sangat tentang mahal murahnya harga barang. Betapa tidak, wang mudah dicari tidak seperti dulu-dulu, tonggang-tonggek di setiap umbi getah. Sebulan mahu dapat seratus dua ratus pun susah, apatah lagi yang memotong getah orang. Inilah rahmat Allah, datangnya bagai angin. Apalah berkat dan bertuahnya bumi Rusila.

Lubuk Mandi mula berubah menjadi seperti sebuah bandar baru. Penghuninya kaya-raya, perabot rumah ditukar, dulu pakai basikal sekarang pakai motosikal. Ramai juga yang memiliki Proton Saga, berklat di depan rumah.

Peraih emas pula terpacak di sana sini mengepit beg lembik macam ceti. Sesama mereka pun berebut-rebut mencari pelanggan, riuh macam broker kereta sewa di Kuala

Terengganu. Ada juga yang tidak sabar, terus mencangkung di tepi lubang tempat orang mendulang.

Yang ramai merayau begini kebanyakannya peraih haram. Berebut-rebut mencari pelanggan bagi si kijang mencari daun muda. Peraih seperti ini biasanya membawa risiko kepada pendulang terutama tentang harga dan cara menimbang. Bagi pendulang yang sudah biasa tidak ambil kisah dengan peraih haram ini. Mereka akan terus berurusan dengan peraih yang ada di rumah panjang. Penyelewengan tidak berlaku, timbang-menimbang dibuat secara betul.

Sementara itu pendulang terus terasuk dengan kilauan emas. Asal ada emas mereka tidak peduli sama ada mendulang di tanah kerajaan atau di tanah yang bertuan. Mereka terus menggali, menebuk dan mengorek, padahal mereka sedar tanah yang diwartakan untuk kegiatan mendulang hanya 344 hektar sahaja. Mereka juga tahu di sekitar kawasan itu sahaja yang dibenarkan mendulang, tetapi jelingan ghairah daripada emas yang terus menggoda, mereka sudah tidak tahu sempadan lagi.

Ada antara mereka yang semakin gelojoh, tidak sedar lagi laut dan darat. Sifat tamak haloba sudah menguasai mereka lalu menceroboh, membongkar tanpa mengira hukum dan undang-undang lagi.

Kerana kedegilan setengah pendulang, pernah tercetus kekecohan dan pergaduhan antara pendulang dengan tuan tanah. Padahal sudah mula mencemari keharmonian. Walaupun tuan tanah sudah memasang pagar, tetapi kerana kegairahan sudah menguasai otak usahkan pagar dawai, tembok besi sekalipun akan dibongkar oleh mereka. Mereka membuat terowong sulit dari bawah tanah, bermula dari tanah kerajaan, jadi macam mana tuan tanah dapat menduganya?

Perbuatan ini akhirnya dapat dikesan juga apabila beberapa batang pokok getah layu dan tumbang menyembah bumi. Encik Abdullah Abdul Rahman dan Hajjah Wan Lijah Ahmad yang mempunyai tanah yang banyak mengandungi emas di kawasan Lubuk Mandi turut menjadi mangsa. Mereka telah membuat laporan tetapi tidak ada sebarang tindakan.

TRAGEDI DI LUBUK MANDI



Membeli dan menjual emas di pintu keluar Lubuk Mandi

Dalam satu tinjauan yang dibuat, ada pagar berduri yang dipasang oleh tuan tanah menjadi lumat bukan lagi sekadar dipecah.

Kerana sudah tidak kuasa lagi melarang dan aduan yang dibuat tidak mendapat sebarang tindakan, maka tuan-tuan tanah terpaksa memajakkan tanah mereka kepada pendulang. Syaratnya, pendapatan hasil galian itu dibahagi tiga, satu pertiga kepada pemilik tanah dan bakinya untuk pendulang.

Ramai pendulang merebut peluang ini. Dengan demikian kerja pun aman, tidak kecut perut dan tidak lagi bergaduh. Yang penting tidak lagi berebut-rebut kawasan dengan ribuan manusia yang lain.

Rupanya usaha seperti ini memberi hasil yang lumann, selain daripada berhasil dan mengekalkan keharmonian. Tuan tanah senang-senang mendapat wang antara RM100 hingga RM500 sehari. Kalau bernasib baik lebih daripada RM1000 sehari. Mail Yib yang hanya duduk di rumah sudah dapat mengerjakan haji, hasil pajakan tanahnya kepada pendulang.

Daripada apa yang diberitahu, setiap hari pendapatan-nya tidak kurang daripada RM150. Menurut beberapa orang pendulang, di kawasan tanahnya itulah paling banyak emas dijumpai. Malah, pernah seorang pendulang mendapat ketulan emas berharga RM5000 satu. Paling menarik sekali, lima orang yang bekerja secara kumpulan berjaya memperolehi lebih daripada RM20 000 seorang dalam tempoh seminggu.

Mail yang dapat menunaikan fardu haji bersama-sama isterinya itu dapat juga mendirikan sebuah lagi rumah yang selesa. Dikatakan dia mendapat wang hasil jualan emas yang jumlahnya tidak kurang daripada RM100 000 dalam tempoh tiga bulan.

Di sini terdapat antara 400 hingga 500 buah khemah tempat kediaman sementara. Apabila didekati, beberapa orang anak kecil berlari keluar dari khemah tersebut sambil memanggil ibunya. Hairan juga kerana kanak-kanak yang masih

kecil itu tinggal terbiar begitu sahaja. Bagaimana kalau ada bencana? Rupa-rupanya anak-anak tersebut terpaksa tinggal di khemah itu kerana kalau ditinggalkan di kampung tidak ada orang yang menjaganya.

Mereka ini kebanyakannya datang dari jauh, seperti dari Besut, Kemaman, Dungun, Setiu, Hulu Terengganu. Malah, ramai juga dari negeri Pahang, Selangor, Perak, Johor dan Kedah.

20 keluarga orang Kampuchea juga ikut menyelit bersama-sama anak-anak tempatan yang tinggal dalam lebih daripada 100 buah pondok di pintu masuk ke kawasan mendulang. Mereka membayar RM1 hingga RM3 seorang untuk sebuah khemah kepada tuan-tuan tanah. Apa sahaja bayaran yang dituntut, dengan mudah mereka melunaskannya. Apa yang hendak dihairankan dengan seringgit dua, emas dalam bumi ada berjuta!

Kebersihan persekitaran mula tercemar. Penghuni yang tinggal di khemah itu membuang air besar hanya dalam semak-semak. Yang hairannya kalau fasal emas, mereka sanggup menggali lubang dan membuat terowong bawah tanah, tetapi untuk menggali lubang tandas empat lima kaki tidak mahu. Mereka seolah-olah lebih sanggup menyedut bau busuk najis sendiri.

Bagi mereka biar apa bau sekalipun mereka tidak peduli yang penting emas. Semua orang jadi kaya-raya bukankah kerana emas? Jadi apa yang hendak dihairankan dengan bau najis menyumbat lubang hidung. "Aku juga mahu merasa jadi orang kaya!"

Seorang peraih dapat membeli emas lebih RM300 000 dalam tempoh sebulan sejak emas ditemui. Yusof Muda yang bermisai lebat memberitahu setiap peraih dapat membeli emas antara RM2000 hingga RM10 000 sehari.

Secara rambang untungnya RM50 hingga RM60 bagi setiap pembelian RM2000, berdasarkan harga antara RM68 hingga RM78 seamas. Ini juga bergantung kepada kebersihan emas yang dibeli daripada pendulang.

ii. Lebih 200 Orang Kampuchea Mendulang Emas

Islam memang mahukan umatnya sentiasa berusaha mencari rezeki walau di mana sahaja, tetapi janganlah sampai lupa berzikir kepada Allah. Bersyukurlah kepada Allah atas setiap rezeki yang diperolehi walaupun sedikit. Barang siapa yang bersyukur nescaya Allah akan tambahkan lagi rezekinya dengan berlipat ganda.

Alhamdulillah! Semua pendulang rupanya masih ramai yang tidak lupakan Tuhan. Mereka bersembahyang apabila masuk waktu, kemudian menggali lagi. Dalam sembahyang berdoa minta Tuhan temuikan ketulan emas sebesar lutut. Apabila kaya nanti senang beribadat, hati tenang. Inilah janji mereka kepada Tuhan barangkali.

Namun begitu terdapat juga antara mereka yang lupa. Ternoda terus dengan kilauan emas, tidak kira kiri kanan, zuhur berlalu asar pula terlalai. Kadang-kadang maghrib dan isyak juga terbiar begitu sahaja, asyik bergelumang anak beranak di dalam terowong.

Sebab itu, pernah berlaku pada hari Jumaat, tayar motokar dan motosikal dibuang anginnya kerana para pemilik kenderaan yang berkenaan tidak pergi sembahyang Jumaat. Pada hal sudah tertulis di papan tanda yang mengarahkan para pendulang hanya dibenarkan mendulang selepas sembahyang Jumaat.

Beberapa bulan kemudian barulah kerajaan mengisytiharkan kegiatan mendulang hanya boleh dilakukan dari hari Sabtu hingga Khamis sahaja dari jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang dan tidak boleh mendulang pada waktu malam.

Sesungguhnya, rakyat Terengganu harus berterima kasih dan menyanjung tinggi keputusan kerajaan negeri kerana lesen mendulang emas hanya dikeluarkan kepada orang perseorangan yang terdiri daripada penduduk negeri ini sahaja.

Rakyat juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk membuka lebih banyak lagi kawasan baru bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat negeri Terengganu merasa dan mendapat rahmat daripada Tuhan itu.

TRAGEDI DI LUBUK MANDI



Pendulang sedang gigih mencari rezeki



Wanita juga turut mencuba nasib

Pada awal tahun 1990, selepas sebulan lesen di keluaran, Pejabat Daerah Marang telah memungut lebih RM620 000 hasil pendaftaran dan pengeluaran 9200 permit mendulang emas di Lubuk Mandi.

Pegawai Daerah Marang ketika itu, Haji Saad Boto' memberitahu ini tidak termasuk 1124 permit yang dikeluarkan kepada pemohon baru. Berikutan dengan banyaknya pemohon untuk mendapatkan permit, 20 orang kakitangan untuk memproses kerja-kerja pengeluaran permit itu terpaksa ditambah.

Dalam masa yang sama, kerajaan negeri banyak menerima bantahan kerana masih ramai lagi orang-orang luar Terengganu berduyun-duyun datang ke Lubuk Mandi, termasuklah pelarian Kampuchea. Mereka menggunakan alamat dan nama kawan atau saudara-mara yang tinggal di Terengganu untuk mendapatkan lesen.

Orang-orang Kampuchea yang kebanyakannya tidak tahu berbahasa Melayu entah dari mana datangnya begitu berani dan cekap. Mereka bekerja secara berkelompok. Menggali lubang yang dalam, malah mereka yang mengajar pendulang tempatan cara membuat terowong sehingga pendulang lain terikut-ikut. Barangkali mereka sudah pun mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mencari emas di negara mereka.

Pejabat Daerah Marang mengesahkan terdapat kira-kira 200 orang Kampuchea sedang menjalankan kegiatan mendulang di Lubuk Mandi, tetapi tindakan tidak dapat diambil kerana mereka memiliki lesen mendulang yang sah.

Bekas ahli parliment Marang, Haji Abdul Rahman Bakar turut memuji langkah kerajaan meluluskan permohonan lesen kepada semua rakyat negeri ini yang berumur lebih 18 tahun tanpa mengira ideologi politik, agama atau bangsa.

Beliau juga menyambut baik tindakan terbaru kerajaan yang tidak meluluskan pembaharuan lesen kepada rakyat asing termasuk kira-kira 600 orang Kampuchea yang baru mendaftar diri.

i. Urutan Peristiwa Penting di Lubuk Mandi

Tahun 1988

- Jun - Seorang pengusaha bengkel di Rusila menemui emas di kebun ayahnya, dekat Lubuk Mandi.
- Julai - Beberapa orang keluarga pengusaha bengkel turut sama mendulang emas.
- Ogos - Suasana mulai berubah, kampung yang tenang tiba-tiba menjadi sibuk, pagi dan petang, ramai orang yang masuk keluar ke Lubuk Mandi.
- Sept. - Ramai penoreh getah meninggalkan pekerjaan masing-masing dan menukar hala yang kononnya mencari madu lebah di Lubuk Mandi.
- Okt. - Berita Lubuk Mandi ada emas mulai tersebar. MMC juga turut membuat kaji selidik.
- 10 Nov. - Pengarah Tanah dan Galian (PTG) mengulas perkembangan di Lubuk Mandi sebagai *no comment*. Diminta jangan hebohkan perkara ini.
- 12 Nov. - Semasa hendak ke pejabat, penulis terserempak Setiausaha Kerajaan Negeri (SS), PTG dan beberapa pegawai kerajaan melalui depan rumah menuju ke Lubuk Mandi. Penulis terus ikut sama. PTG minta kerjasama supaya jangan hebohkan hal ini. Esok boleh tanya Menteri Besar mengenai kegiatan mendulang secara haram ini.
- 13 Nov. - Berita penemuan emas tersebar luas apabila tersiar berita buat pertama kalinya di akhbar tempatan.
- 14 Nov. - Lubuk Mandi bermandi lumpur dengan tumpuan ribuan manusia tidak putus-putus sejak awal-awal pagi.
- 15 Nov. - SS Dato' Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir keluarkan kenyataan pertama: mendulang suatu kegiatan haram.
- 16 Nov. - MB Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad memberi jaminan bahawa permit sementara (lesen mendulang) akan dikeluarkan kepada orang ramai.

- 17 Nov. - SS keluarkan kenyataan kedua: minta kerjasama orang ramai keluar serta-merta dari kawasan itu bagi membolehkan kerajaan memastikan kedudukan tanah kerajaan dan jumlah tanah milik perseorangan.
- 18 Nov. - Orang ramai tidak mengendahkan arahan itu, malah semakin ramai yang datang termasuk dari luar Terengganu.
- 27 Nov. - SS keluarkan kenyataan ketiga: kerajaan setuju mewartakan daerah Marang (Lubuk Mandi) bagi kerja melombong secara mendulang kepada orang ramai mulai 1 Disember.
- 28 Nov. - Gerai makan dan kedai yang menjual alat-alat mendulang dan tempat membeli emas tumbuh macam cendawan pada musim hujan di sekitar jalan masuk.
- 29 Nov. - Timbalan Menteri Perusahaan Utama ketika itu, Dato' Alias Ali turut keluarkan kenyataan mengenai ledakan emas yang banyak, bukan sahaja di daerah Marang, malah di Kuala Terengganu, Hulu Terengganu dan Dungun.
- 30 Nov. - Beberapa orang pendulang dikatakan tertimbus, tetapi dapat diselamatkan, kecuali seorang wanita dari Pulau Kerengga mati ditimpa batang kayu.
- 1 Dis. - Lesen mendulang mula dikeluarkan di Pejabat Daerah Marang. Lebih 3000 orang menyerbu dan berebut pada hari pertama ini.
- 2 Dis. - 30 daripada 100 pendulang emas terkepung dalam keadaan cuaca yang semakin buruk, hujan lebat dan angin ribut musim tengkujuh.
- 3 Dis. - Sepasukan polis dengan bot ronda berkejar menyelamatkan pendulang daripada ditenggelami air atau terus kelaparan berikutan kawasan tersebut ditenggelami air sedalam empat hingga sembilan meter. Kebanyakan mereka terselamat kerana memanjat pulau jadian.
- 4 Dis. - Sebahagian sahaja yang dapat lesen setelah 6000

- borang habis dikeluarkan. Borang terpaksa ditambah.
- 5 Dis. – Orang ramai kecewa kerana borang lesen tidak ada.
 - 6 Dis. – Ramai yang tidak ada lesen terus menjalankan kegiatan mendulang secara haram. Ada pendulang yang mendirikan khemah dalam kawasan itu atau di pintu masuk untuk bermalam.
 - 7 Dis. – Jualan alat mendulang kian bertambah. Gerai makan minum juga dibina serentak dengan kedai membeli emas.
 - 8 Dis. – Dua orang pendulang dalam usia 20-an keturunan Kampuchea nyaris maut setelah tertimbus tanah runtuh ketika sedang menggali tanah di kawasan mendulang.
 - 9 Dis. – Pejabat Daerah Marang (PDM) mengisyiharkan bahawa 6000 lesen telah dikeluarkan dengan perolehan hasil RM300 000. Lebih 11 000 ribu borang dikeluarkan dengan purata 500 orang pemohon setiap hari.
 - 10 Dis. – PDM sahkan 200 orang rakyat Kampuchea diberi lesen. Pengarah Pendaftaran Negara Terengganu ketika itu, Encik Hashim Embong memberitahu lebih 300 pemohon diterima untuk menukar alat dalam tempoh 10 hari.
 - 11 Dis. – Bomba, Pejabat Kesihatan dan Polis apabila ditanya, senantiasa bersedia membantu kalau ada kes kecemasan di kawasan mendulang.
 - 15 Dis. – Anggota polis lalu lintas terpaksa mengadakan sekatan jalan raya kerana sesak di sepanjang jalan besar dan jalan sekolah ke Lubuk Mandi. Kenderaan bersimpang siur dan berbaris-baris di sepanjang jalan. Depan rumah penulis dan depan Syarikat Telekom Wilayah Timur, Medan Jaya bertukar menjadi medan letak kenderaan.
 - 16 Dis. – Mulai hari ini, ramai penunggang motosikal khususnya yang tidak mempunyai lesen atau cukai

jalan terpaksa lalu di celah-celah lorong dan rumah-rumah kediaman penduduk Rusila bagi mengelakkan sekatan jalan raya. Ketenteraman penduduk Rusila mulai terjejas.

- 20 Dis. - Beberapa orang yang mendulang tanpa lesen ditahan dan diberi amaran oleh pihak berkuasa termasuk PTG, polis dan tentera yang membuat kawalan.
- 26 Dis. - Pendulang temui loket emas ketika menggali lubang sedalam 2 meter.
- 28 Dis. - Muzium Negeri melawat penemuan sebuah gua yang dikatakan mengandungi barang purba bersejarah.

Tahun 1989

- 3 Jan. - Majlis Daerah Marang (MDM) mendapati lebih 300 khemah telah didirikan sebagai tempat tinggal pendulang di pintu masuk ke Lubuk Mandi. Mereka menyewa tanah daripada seorang pemilik dengan harga antara RM1 hingga RM3 sehari.
- 4 Jan. - MB membenarkan 50 daripada 600 orang Kampuchea membaharui semula lesen mereka kerana mereka telah menjadi rakyat Terengganu.
- 5 Jan. - Sebelas pendulang emas termasuk empat kakitangan kerajaan ditangkap kerana menjalankan kegiatan mendulang tanpa lesen dalam waktu yang tidak dibenarkan.
- 10 Jan. - MB meluluskan peruntukan bagi mewujudkan satu pasukan atau unit khas untuk mengawasi Lubuk Mandi.
- 10 Jan. - 8 pendulang didenda RM320 kerana mendulang secara haram.
- 11 Jan. - MDM mengedarkan surat amaran keras supaya tuan tanah dan pendulang merobohkan khemah yang didirikan di pintu masuk dalam tempoh tiga hari.
- 19 Jan. - SS arah pastikan tidak ada kakitangan kerajaan

13 dikhuatiri mati dalam tragedi kedua Lubuk Mandi



JAKA DESAR DI LUBUK MANDI

MANGSA CARI WANG HARI RAYA



sekitar peristiwa erakan menyelamatkan 1.45 pagi



Tanah runtuh lagi di Lubuk Mandi



Pengaruh Sekutu Pn Adam untuk mengatasi permasalahan

AKTIVIS
Ketua Aliansi Solidariti Perpaduan Negeri Terengganu (ASPIN) Ahmad Zahid Hamidi berkata Lubuk Mandi akan terus dibuka untuk rakyat raih rezeki

GHAFFAR
Selangor Amanah (SAMA) ahli politik Ghaffar bin Hisham mengingatkan masyarakat untuk melaporkan waris yang hilang kepada polis.

3 pendulang emas di Lubuk Mandi mati tertimbuk



Pendulang emas ini meninggal dunia ketika mereka mencari emas di Lubuk Mandi.

Penguatkuasa PTG belum ditempatkan di Lubuk Mandi

Mengorek lubang kembali pulih di Lubuk Mandi

PKR buat kajian cara terperinci ke atas Kawasan mengandungi emas di Terengganu

BERAYAH

PKR perlu buat kajian cara terperinci ke atas Kawasan mengandungi emas di Terengganu

MB mahu kegiatan pendulang diawasi dengan serius



mendulang emas secara haram. Sebelum ini empat kakitangan kerajaan ditangkap kerana menjalankan kegiatan itu tanpa lesen dan di luar waktu pada malam 5 Jan.

- 17 Jan. - MDM mengarahkan tuan tanah mendirikan rumah panjang sebagai ganti khemah, mengikut pelan yang diluluskan dalam tempoh dua minggu.
- 18 Jan. - MDM setuju untuk adakan kemudahan asas seperti air dan tandas awam di kawasan rumah panjang dan berjanji akan dirikan gerai perniagaan yang sempurna.
- 24 Jan. - 11 pendulang secara haram didenda antara RM400 hingga RM500 seorang.
- 31 Jan. - Khemah masih wujud dan rumah panjang tidak ada didirikan, walaupun tempoh itu berakhir hari ini.
- 7 Feb. - 32 pendulang haram dihadapkan ke mahkamah.
- 26 Feb. - Tiga orang terkorban mati tertimbus dalam kejadian tanah runtuh.
- 28 Feb. - Seorang mangsa tragedi yang selamat tetapi cedera parah, Che Mat Che Min, 36 tidak mahu lagi mendulang dan kembali semula bersawah.
- 8 Mac - Keputusan EXCO: MB umumkan bahawa kegiatan mendulang di Lubuk Mandi akan dihentikan jika pendulang tidak mengikut peraturan termasuk jangan menggali terowong kerana membahayakan nyawa.
- 9 Mac - 100 pendulang ditangkap kerana mendulang secara haram dan tidak ikut peraturan.
- 13 Mac - PTG mengemukakan tiga cadangan kepada kerajaan mengenai keselamatan mendulang.
- 16 Mac - 11 pendulang termasuk dua rakyat Kampuchea ditangkap kerana mendulang secara haram.
- 31 Mac - SS kemukakan syor kerajaan negeri mengenai akta jual beli emas digubal.
- 14 Apr. - PTG serah laporan khas mengenai kawalan dan cadangan mendulang kepada MB.

- 28 Apr. – Penulis bercuti sakit dan berada di rumah tetapi terus berkejar ke tempat kejadian apabila diberitahu tanah runtuh dan pendulang tertimbus. 13 orang dikhuatiri mati. Sebenarnya 6 orang terkorban, bakinya dapat diselamatkan.
- 29 Apr. – Orang ramai mendengar suara meminta tolong dari lubang yang tertimbus.
- 29 Apr. – Seorang mangsa tanah runtuh dapat diselamatkan jam 1.45 pagi iaitu 9 minit selepas anak seorang tentera dikeluarkan dengan diberi pernafasan oksigen.
- 30 Apr. – MB sedih tragedi tanah runtuh.
- 1 Mei – Penemuan 17 pasang kasut semasa kerja mencari mangsa tanah runtuh oleh "jentolak angsa hidrolik". Ini menjadi tanda tanya.
- 1 Mei – Tiga lagi mayat dijumpai.
- 4 Mei – Operasi mencari mangsa tanah runtuh dihentikan. Kerajaan negeri mengisyiharkan penutupan kegiatan mendulang di Lubuk Mandi buat sementara.
- 12 Mei – Tujuh pendulang yang telah membaharu lesen bagi tempoh sebulan diminta supaya mengembalikannya kepada Pejabat Tanah Marang bagi proses pembatalan, berikutan arahan baru MB menutup Lubuk Mandi.
- 15 Mei – PTG belum menempatkan penguatkuasa sejak ditutup pada 4 Mei walaupun terdapat 100 hingga 200 masih mendulang.
- 18 Mei – Lebih 1000 pendulang berhimpun untuk menubhukan persatuan di pinggir hutan Lubuk Mandi dan membuat satu memorandum merayu kepada MB supaya Lubuk Mandi dibuka semula.
- 21 Mei – Lubuk Mandi diceroboh lagi dengan bebas oleh orang ramai walaupun papan peringatan dan amaran dipasang di setiap penjuru sejak seminggu lalu.
- 22 Mei – Pendulang secara haram mulai membawa keluar

tanah dan batu dalam guni dengan motosikal dan lori untuk diproses di rumah.

- 30 Mei - Seorang pendulang dari Kuantan di antara 13 yang didenda kerana mendulang dalam tempoh Lubuk Mandi ditutup.
- 10 Jun - Penguatkuasa PTG dengan kerjasama polis ber-kawal, tetapi pendulang haram masih boleh me-larikan tanah dan batu batan yang mengandungi emas melalui semak-samun dan lorong-lorong yang baru diteroka. Ada juga yang menggali lu-bang untuk mengambil tanah pada waktu malam.
- 6 Jul. - Kelulusan Exco: MB umumkan perlantikan Haji Muda Mamat sebagai Pengurus Jawatankuasa Pe-nyelaras Pendulang Emas Lubuk Mandi (JPPELM). Meluluskan dua surau, pergi dan pagar kawasan seluas 118 hektar di samping menyiapkan jalan masuk ke Lubuk Mandi.
- 17 Jul. - JPPELM melawat sekitar kawasan mendulang terutama di kawasan bahaya (terowong).
- 15 Ogos - Pembaharuan lesen dibenarkan dengan tambahan pendaftaran RM20 serta bayaran lesen RM60 bagi dua bulan.
- 1 Sept. - Kelulusan Exco: MB umumkan kawasan mendu-lang dibuka semula esoknya dengan peraturan baru.
- 2 Sept. - Lubuk Mandi dibanjiri semula oleh 3000 pendu-lang setelah 4 bulan ditutup. 60 hektar daripada 118 hektar yang diwartakan sahaja yang dibuka untuk kegiatan mendulang.
- 3 Dis. - Kejadian tanah runtuh berlaku lagi, 6 orang nya-ris maut ketika membuat terowong 6 hingga 10 meter dalam.
- 28 Dis. - SS mengarahkan semua pemilik persendirian, yang mendapati tanah mereka mengandungi emas bo-leh kemukakan permohonan tukar syarat tanah dari pertanian kepada perlombongan.

Tahun 1990

- 9 Feb. - PDM menjadi pejabat daerah yang terkaya di negara ini dengan kutipan hasil RM1 125 630 daripada 14 520 lesen mendulang dalam masa setahun.
- 13 Feb. - Pertubuhan Pendulang menggesa pihak berkenaan supaya timbus semula lubang atau terowong di sekitar Lubuk Mandi.
- 7 Mac - 6 pendulang berusia 17 hingga 40 tahun ditahan pada jam 4.30 pagi.
- 26 Mac - Seorang kakitangan MDM, Shafei Muda, 45 mati dan 4 lagi rakannya cedera apabila berlaku tanah runtuh ketika mendulang.
- 27 Mac - Lubuk Mandi ditutup sementara kepada pendulang.
- 28 Mac - Perkeso sumbang RM1000 kepada balu Shafei, Puan Aminah Bakar, 38 tahun.
- 31 Mac - Pengurus JPPELM, Haji Muda Mamat, juga Exco kerajaan negeri mengarahkan supaya Lubuk Mandi ditutup selama tiga hari.
- 4 Apr. - Tempoh penutupan dilanjutkan dua hari lagi atas arahan mesyuarat EXCO kerajaan.
- 6 Apr. - Kelulusan EXCO: MB umumkan tempat itu ditutup hingga 1 Mei bagi kerja menimbus lubang dan terowong yang dalam. MB melantik Haji Hadi Awang, ADUN Rhu Rendang salah seorang ahli JPPELM baru bersama-sama bekas ahli parliment Marang, Haji Abdul Rahman Bakar, ahli Dewan Negeri Serada, Haji Yusof Musa dan Bekas Pengarah Perpaduan Ummah, Latif Muda. MB juga mengarahkan PMINT membuka segera 600 hektar kawasan dekat Lubuk Mandi bagi kegiatan melombong.
- 11 Apr. - Timbalan Pesuruhjaya Pas Terengganu, Haji Mustafa Ali meragui keikhlasan kerajaan negeri melantik Haji Hadi sebagai seorang ahli JPPELM. Haji Mustafa juga meminta kerajaan menjadikan

kawasan mengandungi emas di Lubuk Mandi sebagai khazanah yang boleh dimanfaatkan.

- 13 Apr. – Seorang daripada 7 pendulang dibebaskan kerana di bawah umur setelah dihadapkan ke mahkamah.
- 23 Apr. – 4 lelaki diberkas kerana menggunakan palong.
- 1 Mei – Kawasan mendulang dibuka semula.
- 5 Jun – Mahkamah keluarkan waran tangkap kepada seorang pendulang dari Kampung Setiu kerana gagal hadir di mahkamah.
- 27 Jun – Tiga lelaki bukan Melayu didenda RM10 500 atau 18 bulan penjara kerana mendulang secara haram.
- 22 Ogos – Seorang wanita 40 tahun di antara yang ditahan sedang memahat batu bahan galian di kawasan PMINT.
- 29 Ogos – MB arah kawasan mendulang dibuka semula pada 2 September gantian 1 September kerana Jumaat.
- 30 Nov. – Lubuk Mandi ditutup terus bagi kegiatan mendulang.

Tahun 1991

- Jan.–Apr. – Walaupun Lubuk Mandi ditutup, tetapi masih ramai orang terus mendulang. Kalau tidak siang, waktu malam secara berkumpulan.
- 11 Apr. – Polis bertindak menahan 71 pendulang kerana menceroboh dan mendulang di kawasan PMINT.

BAB KELIMA

i. Barang Purba daripada Emas Ditemui

LUBUK MANDI terus dikopak. Hutan yang tebal dan menghijau menjadi hodoh. Pendulang terus mencari. Walaupun bahan yang dicarinya tidak nampak di mata, tetapi mereka tetap yakin bahawa bahan itu ada di mana-mana. Bukankah Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang?

Dahulu, hutan itu sepi. Kalau kali pertama menjajakan kaki di situ, boleh meremangkan bulu rompa. Kesepian ini sering dihubungkan dengan sesuatu misteri tetapi tidak ada yang mengetahui apakah misterinya itu. Apabila terbongkar, baharulah diketahui bahawa hutan yang sepi dan penuh misteri itu menyimpan bisikan-bisikan emas yang bergejolak di dalamnya.

Bagi pendulang, semua rintangan mesti dilalui. Apalah yang hendak ditakutkan? Selama ini pun, khususnya rakyat Terengganu senantiasa berada di hujung gelombang, berdayung berkolek mencari kembung, cencaru atau kikit. Maut ada di mana-mana, tetapi mereka tetap gigih.

Pasir berdebu dan tanah berlumpur mesti ditempuh. Batubatan mesti dipecah. Lubang mesti digali. Terowong mesti dibuat. Kalau tidak rezeki tidak akan datang menggolek. Usaha sangat penting dan semangat mesti kuat.

Penemuan emas memang memberi rahmat. Kalau dulu Rusila mempunyai sebuah kedai emas, semenjak Lubuk Man-

di bertukar menjadi lubuk emas, sudah menjadi lima. Belum lagi termasuk yang baru dibuka di tepi-tepi gerai.

Apabila tiba masa penjualan terutama sekali pada sebelah petang, suasana bertukar menjadi pusat pasaran emas. Riuh-rendah suara tawar-menawar dan hilai ketawa para pendulang. Emas bertukar tangan dan duit juga bertukar hak milik.

Suasana yang memberangsangkan ini mendorong para pendulang bekerja dengan gigih. Lubang terus digali, terowong terus dibina. Semakin dalamnya lubang yang digali semakin banyak pula emasnya.

Tiba-tiba seorang pendulang, Azmi Azhar dari Kampung Rusila menjerit dari dalam lubang sedalam enam meter. Beberapa orang rakannya yang sedang mengaut tanah dengan menggunakan timba dari atas lubang menjadi panik.

Azmi pendiam orangnya tetapi mengapa? Perasaan ingin tahu semakin berkecamuk. Beberapa minit kemudian, dia memanjat tangga kayu yang disediakan untuk naik ke atas. Mukanya pucat seperti kena sawan. Badannya lemah tidak bermayaya lagi. Tangan kanannya menggenggam sesuatu dengan erat.

Mulutnya tertutup. Matanya juga terpejam rapat. Apabila kawan-kawannya bertanya, dia tetap membisu seribu bahasa. Peluh di dahinya meleleh, turun ke dagu. Disapunya dengan tangan kiri. Tangan kanannya masih digenggam kuat.

Salah seorang daripada rakannya meminta dia membuka genggaman tangannya. Dia buat tidak tahu sahaja. Lantas seorang daripadanya cuba membukanya. Dia meronta. Enggan membenarkan.

Badi apakah yang meresapi diri Azmi? Jembalang apakah yang merasuk? Beberapa orang yang tahu ilmu batin membaca sesuatu. Yang lain pula mengambil air. Dihembusnya ke atas ke bawah. Ayat-ayat suci al-Qur'an dibaca lalu ditiup perlahan-lahan ke dahi Azmi.

Orang ramai diminta beredar. Beberapa minit kemudian Azmi sudah pulih. Dia mengucap dua kalimah syahadah. Dia juga hairan. Mengapa terjadi begitu. Rasanya seolah-olah dia dibuai mimpi.

Genggamannya dibuka. Semua orang terperanjat melihat sebentuk loket purba tetapi masih bersinar. Besar sedikit daripada wang syiling sepuluh sen. Tangkainya belum bercerai daripada loket emas itu. Di bahagian depan tertera wajah seorang perempuan cantik, bersanggul dan dikelilingi oleh bintang-bintang halus. Tarikh yang tercatat pada loket itu 1897. Di sebelahnya pula ada gambar seekor burung seperti helang sedang terbang. Di kelilingnya pula tertera tulisan *United States of America, Fived.*

Dengan penemuan loket emas dalam lubang sedalam enam meter itu, Lubuk Mandi semakin ditebali oleh misteri. Hanya sejarah sahaja boleh menentukan. Tidak siapa menduga bahawa barang purba daripada emas terdapat di kawasan itu.

Cerita penemuan loket purba ini tersebar luas. Ramai yang mencari Azmi sekadar untuk melihat dan mempastikan kebenarannya. Ramai pula yang berminat hendak membelinya, terutama di kalangan orang-orang bukan Melayu. Kononnya loket misteri itu boleh membawa tuah.

Ada yang menawarkan dengan harga RM1000 dan tidak kurang pula yang mahu membelinya dengan harga RM3000. Azmi tidak mahu menjualnya. Dia mahu menyimpannya. Kalau dijual wang itu akan habis juga, bisik hati kecilnya. Apa lagi pada masa itu, wang sebanyak itu tidak menjadi hal. Sebab, hasil jualan emas yang diperolehnya setiap hari dianggarkan antara RM100 hingga RM300. Sememangnya lumayan bagi seseorang yang sebelum ini hanya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Entah macam mana, suatu malam, Azmi yang masih bujang itu datang ke rumah saya bersama-sama neneknya dalam keadaan keluh-kesah. Dia memberitahu masalah yang menimpa dirinya sejak penemuan loket itu.

Mulanya, saya tidak percaya. Ceritanya semakin serius. Suaranya yang perlahan semakin meninggi. Dia sering bermimpi. Kadang-kadang menyeronokkan, tetapi yang tidak tahannya mimpi yang menggerunkan sehingga seluruh badannya basah bermandi peluh.




Ketulan-ketulan emas yang berjaya didulang

Apabila ditanya apakah mimpi itu, dia menggeleng. Tidak boleh cakap. Apa yang dirasanya, badannya bertambah kurus. Tidak cukup tidur. Bukan kerana kerja keras mengorek lubang di Lubuk Mandi, tetapi kerana tidak cukup tidur.


Untuk mengatasi perkara ini, dia berterus-terang menyatakan hasratnya hendak menjual loket itu dengan harga yang pernah ditawarkan. Saya terdiam. Sukar hendak membuat keputusan. Setelah isteri saya bersetuju, bukan untuk dipakai, tetapi sekadar untuk disimpan, saya membelinya dengan harga yang ditawarkan.

“Saya tidak benarkan sesiapa memakainya. Lalu disimpan di suatu tempat khas yang sukar ditemui oleh sesiapa, walau-pun oleh keluarga sendiri. Ini merupakan salah satu peninggalan sejarah. Mungkin suatu hari nanti, muzium negeri bercadang untuk membuat penyelidikan, dan loket ini boleh dijadikan barang kes.”

Beberapa hari kemudian, Abdul Rahman Kadir dari



Keris kecil ini unik



Batu berlian juga turut ditemui



Kampung Beris Gong Pulau Kerengga, Marang menemui pula sebilah keris kecil sewaktu menggali lubang sedalam dua meter.

Keris tanpa hulu itu ditemuinya dalam lapisan batu diper-
cayaai digunakan sebagai tangkal dan azimat oleh pemiliknya

pada zaman dahulu. Sememangnya keris itu aneh. Panjangnya cuma dua inci dan begitu nipis sekali seperti filem kamera tetapi tidak boleh dilentur.

Di kedua-dua belahnya tertulis perkataan Lailahaillah, yang dihiasi kelilingnya dengan ukiran. Dipercayai diperbuat daripada beberapa adunan besi dan disaluti tembaga.

Pada awalnya Abdul Rahman keberatan hendak menceritakan kisah penemuan keris itu. Dia bimbang sesuatu yang tidak diingini akan berlaku. Lagipun dia menganggap penemuan itu sebagai satu anugerah yang bermakna.

Dia sememangnya terkejut apabila melihat keris itu berada dalam batu yang dipecahnya untuk mencari emas. Pada masa itu, dia didatangi seorang lelaki tua berjubah putih menyuruhnya menyimpan keris itu dengan baik. Dia juga meminta supaya membalutnya dengan kain kuning, mengaspakannya dengan kemenyan pada setiap malam Selasa dan sembahyang hajat.

Abdul Rahman juga pernah bermimpi, orang tua itu meninggalkan pesan bahawa keris itu adalah milik wali-wali Allah dan bukan milik iblis atau syaitan. Sebab itu, dia enggan menjual keris tersebut walaupun ada orang menawarkannya dengan harga yang tinggi.

"Ketulan batu itu berlapis, saya keluarkan dari dasar lubang sedalam enam kaki dan semasa memecahkannya, tangan saya terkena benda tajam dan bila diamati ia adalah mata keris," kata Abdul Rahman yang kurus tinggi mulai bercerita.

Sebaik-baik sahaja menemuinya, dia terus pulang ke rumah kerana bimbang keris itu akan rosak atau hilang.

Lubuk Mandi semakin aneh apabila ada pula orang yang menemui batu-batu berlian putih berkilat dan hitam keras di sekitarnya. Malah banyak lagi penemuan barang purba lain termasuk seterika tembaga, serpihan dulang dan kulit siput. Ini menjadikan pihak muzium mula berminat.

Pada 13 Disember, 1988, Pengarah Muzium Negeri, Encik Yusof Abdullah meminta kerjasama orang ramai yang menemui barang purba di kawasan Lubuk Mandi supaya

membuat laporan. Ini bagi membolehkan kajian mengenai kesan-kesan sejarah berkait dengan warisan bangsa dapat dijalankan.

Pihak muzium memberi jaminan tidak akan merampas barang purba yang dijumpai dan akan mengembalikan semula kepada mereka yang menemuinya selepas kajian selesai dilakukan. Dalam masa yang sama, Encik Yusof berkata, bagi sesiapa yang menyerahkan terus kepada muzium atau membantu menemukan barang purba, sugu hati yang setimpal akan diberikan kepada mereka.

Ini satu petanda baik. Tetapi malangnya, walaupun pelbagai barang purba ditemui, semua mereka yang menemuinya mendiamkan diri. Usahakan hendak bekerjasama dengan pihak muzium, membuka mulut pun tidak.

Bagaimanapun, berdasarkan penemuan barang-barang purba itu, kajian awal pihak muzium mendapati kegiatan mendulang emas di kawasan tersebut mungkin telah dijalankan lebih 50 tahun yang lepas dan dipercayai pernah menjadi sebuah perkampungan lama yang telah ditinggalkan oleh penduduknya. Tetapi mengapa Lubuk Mandi ditinggalkan? Apakah petaka dan sebabnya? Bangsa dan keturunan apakah yang pernah mendiami kawasan ini?

Di bawah Akta Benda Purba 1976, ada tercatat, sesiapa yang menjumpai barang purba tetapi tidak melaporkan penemuan itu atau menyerahkannya atau sengaja membuat laporan palsu boleh dihukum penjara tidak lebih satu tahun dan denda tidak lebih RM2000 jika sabit kesalahan.

Manakala mereka yang kemudiannya menjual atau melupuskannya boleh dihukum penjara tidak lebih dari enam bulan atau denda tidak lebih RM1000 atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu, Persatuan Sejarah Terengganu kesal dengan broker barang antik yang menghasut pendulang yang menemui barang purba itu supaya tidak menyerah atau melaporkan kepada pihak muzium.

Tentunya, golongan ini cuba mengambil kesempatan untuk membeli dan mendapatkan keuntungan lumayan setelah

meyakinkan pemiliknya bahawa jika tidak dijual pihak mu-zium akhirnya akan merampas sekiranya dapat dikesan.

Jadi, sesuatu yang amat malang apabila barang-barang warisan sejarah itu hilang tanpa dapat dikesan, apa lagi jika terjual keluar negeri.

ii. Ramai Tidak Berlesen, Tidak Bayar Zakat Emas

Dewan Undangan Negeri Pahang yang bersidang pada 14 November, 1988 telah bergema dengan masalah perlombongan. Menteri Besarnya, Datuk Sri Khalil Yaakub meminta penduduk tempatan supaya membuat permohonan untuk mengusahakan kawasan lombong yang terdapat di luar kawasan berpotensi di negeri itu.

Bagaimanapun, bagi kawasan lombong yang terdapat dalam kawasan yang berpotensi tinggi hanya boleh dipohon oleh syarikat-syarikat besar melalui Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP).

Pada masa yang sama, kerajaan Kelantan menggalakkan usaha melombong emas secara kecil-kecilan, walaupun kawasan tersebut sudah diwartakan kepada syarikat asing atau syarikat dalam negeri.

Dalam pada itu, Lubuk Mandi masih lagi menjadi tumpuan manusia, digodak dan dikorek sehingga di mana-mana sahaja kelihatan lubang-lubang menganga. Suasannya tidak banyak berubah walaupun kerajaan negeri menutup buat sementara kegiatan mendulang emas di situ sejak 4 Mei 1989.

Gerai-gerai perniagaan terutama kedai kopi di kawasan pintu masuk beroperasi seperti biasa, begitu juga kedai-kedai jual beli emas. Masih ada lagi peraih emas dapat membeli tidak kurang daripada dua tahil emas atau lebih RM2000 sehari berbanding kira-kira lima tahil atau RM5000 semasa kerajaan membuka dan melesenkan kawasan tersebut.

Jelaslah pendulang tidak menghiraukan sangat arahan kerajaan. Mereka terus mendulang dan ramai juga yang membawa pulang tanah atau batu untuk diproses di rumah masing-masing.



Loket emas yang dijumpai di Lubuk Mandi ini tersimpan di tangan penulis

Pihak PTG terpaksa menugaskan kakitangannya seramai 34 orang untuk mengawal Lubuk Mandi selama 24 jam setiap hari.

Walaupun ramai juga pendulang haram ditangkap, tetapi ternyata penguat kuasa PTG tidak terdaya untuk mengawal kawasan seluas 344 hektar yang diwartakan itu. Pencerobohan terus berlaku, bukan sahaja di kawasan yang dikawal, malah beberapa kawasan lain yang belum diwartakan termasuk ber-puluh-puluh hektar lagi kawasan tanah milik individu.

Yang menjadi tanda tanya, pencerobohan ini terus berlaku walaupun kerajaan telah membuka semula kawasan itu bagi kegiatan mendulang yang berkuatkuasa 1 September 1989 sebagaimana keputusan mesyuarat EXCO kerajaan negeri.

Tentunya sukar untuk mengawal kegiatan pencerobohan ini walaupun kawasan yang dibenarkan untuk mendulang dikurangkan kepada 118 hektar dan dipagar pula. Lubang yang dalam dan terowong terus menganga tanpa ditimbus. Ini me-



Pengarah Muzium Negeri, Encik Yusof Abdullah sedang membuat kajian bahan purba yang ditemui

mudahkan lagi pencerobohan. PTG yang menyedari hal ini sudah sakit kepala.

Dalam bulan pertama 1990 keadaan semakin bertambah rumit. Haji Muda Mamat selaku Pengurus Penyelaras Pendulang Emas Lubuk Mandi membuat keputusan untuk menutup terus kawasan itu tetapi mendapat tentangan daripada Pertubuhan Pendulang Emas yang dipengerusikan oleh Haji Anas Awang.

Pegawai Daerah Marang yang baru, Haji Baharuddin Ismail, walaupun tidak banyak campur tangan dalam hal ini seperti bekas pegawai daerah yang lalu, tentunya berada dalam keadaan yang serba salah.

Keadaan ini menjadi semakin rumit apabila Menteri Besar Tan Sri Haji Wan Mokhtar membuat keputusan untuk mengkaji kemungkinan membenarkan pendulang emas membawa mesin mengisar batu dan pam air ke kawasan itu bagi membantu pendulang menjalankan kegiatan mereka dengan lebih mudah.

Dalam masa yang sama Pengarah PTG yang baru, Dato' Haji Nik Khalid Kamil hendak menutup kawasan itu buat sementara waktu bagi membolehkan pihak PTG membuat ka-jian tentang kemungkinan menjalankan perlombongan secara komersial. Dalam pada itu tidak ramai lagi pendulang yang membaharui lesen mereka. Pada hari pertama, pembaharuan lesen bagi bulan Mac dan April, hanya 146 orang sahaja memohon sedangkan dalam tempoh Januari hingga Februari seramai 2081 orang pemohon.

Ini jelas menunjukkan sebilangan besar para pendulang sendiri kurang berminat atau mungkin sengaja tidak mahu membaharui lesen. Selama ini pun pemeriksaan lesen jarang dilakukan dan para pendulang bebas keluar masuk melalui beberapa batang jalan di kawasan tersebut.

Mungkin juga mereka menyedari bahawa tidak banyak lagi kawasan yang boleh diteroka dan kalau ada terpaksa menggali lubang yang dalam. Menyedari hal ini pihak PTG bertindak tegas, dengan membuat pemeriksaan lesen secara mengejut. Ramai yang ditangkap dan didenda.

Hasil daripada tindakan ini, jumlah pendulang yang membaharui lesen bagi bulan Mac dan April meningkat dengan mengejut menjadi 1031 termasuk 186 lesen baru.

Walau bagaimanapun pendulang yang tidak membaharui lesen mereka masih ramai. Hal ini jelas jika dibandingkan pendapatan bayaran lesen pada peringkat awal dulu sebanyak RM1 250 630 hasil daripada 14 520 lesen mendulang yang dikeluarkan.

Dalam tempoh sebulan sahaja (Disember 1988) seramai 9183 orang mengambil lesen dengan kutipan RM459 150. Setiap pendulang dikenakan bayaran RM20 untuk daftar dan RM30 untuk lesen bagi tempoh sebulan.

Sepanjang tahun 1989, kecuali Mei, Jun, Julai dan Ogos sebanyak 3256 lesen mendulang dikeluarkan dengan kutipan hasil lebih RM500 000. Tidak ada lesen dikeluarkan bagi Mei, Jun, Julai dan Ogos berikutan tanah runtuh yang mengorbankan enam pencari emas pada 23 April sebelum itu.

Bagi dua bulan pertama tahun itu sahaja, sebanyak 2081 lesen dikeluarkan dengan kutipan RM166 480. Pejabat Daerah Marang merupakan pejabat daerah yang terkaya di Terengganu. Dalam suasana yang kelam-kabut ini Lubuk Mandi tidak pernah tidur. Pencari emas tidak lagi mendulang tetapi mulai memahat batu-batu besar dan menggali lubang sehingga 20 – 30 meter dalam dan membuat terowong di bawah tanah.

Cara ini sebenarnya dilarang oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan bahaya tanah runtuh. Yang tahu tentang bahaya ini menukar teknik bekerja mereka dengan memanjat bukit dan memahat batu-batan yang besar kemudiannya ditumbuk sehingga menjadi halus sebelum diayak.

Dengan cara ini, mereka masih lagi mendapat antara RM30 hingga RM200 malah ada yang dapat lebih RM500 sehari.

Meskipun begitu banyak lesen dikeluarkan, hanya 69 orang pendulang sahaja yang menunaikan kewajipan membayar zakat kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sejumlah RM7000.

Sebilangan kecil pula mengeluarkan zakat terus kepada pihak berkuasa masjid atau pemimpin agama untuk disampaikan kepada orang-orang yang memerlukan.

Bahagian Zakat di pejabat agama mendapatkan senarai lengkap nama pendulang emas daripada pejabat Daerah Marang. Kepada mereka dikirimkan borang taksiran zakat emas. Sambutan mereka sangat dingin.

Mengikut Nazir Zakat, Haji Cik Anan Cik Mohamad, setiap 85 gram emas bersamaan 20 mithqal yang diperolehi oleh setiap pendulang mesti dikenakan zakat sebanyak setengah peratus daripada nilainya.

Disember 1988 semasa lesen mendulang baru dikeluarkan, hanya enam orang mengeluarkan zakat dengan kutipan RM1000 sahaja. Sepanjang tahun 1989 pula, 63 orang yang mengeluarkan zakat dengan kutipan RM6000.

Di bawah Enakmen Pentadbiran Agama 1986, mereka yang tidak menuaikan kewajipan itu boleh didenda RM3000 atau setahun penjara atau kedua-duanya sekali.

BAB KEENAM

i. Perebutan Kawasan Mendulang dan Kerenah Peraih Emas

LUBUK MANDI terus menganga. Dalam sinar bulan yang mengintai di hujung langit, lubang yang menganga ini menjadi lubang-lubang kubur yang dihiasi oleh irama maut dan kengerian. Bagi pendulang lubang-lubang maut ini merupakan lubang rezeki yang mesti dikawal siang dan malam takut dicerobohi oleh orang lain.

Setengah-setengah orang menandakan lubang masing-masing dengan sekatan kayu. Tetapi pencuri terus juga mencecroboh. Apatah lagi kalau sesebuah lubang itu banyak mengandungi emas.

Apabila nafsu dijadikan penunjuk jalan, biasanya, manusia akan cepat lupa daratan. Apabila lupa daratan, menandakan cahaya keimanan kian menjadi malap. Apabila cahaya keimanan sudah menjadi malap pelbagai angkara jahat mudah dilakukan, malah ada orang yang sanggup membunuh.

Apabila manusia itu terlalu miskin dia akan mudah menjadi kufur. Kalau terlalu kaya pula mereka cepat lupakan diri. Ini semuanya ujian Tuhan. Ujian Tuhan itu datang dalam pelbagai cara dan gaya.

Inilah yang berlaku di sini. Tamak, sudah lupa diri, tidak kenal kawan, tidak kenal saudara sekampung dan tidak ber-

tegur sapa. Lubang-lubang maut inilah yang memisahkan mereka dan menanamkan syak wasangka dalam diri, dengki dan iri hati.

Inilah cerita Awang Taib. Pagi itu, dia sampai agak lewat daripada biasa. Cangkul di bahu dilempar. Terpelanting di bawah sebatang pokok, tempat dia sering berteduh dari panas dan hujan. Di situ lah tempat dia berehat, makan minum dan seterusnya mengerjakan solat.

Fikirannya melayang jauh. Dia sudah nekad tidak mahu lagi menjadi nelayan. Berapa sen sangat yang diperolehnya sehari setelah perit berada di tengah laut. Laut seolah-olah tidak hanya memberikan kikik dan tambang sisik yang lekat dijaring bahkan menyediakan juga kawah maut.

Dia terkenang sepupunya yang masih ke laut. Dia hairan, mengapa sepupunya itu berdegil? Kerjanya seperti mengadai nyawa sedangkan pendapatan tidak seberapa. Tengkujuh datang, laut bergelora masih juga turun ke laut? Mana ada nelayan yang kaya-raya, senang-lenang kecuali tuan punya bot atau tekong.

Tidak tergerakkah dia untuk mengubah haluan? Datanglah ke Lubuk Mandi. Orang lain sudah lama kaya-raya. Bukan cerita dongeng, ini benar. Dia sendiri pun boleh dapat antara RM50 hingga RM100 sehari. Kadang-kadang, kalau bernasib baik terjumpa kawasan 'ibu' emas, pendapatan boleh meningkat lebih RM200 sehari.

Kalau sepupunya boleh dipujuk, dapat juga dia berkawan dan berkongsi tenaga. Sama-sama menggali lubang atau membongkah batu. Apabila cepat lubang digali, cepatlah juga mendapat hasilnya.

Dia sedar ramai juga saudara-maranya yang lain mencari emas di kawasan itu, tetapi semuanya mementingkan diri sendiri. Kalau dapat lubang yang baik, kiranya disapa orang itu buat-buat tidak kenal. Bimbang kalau-kalau dia muh tumpang sekaki.

Orang lain semuanya bermuafakat, sanak saudara bersatu padu, tidak ada dengki dan iri hati. Sama-sama membanting tulang, lepas itu sama-sama pula membahagi-bahagikan hasil

yang diperolehi secara sama rata.

Walaupun Awang seorang diri tetapi dia tetap bersyukur kerana lubang yang digali dua hari yang lalu cukup baik. Sekarang baru paras lutut. Masih banyak lagi dapat dikaut dan didulang. Harapannya kalau berterusan begitu senanglah dia. Dapatlah keluarganya hidup mewah sedikit.

Dia mulai meredah semak untuk memudahkan laluan ke lubang yang digalinya. Langkahnya begitu cepat. Segar. Dia terkejut, harapan yang menggunung terpacak dalam dirinya tiba-tiba berkecaci. Lubangnya telah digali orang. Dia tidak tahu siapa.

Dia marah. Kalau ikut hati yang panas, mahu dibunuhnya orang yang berani mencerobohnya. Lubang itu memang banyak emas. Sebab itu dia meletakkan beberapa batang kayu di sekelilingnya sebagai tanda.

Sepatutnya orang lain tidak boleh mengganggu. Banyak lagi kawasan lain. Galilah sendiri. Ini, hendak senang sahaja, datang-datang kaut untung dari lubang orang.

Berbuih mulutnya menyumpah. Memaki hamun orang yang mengambil tanah dari lubangnya itu. Masa itu tidak ada orang dalam lubang itu. Kesan tapak kaki, di pinggir lubang nampaknya masih baru. Dia fikir, mungkin juga orang yang mencuri tanah dalam lubangnya itu sedang mendulang di paya dekat situ.

Dia menunggu dengan sabar. Beberapa minit kemudian, muncul Omar Ibrahim, kawan sekampungnya membawa dulang kosong (kuali). Tangan kirinya memegang sebiji bekas *tupperware* untuk mengisi emas. Gembira sungguh nampaknya dia. Boleh jadi dapat emas banyak.

Tanpa membuang masa lagi, Omar terus menyodok tanah dari sebuah lubang yang berhampiran dengan lubang miliknya. Apabila diamati, jelas dia menceroboh lubang orang. Awang terpegun seketika. Hatinya semakin sakit dan panas membara.

Perlahan-lahan Awang mendekati lubang itu, lalu menerkam Omar. Berlakulah cabar-mencabar, tuduh-menuduh yang akhirnya mereka bergelut. Beberapa orang yang melihat ke-

jadian itu datang meleraikan keadaan.

Omar terpaksa dikejarkan ke Hospital Besar Kuala Terengganu kerana cedera di bahagian kepala dan pergelangan



Pahat dan penukul digunakan untuk menebuk bukit



Pendulang dengan kerja masing-masing

tangan kanannya. Mungkin terkena cangkulnya sendiri.

Awang tidak mengendahkan nasib malang kawannya itu. Malah, beberapa orang saudara dan kenalan datang bertanya khabar, tidak juga dijawabnya. Seolah-olah dia tidak pernah bersuara. Hatinya terus membara.

Sepanjang hari itu, Awang bekerja keras. Dia terus menggali dan mengodak. Lepas mendulang, menggali lagi. Kaut tanah, mengayak sehingga lupa kiri kanan.

Rezeki yang diperolehinya hari itu padan dengan kerjanya. Dia bersyukur. Dia bercadang untuk pulang awal, setibaanya di suatu kawasan lurah, dalam perjalanan pulang dia terserempak dengan sekumpulan pemuda sedang bergaduh.

Dia tidak kenal siapa, kerana muka mereka sudah bermandi air lumpur. Awang mendekati mereka lalu menyergahnya. Setelah beberapa kali diminta berhenti, beberapa orang pemuda yang terlibat cuba melarikan diri.

Mungkin mereka menyangka, Awang seorang anggota polis atau penguatkuasa PTG. Jelas, mereka bergaduh kerana tidak mematuhi undang-undang yang dibuat sendiri. Tidak bo-

leh ceroboh-menceroboh sewenang-wenangnya kawasan atau lubang orang. Nanti buruk padahnya.

Awang meneruskan perjalanananya. Sampai sahaja di pintu keluar Lubuk Mandi, beberapa orang peraih emas sudah menunggu untuk membeli. Dia menjadi serba salah. Kepada peraih manakah yang hendak dijual emasnya, kerana ramai yang datang menyerbu.

Ada yang menawarkan dengan harga RM60 seamas, ada RM70 dan ada juga RM80 seamas (16 amas bersamaan 39 gram). Dia semakin gelisah. Fikirannya bercelaru. Dia melihat sahaja beberapa orang yang baru keluar dari mendulang menjualnya.

Memang, begitulah suasana pada sebelah petang, ketika pendulang keluar hendak pulang. Dia sendiri tidak tahu bagaimana cara hendak menjualnya.

Sekali-sekala fikirannya tidak percaya kepada sebilangan peraih yang berselerak itu. Mungkin juga boleh berlaku timbangan yang tidak betul. Apa pun, emasnya mesti dijual. Perut anak isteri perlu diisi.

Akhirnya, Awang memilih seorang peraih wanita. Dia kenal betul wanita itu kerana pernah beberapa kali dia datang ke rumahnya dan rumah jirannya membeli emas. Mulanya dia terkejut juga, tentang keberanian seorang wanita yang sanggup menjelajah dari rumah ke rumah untuk membeli emas.

Kali ini, Awang menjual emas kepada wanita itu. Harganya, RM65 seamas. Dapatlah dia RM95 pada hari itu. Apabila sampai di rumah, sudah ada peraih menunggu di tangga dan sedang berbual dengan isterinya.

Awang memberitahu, semua emas yang diperolehi pada hari itu telah dijual. Peraih itu tidak mahu beredarnya. Ditanya pula hasil yang diperolehi dua tiga hari yang lalu. Juga telah dijual.

Isterinya lalu berbisik supaya emas yang tersimpan untuk membuat gelangnya dijual. Awang menurut sahaja. Untuk gelang itu tunggulah rezeki yang lain sehari dua lagi. Mana tahu hasil lebih banyak. Tuhan Maha Pengasih, cuma usaha mesti lebih.



Pendulang membuat lubang

Sesungguhnya, Awang sendiri tidak mengerti. Emas yang dijualnya itu sedikit sahaja, tetapi wang yang diperolehi jauh lebih banyak daripada jualan di pintu masuk Lubuk Mandi tadi. Hatinya menjadi gusar, kenapa emas yang sedikit itu dapat wang sebanyak RM125 sedangkan emas yang banyak hanya dapat RM95? Jelas, suatu penipuan sudah berlaku. Bukan kepada dirinya sahaja mungkin kepada semua pendulang emas yang lain.

ii. Kakitangan Kerajaan Turut Ditangkap

Kerja mendulang di luar waktu yang dibenarkan sudah menjadi biasa. Ramai orang yang ditangkap kerana melanggar peraturan itu. Sebab, kerajaan hanya memberi kebenaran mendulang dari jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja. Kalau di luar waktu itu, boleh ditangkap.

Dalam kesibukan, pencerobohan dan macam-macam itu,

tiba-tiba Lubuk Mandi menjadi ribut. Suara-suara sumbang turut kedengaran, kerana ramai kakitangan kerajaan turut di-berkas.

Pada 5 Januari 1989, sebelas orang pendulang emas ditangkap. Empat orang terdiri daripada kakitangan kerajaan. Semuanya didapati mendulang bukan sahaja tanpa lesen, malah di luar waktu yang dibenarkan.

Semasa ditangkap oleh penguatkuasa PTG dengan kerjasama polis dan tentera, mereka sedang menjalankan kegiatan mendulang dan menggali lubang pada kira-kira jam 2.30 pagi.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir terpaksa campur tangan. Beliau minta ketua-ketua jabatan kerajaan di negeri itu memastikan tidak ada mana-mana kakitangannya mendulang emas di Lubuk Mandi.

Langkah ini perlu, memandangkan terdapat ramai kakitangan kerajaan negeri mendulang emas secara haram. Kerajaan juga akan mengenakan tindakan tegas termasuk tindakan disiplin kepada kakitangan yang terlibat.

"Saya mahu semua pegawai dan kakitangan kerajaan menghentikan kegiatan itu dengan serta-merta, jika dibiarkan ia boleh menjatuhkan imej pentadbiran," kata Setiausaha Kerajaan Negeri itu dalam surat pekeliling yang dikeluarkan selepas tangkapan dibuat.

Surat pekeliling yang bertarikh 16 Januari 1989 itu juga diedarkan kepada semua ketua jabatan negeri, badan-badan berkanun negeri dan ketua jabatan kuasa-kuasa tempatan.

Tindakan selepas itu ialah menutup Lubuk Mandi untuk sementara mulai pada 27 Mac 1990. Ini berikutan dengan seorang kakitangan Majlis Daerah Marang (MDM), Shafei Muda, 45 mati manakala 4 rakannya cedera kerana tanah runtuh semasa menjalankan kegiatan mendulang.

Ini membuktikan bahawa ada kakitangan kerajaan yang masih meneruskan kegiatan mendulang. Saya sendiri menemui ramai kakitangan kerajaan bekerja mendulang selepas waktu pejabat dan hari cuti umum. Ada juga yang mengambil



Ramai pendulang terus mengorek lubang dalam dan buat terowong walaupun kerajaan telah mengharamkannya selepas dua kejadian tanah runtuh mengorbankan sembilan nyawa pada 24 dan 28 April, 1989 (Gambar atas dan bawah)



cuti khas untuk mendulang. Kalau-lah kakitangan kerajaan sendiri tidak mengambil kisah tentang arahan kerajaan apatah lagi orang awam.

Semakin dalam lubang digali semakin banyak emas ditemui. Pendulang bukan lagi menggali malah sudah berani pula menebuk lubang dari dalam, menjadi terowong yang berlapis-lapis. Kerja pula tidak kira siang malam, tidak peduli lagi pada larangan dan undang-undang.

Keselamatan diri tidak dipedulikan langsung. Bagi mereka di mana-mana pun boleh mati. Soal maut terletak di tangan Tuhan. Atas keyakinan inilah mereka berani membuat terowong di bawah tanah mengikut sesuka hati tanpa mengambil kira risiko yang ada.

Menteri Besar memberi amaran keras kalau keadaan tidak berubah dan mereka masih berdegil kerajaan akan menuup kawasan mendulang emas itu untuk selama-lamanya. Karena kedegilan pendulang sendiri, kerajaan terpaksa bertindak tegas, walaupun kerajaan sedar penemuan emas di Lubuk Mandi itu akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyatnya.

Sebagai langkah awal, kerajaan mengenakan tiga syarat baru yang mesti dipatuhi oleh para pendulang jika ingin terus menjalankan kegiatan mereka. Syarat itu ialah pendulang boleh menggali lubang sedalam dua meter, tidak dibenarkan mengorek kolong (terowong) dan mereka hanya boleh menjalankan kegiatan pada waktu siang hari sahaja.

Pegawai penguatkuasa PTG telah menampal *poster* yang mengandungi ketiga-tiga syarat baru itu di pintu-pintu masuk kawasan mendulang. Nampaknya, kilauan emas lebih berkuasa daripada peraturan kerajaan. Semua lubang yang ditimbul oleh kerajaan, mereka korek semula.

Pendulang menggunakan inisiatif baru dengan meletakkan batang-batang kayu merentangi permukaan lubang bagi mengelakkan tanah runtuh. Sekali lagi kontraktor yang dilantik oleh kerajaan terpaksa menggunakan jentolak bagi menimbus lubang-lubang dan terowong yang digali oleh pendulang.

Biasanya kerja menimbus ini dilakukan pada hari Jumaat

kerana semua pendulang tidak dibenarkan masuk ke kawasan itu sama ada bertujuan meninjau atau mendulang. Anehnya apabila hari ini ditimbus, keesokannya, mereka menggali semula. Begitulah keadaannya. Hari ini tutup, esok mereka beramai-ramai menggalinya semula.

Kerajaan negeri terpaksa meluluskan peruntukan sebanyak RM240 000 bagi kerja menimbus lubang dan terowong di kawasan itu. Yang menyediakan setiap pendulang terus juga mengorek dan tidak mahu menyedari apa yang dilakukan oleh kerajaan itu semata-mata untuk menjaga keselamatan diri mereka daripada menjadi mangsa tanah runtuh. Bukan setakat ini sahaja, kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM700 000 untuk memagar kawasan itu di samping pembinaan dua buah tandas, dua pergi dan dua surau, sebuah bagi kegunaan lelaki dan satu lagi untuk perempuan.

Dalam penggunaan peralatan untuk kerja-kerja mendulang kerajaan juga turut memberi amaran supaya para pendulang jangan sekali-kali membawa sebarang jentera atau mesin bagi tujuan memecah batu dan mengayak tanah, kecuali peralatan tradisional seperti skop, alat pecah batu (pahat), tukul dan cangkul.

Pendulang nampaknya terus berdegil. Mereka terus mencuri tanah-tanah dan batu dalam kawasan yang dipagar dengan memasukkan ke dalam guni untuk dibawa pulang. Mereka bukan sahaja mengangkut dengan van, kereta atau motor tetapi ada yang sanggup berjalan kaki dengan memikul dan menjunjung untuk diproses di rumah masing-masing.

Setakat ini pihak penguatkuasa PTG belum mengambil sebarang tindakan terhadap mereka walaupun ia salah di segi undang-undang. Pendulang juga tidak mematuhi arahan supaya memakai lencana berlesen dan masih juga berkeliaran mencari kawasan yang sesuai untuk menggali lubang.

Mengangkat tanah atau batu untuk diproses di rumah juga merupakan satu kesalahan. Sekiranya sabit, mereka yang melakukannya di bawah *Seksyen 426 (1) Kanun Tanah Negara* boleh dikenakan denda maksimum RM10 000 atau setahun penjara atau kedua-duanya sekali.

BAB KETUJUH

i. Kawasan Emas Merebak, ke Bawah Rumah, ke Reban Ayam

NAMA Lubuk Mandi terus bergayut di bibir semua orang. Namanya disebut-sebut sebagai bumi bertuah. Secara tidak langsung mereka yang tinggal berhampiran dengan kawasan itu terutama Kampung Rusila mendapat gelaran "orang kaya baru".

Saya juga mendapat gelaran yang sama kerana saya ber-
asal dari kampung tersebut. Tidak kurang yang membuat ber-
bagai-bagai andaian, sehingga ada yang mendakwa emas ter-
dapat di bawah rumah saya kerana jalurannya terus dari Lu-
buk Mandi.

Kerana percaya kepada andaian yang demikian, ramailah penduduk Kampung Rusila dan sekitarnya mencuba nasib. Me-
reka cuba menggali tanah di tepi rumah masing-masing dan mengayaknya di tepi sungai.

Andaian ini rupa-rupanya benar. Tanah yang diayak ada kilauannya dan dalam sekelip mata sahaja berita penemuan emas di bawah rumah atau di tepi pergi sudah merebak. Pe-
tani yang menajak sawah yang memisahkan Kampung Rusila dengan kampung Balik Bukit juga menemui logam emas.

Suatu hari, saya mengupah beberapa orang keluarga meng-
gali tandas tambahan di belakang rumah. Tanahnya hampir sama dengan yang terdapat di Lubuk Mandi. Anak saudara

saya cuba mengambil tanah itu dan mengayaknya beberapa minit. Benar, terdapat cahaya dan biji-biji emas, tetapi terlalu halus.

Saya terpaksa mengarahkan supaya tandas itu disiapkan cepat, mana tahu tanah yang sekangkang kera itu akan diserbu oleh orang ramai.

Dengan tersebarnya berita ini kerja mendulang merebak ke seluruh daerah Marang. Di mana-mana sahaja terdapat orang menggali dan mengayak, di depan dan di belakang rumah, di tepi reban ayam dengan harapan mencuba nasib. Suri rumah termasuk kanak-kanak semuanya ikut mencuba nasib, mana tahu ada rezeki.

Dalam tempoh yang sama, kegiatan mencari emas itu merebak ke beberapa buah kawasan di luar daerah Marang yang diwartakan. Ini disebabkan, kawasan sekitarnya seperti di Ru Dua, Ru Rendang, Kijing, Sungai Kerak, Seberang Marang, Pulau Kerengga, Mercang dan Batangan dipercayai mengandungi logam emas yang juga bermutu tinggi seperti yang terdapat di Lubuk Mandi.

Tentunya, menjadi satu kesalahan menjalankan kegiatan di luar kawasan 118 hektar yang diwartakan di Lubuk Mandi. Bagaimanapun, sebahagian daripada pencari emas ini menjalankan kegiatan secara diam-diam. Takut ditangkap. Kalau tidak berlesen walaupun tidak mendulang di Lubuk Mandi risiko kena tangkap tidak dapat dielakkan kerana ada kakitangan PTG membuat rondaan.

Ramai pendulang mendakwa kawasan yang diperuntukkan bagi mendulang di Lubuk Mandi sudah tidak banyak lagi mengandungi emas. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan tindakan kerajaan melambat-lambatkan untuk menyediakan kemudahan tempat mereka mengambil bahan itu seperti menggali parit besar dan panjang.

Melalui Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Pendulang Emas, kerajaan telah didesak supaya mempercepatkan pembinaan longkang dan segala kemudahan yang dijanjikan. Pendulang hanya dapat mengayak tahi tanah (tanah yang sudah didulang) setelah dibersihkan oleh jentolak. Tanah itu di-

katakan mengandungi emas yang halus dan paling rendah mutunya jika dibandingkan dengan emas di kawasan lain.

Apa yang menarik, Haji Muda Mamat yang mempengaruhi Jawatankuasa Penyelaras itu menyatakan kelewatan menyedia kemudahan ini disebabkan oleh sikap pendulang emas itu sendiri. Faktor cuaca juga merupakan satu sebab ia itu musim hujan yang berlarutan.

Beliau menegaskan, kerajaan sememangnya mewartakan kawasan seluas 118 hektar untuk rakyat negeri ini menjalankan kegiatan mendulang kerana dari kajian yang dibuat ia mengandungi emas paling banyak, jika dibandingkan dengan kawasan lain.

Bagaimanapun, buat sementara ini, kira-kira 60 hektar sahaja yang dibuka dan bakinya 58 hektar lagi akan dibuka secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan dan masa yang sesuai.

Beberapa hari kemudian, Menteri Besar menyatakan kerja-kerja melombong menurut kaedah perlombongan yang sebenar, masih boleh dijalankan di kawasan itu, walaupun seluruh permukaan buminya seluas 344 hektar itu telah didulangi sepenuhnya.

Beliau berpendapat, kerja mencari gali emas secara mendulang yang dijalankan oleh beribu rakyat Terengganu di kawasan itu hanya melibatkan kawasan permukaan bumi.

"Kita percaya perut bumi di kawasan itu masih kaya dengan kandungan emas dan masih mampu menghasilkan pulangan yang menguntungkan jika dilombong secara besar-besaran," katanya lagi.

Tan Sri Haji Wan Mokhtar berkata, kerajaan negeri masih menunggu laporan lengkap hasil penyelidikan oleh pegawai-pegawai dari Institut Penyelidikan Galian, Jabatan Galian Malaysia, sebelum memutuskan rancangan melombong secara komersial.

Ini meliputi aspek kepadatan kandungan emas di kawasan berkenaan, serta cara-cara perlombongan yang paling sesuai dilaksanakan di situ.

Menteri Besar mengakui selain daripada 344 hektar yang



Kegiatan mendulang sedang rancak dijalankan (Gambar atas dan bawah)



diwartakan untuk kegiatan mendulang itu, kawasan seluas lebih 4000 hektar di sekitar Lubuk Mandi telah dikenal pasti oleh kerajaan negeri mengandungi emas dan potensi untuk dilombong secara besar-besaran.

Untuk itu, Pengarah Institut Penyelidikan Galian Jabatan Galian Malaysia, Dr. Hussein Hassan, seorang jurutera yang mempunyai pengalaman selama 32 tahun dalam bidang perlombongan dan rombongannya mengadakan tinjauan khas di kawasan itu. Tujuannya bagi menjalankan penyiasatan dan kajian geoteknikal dari segi kekuatan tanah dan kandungan mineral dalam tanah.

Beliau mendapati kaedah menggali dan mendulang emas di Lubuk Mandi tidak memberi pulangan hasil yang maksimum. Ini disebabkan, kerja melombong di situ boleh dilakukan dalam suatu tempoh masa yang panjang sekiranya usaha mencari logam itu dijalankan melalui kaedah kejuruteraan melombong yang sistematik dan berkesan.

Jabatan itu pernah dipanggil membantu para pendulang untuk mendapat sisa-sisa atau kepingan emas halus yang terbuang sewaktu mendulang di beberapa lombong seperti di Raub dan di Negeri Sembilan.

Berdasarkan kajian itu, sesuatu kawasan yang dianggap ekonomik untuk perlombongan ialah apabila satu meter padu tanah (2 tan metrik) mempunyai 0.1 gram logam emas. Pendulang yang tidak mahir cuma mengambil emas yang kasar sementara banyak kepingan halus emas terbuang begitu sahaja.

Begitu juga dari segi kelengkapan mendulang, dulang kayu adalah lebih berkesan daripada menggunakan kuali kerana urat-urat kayu boleh memperlakukan kecepatan air untuk memendapkan emas. Pada keseluruhannya, jabatan itu akan membuat pengesyoran cara yang lebih kemas bagi menjalankan kegiatan itu yang dapat memberi hasil yang lebih kepada negeri dan juga negara.

Kajian itu juga meliputi bagaimana pengambilan hampas-hampas emas yang tercicir semasa kerja mencari gali dan mendulang emas dapat dibuat. Ini dilakukan dengan meng-

ambil contoh-contoh tanah, batu dan kandungan emas. Kajian ini akan dibuat melalui makmal termasuk makmal bergerak yang disediakan, juga ujikaji terus (insitu) di kawasan tersebut.

Kaedah mencari gali dan mendulang sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian besar pendulang emas di Lubuk Mandi tidak menepati prinsip dan cara kejuteraan perlombongan yang sebenar.

Para pendulang seharusnya diberi panduan mengenai cara-cara melombong yang lebih ekonomik dan selamat. Lubang yang digali sepatutnya dua meter sahaja kerana dengan keadaan tanah yang lembut iaitu tanah lanar (alluvia-tanah bekas hakisan batuan) dan batuan luluhawa, kejadian tanah runtuh mudah berlaku.

Dalam hal ini, didapati penyimpangan yang paling jelas ialah kegagalan pendulang menggunakan kayu atau alat penyendal bumbung dan dinding lubang atau terowong yang mereka gali untuk mendapatkan logam itu.

Perlu disebut, peranan Institut Galian itu antaranya ialah memindahkan pengetahuan sains dan teknologi yang kemas-kini berkait dengan perlombongan dan pemprosesan mineral kepada pelbagai pihak melalui projek penyiasatan yang dijalankan secara permintaan dan juga melalui program latihan.

i. Kenal Pasti Kawasan Sumber Galian Emas

Dalam kesibukan orang mencari emas di Lubuk Mandi, Jabatan Penyiasat Kajibumi pula merancang untuk menjalankan kajian untuk mengenal pasti kawasan sumber galian emas secara khusus. Ini melibatkan usaha untuk memajukan tiga buah negeri di Pantai Timur – Terengganu, Pahang dan Kelantan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama ketika itu, Dato' Alias Ali berkata, kajian itu akan dilaksanakan dengan secepat mungkin yang meliputi kawasan seluas 4200 kilometer persegi dengan perbelanjaan RM1.8 juta.

Beliau yang melawat Lubuk Mandi pada 7 Januari, 1989 berkata 3000 meter persegi daripada kawasan kajian itu ia-

lah di Pahang dan Kelantan yang melibatkan perbelanjaan RM1.3 juta dan selebihnya ialah di Terengganu.

Jabatan itu, katanya telah mengenal pasti kawasan seluas 35 000 kilometer persegi yang mengandungi pelbagai jenis bahan galian termasuk emas di Pantai Timur.

Tahun 1988 sahaja, seluas 2400 persegi kawasan emas dikenal pasti di Terengganu dan ia terletak di Rusila, Marang dan di Pelung Kuala Terengganu di samping di Hulu Terengganu dan Setiu.

Semua contoh emas yang diambil di ketiga-tiga negeri itu dianalisis di Makmal Kimia Bumi Jabatan Penyiasatan Kajibumi di Kuantan.

Sesuatu yang menggembirakan ialah emas kini menjadi komoditi penting yang perlu diberikan keutamaan. Kenyataan Kementerian Perusahaan Utama turut menyebut sebanyak 2 928 222 gram emas bernilai RM69.9 juta dapat dihasilkan oleh 28 lombong emas di seluruh negara pada tahun 1990.

Dari jumlah itu 22 lombong terletak di Pahang, empat di Sarawak dan dua di Negeri Sembilan. Kesemua lombong itu dikendalikan oleh rakyat tempatan. Royalti lima peratus dan ufti antara dua dan tiga peratus berdasarkan jumlah pengekuaran emas yang dikenakan oleh kerajaan negeri ke atas pekerjaan adalah antara yang tertinggi di rantau Asia.

Mungkin kerana royalti yang tinggi dikenakan oleh kerajaan negeri "menakutkan" syarikat perlombongan antarabangsa untuk melabur di negeri ini.

Terengganu kian menanjak sekarang, kalau Kerteh terkenal dengan kawasan minyak, kini Marang yang pernah mendapat nama jolokan "bandar koboi" popular pula dengan emasnya.

Apa tidaknya, dalam diam-diam, sebuah lagi kawasan baru yang kaya dengan emas dipercayai hampir 100 hektar dikenal pasti di Sungai Kerak, kira-kira dua kilometer dari bandar Marang.

Kawasan tersebut merupakan banjaran daripada Bukit Lubuk Mandi, kawasan pertama penemuan logam berharga di negeri ini. Dengan penemuan itu, kerajaan negeri terpaksa



Lagi kegiatan mendulang di Lubuk Mandi (Gambar atas dan bawah)



membatalkan rancangan menjadikan kawasan Sungai Kerak sebagai pusat bandar baru Daerah Marang.

Mengikut perancangan awal, lebih 140 keluarga terlibat dengan rancangan perpindahan ke kawasan Sungai Kerak berikutan dengan pembangunan semula bandar Marang itu. Dengan ini kawasan tapak perumahan yang telah diratakan seluas 13.92 hektar untuk perpindahan penduduk terpaksa dihentikan.

Mengikut pelan susunatur asal, sebanyak 70 unit rumah siap, 65 lot rumah kosong dan 4 unit kedai disediakan untuk dibahagikan kepada mereka selewat-lewatnya pertengahan Jun 1989.

Sebuah surau, balairaya, taman permainan dan taman rekreasi serta lain-lain kemudahan asas akan dilaksanakan bagi penghuni yang tinggal di kawasan baru itu.

Dengan penemuan emas itu, usaha untuk menyediakan bekalan elektrik dan air setelah siapnya kemudahan asas lain seperti jalan dan longkang yang sedang dalam proses ketika itu juga dihentikan serta-merta.

Penghentian ini dibuat bagi membolehkan kawasan yang mengandungi emas itu diubahsuai bagi rancangan yang ada kaitan dengan perusahaan perlombongan pada masa depan. Secara tidak langsung bandar Marang yang mempunyai panorama alam semula jadi mempunyai potensi pula sebagai sebuah bandar pelancongan menarik bagi Terengganu.

Kerana emas, semua projek perumahan baru di Marang akan dibeku buat sementara waktu. Projek yang dirancang dan pembinaannya sedang dalam kajian dan rundingan semuanya akan ditangguhkan terlebih dahulu.

Penangguhan ini mempunyai hubung kait dengan penemuan emas di beberapa kawasan dalam daerah itu di samping usaha mencari penentuan kawasan emas di bawah SKMB (surat kebenaran mencari bijih).

Bagaimanapun, dua buah projek perumahan kos rendah di Medan Jaya yang telah pun diluluskan sebelum ini akan diteruskan pembinaannya.

Beberapa minggu kemudian heboh pula mengenai pene-

muan emas di kawasan Bukit Panji dan Kubang Ikan (Cendering). Dan pada 10 Disember, 1988, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dalam kenyataannya berkata, kerajaan tidak bercadang mengeluarkan lesen mendulang, walaupun terdapat emas di kawasan tersebut.

Beberapa hari kemudian, terdapat pula laporan mengenai penemuan emas dipercayai jenis putih di Bukit Pintu Gerbang, Kampung Seberang Pintasan, 16 kilometer dari Dungun.

Kawasan itu terus menjadi tumpuan orang ramai dari dalam dan luar daerah untuk menjalankan kegiatan mendulang.

Ini disahkan sendiri oleh Pegawai Daerah Dungun ketika itu, Haji Saad Muda yang meminta PTG membuat kajian. Logam yang menyerupai kaca itu terdapat di suatu alur luasnya kira-kira 2 meter memanjang menghala ke paya.

Di Besut pula, pelbagai jenis batu permata di samping emas halus yang berharga disahkan dijumpai di kawasan Bukit Buluh dekat Pelagat. Beberapa orang penduduk tempatan mendakwa kawasan tersebut mempunyai batu permata yang banyak, sebagaimana penemuan emas di beberapa kawasan di negeri itu.

Ini termasuk satu lagi kawasan baru yang mengandungi emas ditemui setelah orang ramai yang mendulang di Lubuk Kuali Bukit Tinggi, Hulu Terengganu berjaya memperolehi emas yang banyak.

Dengan penemuan itu, ramai para pendulang yang pernah mendulang emas di Lubuk Mandi mula tertumpu di kawasan baru ini untuk mencari tempat dan mengaut hasil yang dipercayai lebih lumayan dari tempat asal.

Mereka menggariskan beberapa fakta mengapa perpindahan ini berlaku:

- * Emas di Lubuk Kuali setanding mutunya dengan Lubuk Mandi.
- * Tempat mengayak di Lubuk Kuali lebih mudah kerana berair manakala di Lubuk Mandi air sungainya sudah mulai kering.

- * Mereka dukacita walaupun mempunyai lesen tetapi peluang memperolehi emas kurang kerana banyak lubang ditimbul oleh pihak berkuasa.

Selain daripada itu, kawasan seluas 118 hektar di Lubuk Mandi yang dibuka untuk kegiatan mendulang mulai 1 Disember, 1988 lalu dikatakan tidak seimbang dengan ramainya para pendulang yang mengambil lesen.

Adalah dipercayai kawasan baru yang melibatkan kawasan lebih dari 80 hektar itu mengandungi emas yang banyak. Hampir 2000 orang pencari emas menggunakan cangkul atau penyodok dan sekurang-kurangnya sebiji dulang atau kuali pada setiap hari.

Seperti di Lubuk Mandi, pendulang emas di Lubuk Kuali juga sudah mendedahkan diri kepada bahaya apabila mereka mulai menggali lubang yang semakin dalam.

Berikutnya dengan itu, para pendulang dinasihatkan supaya menghentikan segera kegiatan mendulang emas di kawasan Lubuk Kuali kerana ia menyalahi undang-undang.

Pengarah PTG, Dato' Haji Nik Khalid Kamil berkata, di bawah *Seksyen 34 Undang-Undang Galian Tanah Terengganu 51/1366*, sesiapa yang menjalankan kegiatan tersebut di atas mana-mana tanah atau tidak mendapat kebenaran pihak berkuasa atau melanggar syarat boleh didenda sebanyak RM1000.

Dalam masa yang sama, semua jentera, alat bangunan dan apa juga logam yang terdapat di atas tanah yang diduduki boleh dirampas.

BAB KELAPAN

i. Terengganu Buka Satu lagi Kawasan Emas untuk Rakyat

KERAJAAN negeri akan membuka satu lagi kawasan mendulang emas di Terengganu bagi memberi peluang pekerjaan kepada rakyatnya. Ini mungkin satu berita baik kerana jaminan itu ditegaskan sendiri oleh Menteri Besar pada 15 Februari, 1990.

Tan Sri Haji Wan Mokhtar tidak menyebut nama kawasan baru itu, tetapi kemungkinan ada kaitan dengan beberapa kawasan di sekitar Sungai Kerak, tidak jauh dari Lubuk Mandi. Ini disebabkan ramai yang tertumpu ke kawasan baru itu, malah ada yang menemui beberapa barang purba.

Ini termasuk sekeping duit syiling bernilai 10 sen ber tulis kerajaan negeri Terengganu bertarikh 1025 Masihi. Duit yang merupakan campuran emas, timah dan perak itu dijumpai dalam sebuah pasu kecil tertanam dalam tanah.

Penemuan barang purba di kawasan tersebut seperti sekeping kalung emas, sebilah keris dan sebuah seterika arang telah meyakinkan kita bahawa kawasan ini pernah didiami oleh manusia.

Mungkin juga, sebahagiannya merupakan peninggalan penduduk Marang yang lari menyembunyikan diri ketika tentera Jepun mula mendarat di Terengganu semasa Perang Dunia Kedua pada awal tahun 1942.

Orang-orang tua di Kampung Rusila percaya kalung emas yang berbentuk wang syiling British berdasarkan lambang King George V dan seterika itu dimiliki oleh pegawai atau keluarga penjajah British yang bertugas di Marang sebelum pendaratan Jepun itu.

Lubuk Mandi sudah mulai lengang. Emas di sini sudah mulai berkurangan kerana hampir seluruh permukaan bumi tempat yang dibenarkan mendulang sudah diterokai, digali dan kini tinggal lubang dan terowong.

Untuk mendapat emas di sini tenaga manusia sudah tidak terdaya lagi. Mereka terpaksa menggunakan mesin kerana emas hanya boleh diperolehi di dalam timbunan batu-batu dan bukan lagi dalam tanah atau permukaan bumi. Sebab itu, ramai pendulang emas terpaksa mencari kawasan bukit dan memecahkan batu.

Ketika ditinjau, sekurang-kurangnya tiga jenis mesin telah digunakan oleh pendulang. Mesin untuk menyedut air dari lubang untuk memudahkan kerja menggali. Mesin menggerudi batu di kaki bukit dan satu lagi mesin bagi tujuan mengisar batu-batan.

Kesemua mesin yang menggunakan kuasa minyak ini akhirnya dilarang oleh penguatkuasa PTG. Dari sinilah bermulanya kerja-kerja melarikan batu-batan keluar dari Lubuk Mandi, walaupun salah dari segi undang-undang. Tetapi semuanya tidak dipedulikan oleh para pendulang.

Mereka sanggup meredah hutan tebal melarikan batu-batan dari kawalan tentera yang membantu penguatkuasa PTG untuk membanteras perbuatan tersebut.

Berpuluhan buah mesin pengisar terus beroperasi di luar kawasan Lubuk Mandi. Tuan punya mesin pengisar ini sememangnya bekas pendulang, oleh kerana emas di Lubuk Mandi sudah berkurangan mereka mengambil upah mengisar pula. Pendapatannya juga lumayan. Satu tin batu upahnya antara RM3 hingga RM5 dan kalau 50 tin mereka akan dapat tidak kurang dari RM200 sehari.

Di kawasan perumahan Medan Jaya, di pinggir Lubuk Mandi sahaja tidak kurang daripada 10 buah mesin pengisar.

Mereka mengenakan upah yang lebih mahal antara RM5 hingga RM10 seguni.

Kerja mengisar ini boleh dikatakan berjalan hampir 24 jam. Kegiatan mengisar batu yang tidak mengenal siang dan malam itu menimbulkan masalah baru kepada penduduk di situ iaitu bunyi bising dan pencemaran udara. Rumah mereka berdebu dan kawasan persekitaran pula berlumpur. Apa yang merisaukan mereka pencemaran ini boleh mengganggu kesihatan dan akan mendatangkan penyakit.

Jabatan Alam Sekitar Terengganu yang diberitahu, memandang serius terhadap kejadian ini dan telah mengirim beberapa orang pegawai penguatkuasanya untuk menjalankan penyiasatan bagi menjauhi pencemaran yang berlaku tidak membahayakan kesihatan para penghuni di situ.

Pengarah jabatan tersebut, Ir. Wong Foon Meng ketika itu (juga bekas calon Barisan Nasional Dewan Negeri Bandar) ketika ditanya mengesahkan menerima laporan pencemaran alam dari beberapa orang penghuni perumahan Medan Jaya.

Menurutnya, kejadian itu berlaku kemungkinan daripada merebaknya debu tanah atau batu daripada pengisar mesin tanah dan batu-batan setelah dibawa angin kencang dari tempat atau rumah yang ada mesin tersebut.

Untuk tujuan itu, kerajaan negeri menghantar beberapa orang pegawainya ke Raub, Pahang untuk melihat kaedah melombong emas. Ini bertujuan mengkaji cara yang digunakan di situ untuk disesuaikan dengan di Lubuk Mandi.

Dalam masa yang sama, kerajaan berusaha membina sebatang parit sepanjang antara 300 hingga 500 meter, dalamnya 15 meter dan lebar pula 20 meter. Cara ini adalah untuk memberi kemudahan para pendulang menjalankan kegiatan dengan selamat.

Paling menarik, dalam suasana yang semakin meruncing itu, masih ada pendulang yang bukan sahaja berbalik kepada cara mengorek lubang malah sengaja meletakkan kayu di atas lubang serta membuat sedikit timbusan dengan tanah.

Mereka berbuat demikian semata-mata bagi mengelakkan lubang yang digali itu ternampak oleh pegawai penguatkuasa

PTG supaya lubang itu boleh terus digali pada hari-hari berikutnya.

PTG bagaimanapun tidak kecewa, dengan bantuan kontraktor yang dilantik khas, hampir setiap Jumaat, semua lu-



Memecahkan batu untuk mendapatkan emas



Satu cara memecahkan batu untuk mendapatkan emas

bang yang digali di kawasan tanah seluas 118 hektar itu terpaksa ditimbuk. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang boleh mengancam keselamatan pencari emas.

Para pendulang yang ditemui mendakwa kawasan yang diperuntukkan bagi mendulang di Lubuk Mandi itu tidak banyak mengandungi logam emas. Hal ini berlaku kerana tindakan perlahan kerajaan yang tidak menyediakan kemudahan tempat mereka mengambil bahan itu seperti menggali parit besar.

Ramai di kalangan pendulang merasa kecewa terhadap sikap dingin jawatankuasa penyelaras pendulang emas yang dipengerusikan oleh Haji Muda Mamat kerana tidak memenuhi keputusan mesyuarat EXCO kerajaan.

Dalam mesyuarat EXCO kerajaan pada 5 Julai 1989, kerajaan negeri memutuskan untuk membuka semula kawasan se-luas 118 hektar daripada 344 hektar yang diwartakan bagi kegiatan mendulang emas.

Mesyuarat itu juga meluluskan peruntukan sebanyak RM700 000 antara lain bagi menggali parit bagi memudah-

kan kegiatan mendulang di samping menimbulus lubang dan terowong di situ. Peruntukan itu termasuk memagar kawasan, pembinaan dua buah tandas, dua perigi dan dua buah surau yang sepatutnya siap sebelum 1 September tahun 1989.

Sebahagian kecil daripada mereka dapat menjual emas yang diperolehi antara RM30 hingga RM80 seorang sehari. Ini memangnya jauh berkurangan daripada sebelumnya yang setiap pendulang boleh mendapat antara RM60 hingga RM1000 sehari.

Punca lain ialah kawasan baru yang diperuntukkan seluas 60 hektar daripadanya tidak mengandungi emas.

Dalam hal ini, kerajaan negeri terpaksa mengambil langkah mengehadkan pula pengeluaran lesen mendulang emas berdasarkan penelitian keadaan semasa dari bulan ke bulan. Ini dapat memastikan luas kawasan dan perolehan pendulang setimpal.

ii. Lubuk Mandi Kini Bertukar Lubuk Maut

Sekurang-kurangnya tiga kali tragedi ngeri berlaku di sini dengan 10 nyawa menjadi korban dan ramai lagi yang cedera. Tragedi yang paling ngeri dalam sejarah berlaku pada 26 Februari, 1989 dengan tiga kematian. Pada 28 April tahun yang sama enam orang mati dan pada 26 Mac, 1990, seorang mati.

Walaupun ini merupakan takdir dan suratan Ilahi, namun dalam banyak hal tragedi tersebut bermula daripada kesilapan manusia sendiri, yang semakin ghairah untuk mencari emas sehingga tidak menghiraukan keselamatan.

Kejadian tanah runtuh yang berlaku kira-kira jam 1.45 petang pada 26 Mac 1990 itu adalah tragedi yang ketiga. Dalam kejadian ini enam orang terkorban tertimbus sedalam 60 kaki (20 meter).

Tanah runtuh yang pertama berlaku pada 9 Disember, 1988 yang mana dua orang pendulang emas nyaris maut ketika berada di dalam lubang yang digali sedalam 3 meter. Dalam kejadian itu kedua-dua pemuda itu berjaya diselamatkan oleh rakan-rakan mereka.



Terowong tertimbus



Terowong tertimbuk

Tragedi kedua pula berlaku pada 26 Februari, 1989, tiga orang mati tertimbuk dan seorang cedera parah di dalam lubang sedalam 25 kaki.

Dalam tragedi ketiga itu pada mulanya, akhbar-akhbar tempatan melaporkan kira-kira 13 orang tertimbus dan tidak dapat diselamatkan malah anggota polis dan bomba tidak dapat berbuat apa-apa kerana lubang yang tertimbus itu terlalu dalam dan merbahaya.

Kejadian ini berlaku kerana pendulang tidak mengikut nasihat dan arahan yang diberi. Sebelum ini, Menteri Besar pernah menasihatkan para pendulang emas supaya mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Malah, kerajaan negeri beberapa kali bercadang untuk menutup kawasan mendulang emas itu jika sebahagian besar pendulang tidak mematuhi tiga syarat yang ditetapkan.

Syarat-syarat yang diputuskan dalam mesyuarat EXCO kerajaan negeri itu ialah pendulang tidak boleh menggali melebihi dua meter, tidak dibenarkan membina terowong dan kerja mendulang hanya boleh dijalankan pada siang hari.

Kerajaan negeri juga telah menggariskan peraturan bawah lesen yang dikeluarkan adalah untuk kegiatan mendulang sahaja, tetapi peraturan tersebut tidak diikuti. Mereka bukan lagi mendulang tetapi mengorek dan membina terowong di bawah tanah.

Yang paling jelas ialah kegagalan pendulang menggunakan kayu atau alat penyental bumbung dan dinding lubang atau terowong yang mereka gali.

Tentunya, semua pendulang tahu, hampir kesemua kawasan yang diwartakan untuk mendulang di situ dikenal pasti sebagai kawasan merbahaya. Ini kerana terdapat banyak terowong yang tidak menentu di bawahnya dan bila-bila masa akan berlaku tanah runtuh.

Berdasarkan kepada penyiasatan yang dibuat, banyak lubang yang digali oleh pendulang didapati tidak selamat. Usahakan berada dalam lubang, berdiri di pinggir lubang pun belum tentu selamat, sebab tanah di bahagian permukaan bumi sudah tidak kuat lagi kerana di bahagian bawahnya sudah dikorek untuk dijadikan terowong yang berlapis-lapis. Bahaya sudah pun diduga, tetapi kerana nafsu menjadi penunjuk jalan, segala-galanya tidak dihiraukan.

Untuk mengelakkan Lubuk Mandi menjadi lubuk maut kerajaan terpaksa bertindak lebih tegas. Langkah pertama Lubuk Mandi mesti ditutup dan usaha mencari gali emas mestilah dibuat oleh badan-badan profesional perlombongan.



Tanah runtuh: Bahaya yang sentiasa menunggu

Dalam hal ini, PMINT telah membuat kajian secara terperinci bagi menentukan jumlah sebenar kandungan emas dalam beberapa kawasan termasuk di Lubuk Mandi. Usaha ini dibuat bagi membolehkan kemungkinan cara perlombongan yang terbaik dapat dijalankan.

Dalam satu tinjauan, didapati banyak kawasan yang diserahkan kepada PMINT itu telah dicerobohi oleh orang ramai walaupun kerajaan tidak lagi mengeluarkan lesen mendulang. Mereka menggali lubang dan terowong seperti biasa secara bebas dan membawa pulang batu dan tanah yang mengandungi emas itu untuk dimesin dan didulang.

Para pendulang sama ada yang mempunyai lesen seramai 2170 orang dan beratus-ratus lagi yang tidak berlesen terus berleluasa dan melanggar syarat yang ditetapkan. Mereka bukan sahaja menggali lubang sedalam-dalamnya malah bekerja siang dan malam. Mereka tidak takut ditempah maut, yang mereka bimbang ditangkap oleh pengawal penguatkuasa.

Pada waktu malam, sekitar kawasan gelap dan sunyi, tetapi di dalam lubang, seolah-olah wujud sebuah bandar setalit di bawah tanah yang berkilauan dengan ratusan batang lilin.

Pada 30 April, 1989 Menteri Besar mengarahkan para pendulang supaya jangan mengorek lubang atau membuat terowong. Dalam masa yang sama, PTG, polis daripada lain-lain agensi yang terlibat diminta bertindak tegas bagi memastikan segala arahan yang dikeluarkan itu benar-benar dipatuhi.

Bagaimanapun, kerajaan masih membenarkan kerja-kerja mendulang di bahagian lereng bukit, di tepi alur atau anak-anak sungai di kawasan tersebut.

"Saya harap mereka yang terlibat tidak lagi bersungut apabila kerajaan bertindak kerana setiap peraturan yang dibuat sebenarnya untuk kebaikan, bukan untuk keburukan mereka." Tan Sri Haji Wan Mokhtar benar-benar pening kepala.

BAB KESEMBILAN

i. Muram Bermula, Secebis Tanah Rebes, Segantang Bumi Runtuhan

26 FEBRUARI 1989. Pagi masih muda, baru pukul 10.15. Tiba-tiba siren kereta bomba mengejutkan penduduk tempatan yang tinggal tidak jauh dari Lubuk Mandi. Entah apa pula gerangannya, tidak siapa yang tahu. Inilah kali pertama kedatangan kereta bomba ke situ sejak kegiatan mendulang itu.

Secara spontan, ramai pendulang yang sedang menikmati juadah makan pagi di beberapa buah kedai di pintu masuk turut berkejar ke tempat kejadian. Ketika itu, saya yang berada di rumah kerana cuti sakit, tiba-tiba menjadi segar. Turut sama berlari bersama-sama ratusan manusia yang lain.

Pendulang-pendulang yang sedang bekerja turut bergegas ke suatu penjuru anak bukit. Di situ lah berlakunya tanah runtuh yang mengorbankan tiga nyawa dan seorang cedera parah setelah dapat diselamatkan.

Seorang pendulang, Aziz Muda, orang pertama yang menyedari kejadian itu berlaku memberitahu, pada mulanya dia mendengar satu deruman di sebelah lubang tempat dia menggali. Dengan tidak berlengah-lengah lagi, dia terus menjenguk dan mendapati lubang tersebut telah tertimbas dengan tanah.

"Saya yakin ada orang di dalamnya, saya terus berteriak minta tolong, ramai yang datang memberi bantuan untuk me-

nyelamatkan mangsa tanah runtuh itu," ujarnya. Ketika anggota bomba tiba, semuanya selesai.

Mereka hanya berjaya menyelamatkan Che Mat Che Min, 36 tahun dari Kampung Rambai Jantan, Marang. Dia mengalami cedera parah dan terus dikejarkan ke Hospital Besar, Kuala Terengganu.

Bagaimanapun, Ibrahim Mohamad, 29 dari Bukit Baru, Seberang Marang, Ghazali Ismail, 25 dari Bukit Gasing, juga Seberang Marang dan Hassan Nordin, 30 dari Bukit Kulim, Hulu Marang masih tertimbus dalam timbunan tanah.

Ketika ditemui semuanya sudah tidak bermaya dan kemudiannya disahkan telah meninggal dunia. Mereka lemas dalam terowong. Pendulang yang menjalankan kerja menyelamat itu mengambil masa yang lama untuk mengeluarkan mangsa kerana hanya menggunakan cangkul dan penyodok sahaja.

Lubang yang tertimbus itu mempunyai sebuah terowong kira-kira 10 meter dalam dan boleh menghubungi tiga lubang yang lain dari bawah tanah. Lubuk Mandi menjadi muram. Kawasan mendulang yang selalunya riuh-rendah sudah sepi. Siapa pula yang akan menjadi mangsa tanah runtuh?

Tragedi itu benar-benar memberi kejutan kepada para pendulang lain sehingga jumlah mereka yang datang ke Lubuk Mandi sudah berkurangan daripada 3000 tinggal seribu sahaja. Keadaan di jalan masuk yang selalunya sibuk dengan pendulang yang keluar masuk kini agak lengang dan pembeli emas yang menunggu juga hanya tinggal tiga orang.

Pendulang yang datang, masih juga masuk ke lubang atau terowong yang mereka gali. Seperti nelayan juga, walau laut telah banyak meragut nyawa teman-teman mereka tetapi mereka terus juga berkolek. Rezeki rakyat Terengganu semuanya berkejaran dengan maut.

Ramai juga yang sudah mulai insaf, segala yang berlaku merupakan amaran Tuhan. Carilah rezeki seperti kamu mahu hidup untuk selama-lamanya tetapi jangan biarkan nafsu dan tamak haloba menjadi lampu suluh.

Dengan secebis tanah rebes, segantang bumi yang runtuh, sedikit itu pula nyawa terkorban dan derita akan melarat ber-

panjang. Nyawa yang hilang tidak akan berganti tetapi anak dan isteri akan menderita, ibu dan ayah akan kehilangan kasih seorang anak.

Hari itu tiada siapa yang menduga tragedi Lubuk Mandi berlaku dalam sekilip mata, meragut tiga nyawa dan detik itu juga anak menjadi yatim, sekali gus hilangnya kasih sayang dan tempat bergantung.

Ketika mengunjungi kawasan tanah runtuh, didapati sekitar kawasan itu tinggal kosong, tidak berpenghuni dan ramai yang kelihatan memikul cangkul dan kuali untuk pulang, mungkin patah semangat untuk mendulang.

Mereka seolah-olah berkabung atas kemalangan yang menimpa rakan seperjuangan. Sudah botak bumi dikorek, lubang digali dan terowong pula ditebuk kerana emas, tetapi kehilangan tiga orang teman benar-benar melukakan perasaan.


Yang amat menyedihkan, isteri salah seorang mangsa yang terkorban masih dalam pantang, setelah melahirkan anaknya yang keempat. Puan Fauziah Mohamad, 26 menyambut mayat suaminya, Allahyarham Ibrahim Mohamad, 29 dengan linangan air mata.

"Suami saya sempat mencium empat orang anaknya buat kali terakhir sebelum pergi mendulang pada hari itu. Allahyarham jarang mencium anak-anaknya sekali gus tetapi perbuatan itu dilakukan oleh Allahyarham sebelum pergi mendulang," jelas isterinya dengan wajah sedih dan terharu.

Dalam pada itu, mangsa tragedi yang selamat tetapi cedera parah, Che Mat Che Min pula telah bertaubat dan tidak akan mendulang lagi di kawasan itu.

Dia cedera di bahagian kaki. "Saya sungguh takut dengan kejadian itu dan saya bersyukur pada Tuhan kerana memanjangkan umur saya," katanya penuh insaf. Baginya, peristiwa ngeri yang mengorbankan tiga rakannya sudah cukup memberikan pengajaran kepadanya untuk tidak mengulangi lagi kerja yang berbahaya itu.

"Saya bersama empat orang kawan berada di dalam sebuah lubang sedalam 30 kaki." Che Mat mulai bercerita setelah sihat sedikit.



Anak panah menunjukkan tempat mangsa-mangsa tertimbuk



Gerakan menyelamat

"Masa itu rakan-rakan saya sedang memecah batu dan menggali lubang. Saya memanjat ke atas dengan tali untuk mendapatkan pahat, tiba-tiba tanah runtuh dan sesuatu menghempap badan saya."

"Lepas itu saya tidak sedar lagi apa yang berlaku sehingga jam 12.00 tengah malam apabila berada di atas katil hospital dengan kaki berbalut," ujarnya.

Che Mat yang mempunyai seorang isteri dan tujuh orang anak tidak sekali-kali menduga kejadian malang itu menimpa dirinya kerana dia tidak sedar bagaimana semua itu boleh berlaku.

Semenjak tragedi itu dia menanam azam baru untuk kembali semula ke sawah dan menjalankan kerja-kerja kampung seperti yang dilakukan sebelum ini.

Berikutan dengan tragedi maut itu Menteri Besar menyatakan kerajaan akan mengkaji semula pemberian lesen mendulang emas kerana sebahagian besar daripada pendulang tidak mematuhi peraturan.

Sebenarnya, lesen yang dikeluarkan hanya untuk mendulang, bukannya untuk mengorek lubang atau terowong. Lesen itu juga diberi sebagai jaminan keselamatan dan seterusnya menghindarkan daripada berulangnya tragedi tersebut.

Pejabat Pentadbir Tanah Daerah Marang pula mengesahkan bahawa ketiga-tiga mangsa yang terkorban itu mempunyai lesen yang telah tamat tempohnya. Dalam pada itu, Setiausaha Kerajaan Negeri juga meminta pendulang sentiasa mengutamakan keselamatan diri ketika menjalankan tugas.

Beliau ikut terharu dengan kejadian itu, lalu mengarahkan Inspektor Merinyu Galian Terengganu yang berpejabat di Kuantan menjalankan penyiasatan.

Sebelum tragedi itu berlaku penyiasatan ke atas pendulang tanpa lesen hanya dijalankan pada waktu siang sahaja tetapi sejak tragedi maut itu berlaku pemeriksaan akan dilakukan siang dan malam.

Tragedi itu juga mendorong Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri ketika itu (Haji Abdul Rahman Bakar) me-

minta PTG mengemaskinikan dan membuat kajian semula ke atas syarat-syarat mendulang.

Beliau membuat cadangan supaya PTG dapat:

- * Memberi latihan kepada para pendulang bagaimana cara-cara mendulang dengan betul.
- * Mestilah menubuhkan satu pasukan pegawai yang bertugas di Lubuk Mandi bagi membantu para pendulang yang sedang dalam kesusahan.
- * Mengawasi lubang yang digali oleh pendulang, agar terhad dan terkawal supaya lubang tidak terlalu dalam sehingga menjadi lubang maut.

ii. Penemuan 17 Pasang Kasut Jadi Tanda Tanya

Tragedi Lubuk Mandi berulang lagi. Kali ini sepuluh orang terlibat. Kilauan emas terus melambai bersama-sama maut yang senantiasa tersengih garang. Air mata akan mengalir lagi. Anak-anak akan menjadi yatim, isteri akan menjadi janda.

Pada mulanya tidak siapa boleh memberi jumlah sebenar mangsa yang terkorban dalam tanah runtuh pada jam 1.45 tengah hari 28 April, 1989 itu.

Polis, tentera, anggota bomba, PTG dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang turut dalam gerakan mencari juga tidak dapat memberikan jawapan.

Sehingga jam 6.00 petang itu, usaha mencari mangsa yang tertimbus gagal kerana keadaan lubang yang dianggarkan 18 meter panjang dan 8 meter lebar itu terlalu bahaya.

Polis dan bomba hanya mengesahkan enam orang sahaja mangsa tertimbus, tetapi semua akhbar pada keesokannya menyiarkan sekurang-kurangnya 13 dikhuatiri mati dalam tragedi kedua itu.


Ini berdasarkan kepada laporan pendulang, beberapa keping kad pengenalan yang dijumpai di samping pengakuan daripada keluarga masing-masing setelah menemui beg bekalan mangsa terlibat.

Amat malang, tragedi maut ini berlaku ketika azan diluangkan memanggil orang sembahyang Jumaat dan seminggu lagi umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Cuaca hari itu panas terik. Seperti biasa selepas Jumaat, saya terus ke pejabat. Punggung belum panas, tiba-tiba isteri di rumah membuat panggilan telefon yang memerlukan.



Mangsa yang dapat diselamatkan



Orang ramai dengan bantuan polis, tentera dan pegawai kanan kerajaan sedang menjalankan operasi menyelamat mangsa dalam kejadian tanah runtuh yang mengorbankan enam orang (lebih 10 orang terselamat) beberapa hari selepas tanah runtuh pada 24 April, 1989

"Ramai orang menuju ke Lubuk Mandi, katanya ada orang mati lagi ditimbas tanah runtuh," beritahu isteri saya. Berderau darah mendengarnya. Maut di Lubuk Mandi semakin rakus!

Kereta bomba tidak dapat masuk terus ke dalam kawasan mendulang. Beberapa orang anggota bomba terpaksa memikul semua peralatan termasuk tali penyelamat.

Setiba di tempat kejadian, orang ramai sedang berusaha menggali lubang yang tertimbas itu. Anggota penyelamat selain daripada bomba, polis dan tentera terpaksa dikerah. Mereka berpusu-pusu di keliling lubang maut itu.

Pada hari pertama, polis memberi nama lima orang pelajar tingkatan lima yang menjadi mangsa tanah runtuh itu. Mereka semuanya dari Sekolah Menengah Panji Alam Kuala Terengganu, berumur 17 tahun iaitu Azhar Mohd, Sheikh Hamdan dan Sheikh Alwi, Zulkifli Mamat, Zaharuddin Mohamad dan Fadila Ali.

Mereka tinggal di kampung Gong Masih dan Nibong. Mereka dikatakan keluar pagi-pagi kerana tidak sekolah tetapi ke Lubuk Mandi untuk mencari belanja sekolah dan belanja menyambut Hari Raya Puasa. Seorang lagi yang turut tertimbas bersama-sama pelajar itu ialah Mohd Dom, 49 dari Kampung Temala, Hulu Marang.

Sepasukan anggota bomba diketuai oleh Encik Zamri Ibrahim bagaimanapun tidak dapat meneruskan usaha menggali semula lubang yang tertimbas itu kerana terlalu dalam.

Saya sendiri dapat mendengar suara mangsa meminta tolong dari dalam lubang dan terowong ketika orang ramai dan beberapa orang anggota bomba cuba menggali sebahagian daripada tanah di situ.

Beberapa orang anggota bomba cuba menghampiri pintu lubang yang tertimbas itu tetapi tidak dapat berbuat apa-apa kerana keadaannya yang boleh membahayakan keselamatan mereka.

Segala peralatan yang dibawa juga tidak mencukupi. Kalau hanya menggunakan penyodok atau cangkul sahaja entah bila akan selesai.

Rakyat Terengganu berkabung lagi. Siapakah yang mahu disalahkan?

Penglibatan lima orang pelajar dalam tragedi itu menunjukkan mereka tidak mematuhi arahan kerana para pelajar adalah masih di bawah umur dan tidak boleh mendulang, apalagi kegiatan mendulang itu pula dilakukan pada masa dan hari yang tidak dibenarkan.

Pengetua Sekolah Panji Alam, Encik Abu Bakar Jusoh apabila ditanya mengesahkan empat pelajarnya terlibat dalam tragedi tanah runtuh itu.

Gerakan mencari mangsa yang terperangkap terus dijalankan. Tepat jam 1.36 pagi, hampir 12 jam, seorang mangsa dapat dikeluarkan dalam keadaan selamat. Semua yang menyaksikan peristiwa itu agak terkejut. Apa tidaknya, sesudah begitu lama tertimbus – anak seorang tentera – Sheikh Hamdan Sheikh Alwi, 17 dari Sekolah Menengah Panji Alam itu masih boleh bernafas.

Dia diberi pernafasan oksigen sebelum dikeharkan ke hospital untuk rawatan lanjut. Dan kira-kira jam 1.45 pagi iaitu 9 minit kemudian pasukan penyelamat mengeluarkan mayat Syed Ahmad bin Engku Embong, 31 dari Gong Tok Nasek dari lubang yang sama.

Saya yang menunggu untuk melihat sendiri detik-detik cemas sejak kejadian itu berlaku dapat melihat bagaimana sukaranya kerja-kerja menyelamat dilakukan, yang hanya menggunakan cangkul, penyodok dan baldi.

Kerja menggali sebenarnya bermula apabila kedengaran suara dari dalam lubang itu meminta tolong, "Saya seorang yang masih hidup". Apabila ayah Sheikh Hamdan, Sheikh Alwi Sheikh Puteh terus memanggil, anaknya itu menjawab, "Saya Hamdan."

Melihat Sheikh Alwi bersungguh-sungguh menggali seolah-olah tidak sedarkan diri, beberapa orang keluarga dan saudara-maranya serta para pendulang lain terus membantu.

Ahli bomba, polis hutan dan tentera yang sedang mencari jalan untuk menggali dengan cara yang lebih selamat memandang lubang itu terlalu bahaya ikut membantu. Me-



Sheikh Hamdan dikeluarkan dari terowong yang tertimbun



Sheikh Hamdan berjaya diselamatkan selepas tertimbus selama 12 jam

reka yang menggali lubang itu dinasihatkan supaya berhati-hati kerana tanah akan runtuh bila-bila masa sahaja.

Beberapa minit kemudian, selepas berbuka puasa, kelihan-an beberapa orang anggota bomba dan tentera membawa jen-tera dan lampu menerangi kawasan yang mulanya diselubungi gelap-gelita.

Orang semakin ramai berkunjung ke kawasan itu dan dengan kawalan 120 orang anggota tentera, polis, polis hutan dan bomba di samping penguatkuasa PTG, keadaan terkawal dan dapat ditenteramkan.

Kira-kira jam 8.40 malam, orang ramai gempar apabila seorang anggota penyelamat naik ke atas untuk meminta air kerana salah seorang mangsa yang nampak kepala hingga ke bahu sedang kehausan meminta air minum.

Usaha mengeluarkan mangsa itu amat sukar dan menyulit-kan. Keadaan batunya begitu besar. Tempatnya pula sempit. Ini memaksa penyelamat menggunakan pahat untuk memecahkan bahagian batu yang pejal itu.

Tanah dan batu-batan dimasukkan ke dalam baldi. Diangkat ke atas untuk dibuang. Diturunkan lagi perlahan-lahan. Kira-kira lima jam kemudian barulah Sheikh Hamdan yang mengalami sedikit calar pada lengan dan kaki dikeluarkan.

Dia kelihatan letih, walaupun nampak sihat. Sebaik-baik sahaja ditarik tangannya, dia tiba-tiba bertanya, "Apa yang berlaku, mana kawan-kawan lain?". Sheikh Hamdan diusung sejauh kira-kira 2 kilometer meredah kawasan bukit itu menuju ke sebuah ambulans dan terus dibawa ke wad kecemas-an hospital besar Kuala Terengganu.

Selepas Sheikh Hamdan dikeluarkan, kerja-kerja menggali seterusnya diambil alih oleh anggota tentera dari rejimen ke-10 Askar Melayu Diraja dengan bantuan anggota Batalion 205 Pasukan Simpanan Tentera Darat, polis dan bomba.

Keesokan harinya, sebuah jentolak angsa hidrolik dihan-tar khas untuk meneruskan kerja-kerja menyelamat. Jawat-ankuasa penyelamat mangsa tragedi Lubuk Mandi yang dipengerusikan oleh Haji Saad Boto' bimbang jumlah mangsa yang terlibat masih tidak dipastikan dengan tepat.



Ibrahim Mamat, terselamat daripada tanah runtuh



Che Mat Che Min, antara mangsa yang terselamat

Penemuan sekurang-kurangnya 17 pasang kasut ketika kerja-kerja menggali dibuat sejak awal pagi itu telah menimbulkan tanda tanya. Apakah Lubuk Mandi yang sudah menjadi Lubuk maut ini menelan mangsa 13 orang?

Haji Ismail Ali, 55 seorang pendulang yang mula-mula melihat kejadian tanah runtuh itu memberitahu, ketika itu dia lihat tidak kurang daripada 13 orang di dalam lubang itu, tetapi tidak dapat memastikan berapa ramai yang keluar. Menurutnya seorang dua sahaja, yang lain mungkin telah terperangkap. Lubangnya pula berpetak-petak, empat orang dalam petak pertama manakala petak kedua, ketiga dan empat masing-masing tiga orang.

Haji Ismail yang baru sahaja keluar dari lubang itu untuk membawa tanah ke atas memberitahu, dalam terowong yang di sebelahnya ada 15 orang lagi tetapi dia tidak dapat pastikan sama ada mereka ikut tertimbus sama atau sempat keluar.

"Saya benar-benar yakin terdapat tidak kurang dari 15 orang lagi keluar masuk dari lubang itu tetapi tidak tahu jumlah yang masih ada di dalamnya," ujarnya.

Haji Ismail kurang pasti, sebab masa itu, dia sendiri asyik memerhati tempat tanah runtuh yang terdapat seramai 13 orang di dalamnya termasuk empat orang pelajar Sekolah Menengah Panji Alam itu.

Selaras 48 jam tragedi itu berlaku, tiga lagi mayat dijumpai. Mereka ialah Fadila Ali 18, dijumpai jam 11.45 malam, Zahairuddin Mohd, 17 ditemui jam 6.15 pagi dan Zulkifli Mamat, 17 dijumpai jam 6.40 pagi. Mangsa Lubuk Maut kali ini sudah menjadi enam orang.

Berdasarkan laporan beberapa akhbar tempatan dan maklumat yang terbaru daripada pendulang yang menyaksikan peristiwa ini, jumlah mangsa yang tertimbus ketika sedang memahat batu dalam tragedi itu, mungkin melebihi 20 orang termasuk dua wanita.

Sekurang-kurangnya lima buah lubang yang letaknya di sebelah-menyebelah telah terlibat dalam kejadian tanah runtuh itu.



Kerajaan mengambil langkah menimbus lubang-lubang yang dianggap berbahaya



Pengarah Institut Penyelidikan Galian Malaysia, Dr. Hussin Hassan sedang membuat kajian bentuk lubang

Ketika nahas itu berlaku, mereka semua sedang memahat di dalam lubang manakala sebahagian lagi berada di atas pelantar kayu atau batas batu menunggu giliran untuk turun.

Dua orang perempuan yang dikatakan terlibat dipercayai sedang berada di atas salah sebuah batas batu. Mereka sedang menunggu untuk membantu mengangkat guni-guni yang mengandungi batu yang telah dipahat untuk dibawa turun ke kawasan mengayak emas di kaki bukit berkenaan.

Usaha mencari diteruskan lagi. 16 hari usaha mencari dijalankan barulah dihentikan. Sebab, tidak ada lagi laporan yang diterima dari keluarga mangsa tertimbus setelah mangsa terakhir ditemui. Enam meninggal dunia dalam lubang manakala seorang terselamat.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba yang ber geges ke Lubuk Mandi menyeru waris-waris yang hilang kepada melaporkan kepada polis dengan segera.

BAB SEPULUH

i. Pengalaman 12 Jam dalam ‘Kubur’

BAGI anak-anak belasan tahun hari raya bagi mereka ialah baju baru, seluar baru dan kasut baru. Bagaimana untuk membeli pakaian baru kalau duit tidak ada? Ayah dan ibu pula tidak mampu. Mereka terpaksa ke Lubuk Mandi, walaupun mereka tahu perbuatan itu salah.

Takdir sudah menentukan, keriangan menjelang Aidilfitri itu bertukar menjadi lubuk air mata. Yang ikut menderita ialah keluarga. Menyesal yang tidak kesudahan.

Salah seorang yang terkorban, Zulkifli Mamat dari Kampung Gong Tok Nasek menolak wang kiriman ayahnya dari Kuantan yang dihulurkan oleh kakaknya. Zulkifli tidak mahu menyusahkan keluarganya, biarlah dia mencuba nasib di Lubuk Mandi.

Kakaknya, Juriah Mamat yang amat sedih terkunci mulut apabila mengingatkan adik kesayangannya.

“Saya hulurkan RM50 wang kiriman ayah untuk dia membeli pakaian tetapi ditolaknya. Dia bersungguh-sungguh untuk mencari emas di Lubuk Mandi,” katanya penuh terharu.

Sebelum ini Zulkifli tidak pernah ke Lubuk Mandi. Barangkali kerana terpengaruh dengan cerita kawan-kawan dia ikut serta mencuba nasib.

Zulkifli, anak ketiga dari enam beradik adalah pelajar

tingkatan lima Sekolah Menengah Panji Alam. Dia tinggal bersama kakak dan ibunya sementara ayahnya yang bekerja di kilang papan tinggal di Kuantan.

Bagaimanapun, rakannya, Sheikh Mohd Hamdan Sheikh



Dipukau kilauan emas



Penulis (anak panah) sedang menunjukkan kesan tanah runtuh kepada beberapa orang pegawai kerajaan yang melawat Lubuk Mandi

Mohd Alwi, 17 berjaya diselamatkan dari timbunan tanah runtuh. Dia menyifatkan pengalamannya 'terkubur' dua belas jam dalam timbunan tanah sebagai satu pengalaman yang mengerikan.

"Saya cuma dapat membayangkan saat-saat kematian ketika berada di dalam lubang itu. Apa lagi setelah kawan-kawan yang lain semuanya sudah tidak bersuara lagi apabila dipanggil."

"Saya percaya mereka telah meninggal, cuma saya masih sempat bernafas kerana ada lubang kecil walaupun saya tenggelam lebih 10 kaki di bawah timbunan," katanya ketika di temui sehari selepas dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Terengganu.

Segala-galanya bermula pada hari Rabu sewaktu rehat di sekolah. Sheikh Hamdan bersama-sama dengan beberapa orang rakannya duduk berkumpul di luar kelas sambil berbual-bual sementara menunggu loceng berbunyi untuk masuk semula.

Hari raya merangsang mereka untuk ke Lubuk Mandi. Untuk berniaga, walaupun kecil memerlukan modal sedang-

kan di Lubuk Mandi hanya memerlukan tenaga.

"Kita pergi Jumaat ini, hari minggu, hari kita tidak ada kelas. Mana tahu nasib kita baik, kalau dapat emas berketul-ketul tentu berayalah kita semua," celah seorang lagi rakan-nnya sambil ketawa riang.

Sheikh Hamdan memberitahu, Zulkifli yang tinggal bersama ibunya yang sudah tua ingin sekali membeli kasut idamannya untuk dipakai pada hari raya tetapi kiriman wang ayahnya yang bekerja di sebuah kilang papan di Kuantan, tidak mencukupi.

Kawan-kawan lain semua setuju untuk pergi bersama meskipun terasa keberatan juga untuk bangun awal pagi. Dari lapan orang yang mahu ikut bersama, cuma lima sahaja yang keluar menaiki bas ke Medan Jaya.

Mereka, selain dari Sheikh Hamdan sendiri dan Zulkifli ialah Fadila Ali, Azhar Mohamad dan Zaharuddin Mohamad. Tiga lagi mungkin tidak terjaga dari tidur atau malas bangun pagi.

Mereka tidak banyak bercakap semasa dalam bas. Agaknya masing-masing memasang impian dalam kepala. Mereka membawa bersama pahat dan tukul serta kuali yang dibungkus dalam sebuah guni.

Perjalanan sejauh 18 kilometer itu, rasanya terlalu lama. Mereka mahu cepat sampai, emas terus melambai. Jam 8.30 pagi mereka sudah berada di kawasan mendulang emas. Suasana masa itu tidak sesibuk pada hari-hari lain kerana hari Jumaat dilarang mendulang.

Inilah peluang mereka untuk mengaut seberapa banyak emas. Setelah meminta izin dengan seorang tua (Haji Ismail) yang kononnya tuan punya lubang itu, mereka mulai turun melalui bongkah-bongkah tanah yang menyerupai lereng bukit.

Lubang itu terletak di puncak sebuah bukit gondol sementara di bawahnya terdapat beberapa buah lubang yang bercantum, sambung-bersambung ditebus bersimpang-siur tanpa mengikut peraturan.

Batu-batu yang dipahat mesti dibahagikan pula kepada tuan punya lubang sebagai sewa.

Syed Ahmad Tengku Embong, ayah kepada dua orang anak yang tinggal berhampiran rumahnya di Kampung Nibong Kuala Terengganu turut sama pada hari itu. Dia turun dulu, diikuti oleh Zulkifli dan Sheikh Hamdan.

Lubang utama di kawasan itu lebarnya kira-kira 6 meter dan memanjang sehingga 18 meter. Banyak lagi terdapat lubang yang bercantum menjadi terowong seperti gua Batu Cave.

Apa yang menarik, lubang yang ditebuk untuk mengeluarkan batu bagi dihancurkan sebelum didulang ditebuk begitu sempit, cukup untuk seorang sahaja dan duduk mencangkung pula.

Beberapa batang kayu tembusu digunakan bagi merentangi lubang di permukaan bumi sebagai penyendal, kononnya untuk mengelak daripada tanah runtuh serta memudahkan mereka turun ke bawah.

Ramai juga yang berada di dalam lubang ketika itu, tetapi kerana keadaan lubang yang panjang dan berliku-liku serta tanah yang berbonjol-bonjol menyebabkan mereka terpisah antara satu sama lain.

"Waktu itu saya turut menyaksikan ada seorang ibu dan anak gadisnya turut memecahkan batu-batu di dalam sebuah lubang kecil di satu arah. Saya tidak tahu nasib mereka," ujar Sheikh Hamdan.

Syed Ahmad yang turun bersama Fadila sudah naik ke atas sementara dia duduk di bongkah pertengahan lubang untuk menunggu giliran memahat kerana waktu itu guni dua orang pendulang belum lagi penuh.

Setelah beberapa jam memahat dan mengisi batu-batu kecil di dalam guni cuaca mulai panas terik, mungkin waktu menunaikan fardu Jumaat sudah hampir. Sheikh Hamdan mendongak ke atas, pancaran matahari jatuh menimpa mukanya yang comot.

Tiba-tiba terasa tempias debu-debu halus masuk ke dalam matanya. Beberapa minit kemudian debu halus semakin banyak bertebaran turun dan dia tidak sangka itu petanda buruk, kemudian diikuti dengan satu dentuman yang kuat. Kali ini sesuatu yang berat telah menghempap tubuhnya.

TRAGEDI DI LUBUK MANDI



Ahli EXCO kerajaan, Haji Muda Mamat (tengah) juga penggerusi Jawatankuasa Penyelaras Pendulang Emas Lubuk Mandi sedang menerangkan sesuatu semasa melawat Lubuk Mandi



Beberapa orang yang melihat kejadian tanah runtuh sedang memberitahu sesuatu kepada Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad

Alam sekelilingnya terasa gelap, hitam pekat. Dia menjerit kepada Syed Ahmad yang berada di sebelahnya.

"Semuanya okey," jawab Syed Ahmad. Suaranya kedengaran begitu tenang. Apabila dijeritkan sekali lagi bertanya tentang keadaan selanjutnya, Syed Ahmad sudah tidak ber-suara lagi.

Fikirannya mulai kacau. Sheikh Hamdan membuat du-gaan mungkin Syed Ahmad sudah meninggal dihempap batu. Mungkin juga rakannya yang lain menerima nasib yang sama. Boleh jadi semuanya sudah terkubur di situ.

Bunyi keriuhan masih terdengar. Mulanya agak jelas, kemudian kian menghalus dan terus hilang. Yang kedengaran hanya bunyi derapan tanah runtuh yang semakin kuat dan dahsyat.

Dia terkubur 10 meter dalam keadaan berdiri dengan ketulan batu dan timbunan tanah yang berat menghempap dan menenggelami kedua-dua kakinya sehingga ke pangkal pinggang.

Dalam keadaan kelam-kabut itu, dia terasa ruang selebar dua kaki telah memberi peluang untuknya bergerak dan mem-beri ruang udara untuknya bernafas.

Sheikh Hamdan merasa amat kehausan dan kerongkongnya dirasa semakin mengecil dan tercekik. Dia menguatkan suaranya meminta tolong. Walaupun dia tahu perbuatannya itu sia-sia, tetapi dia tidak berputus asa. Dia terus menjerit dengan sekuat hatinya.

Kerana menjerit dan tekanan udara yang tidak mencukupi, air liurnya menjadi kering dan sukar pula untuknya menggerakkan mulut yang seolah-olah kaku kekejangan. Hem-papan batu dan tanah yang menghimpit kedua-dua kakinya me-nimbulkan kesakitan yang amat sangat. Dia merasa terlalu su-kar untuk bernafas dan terasa paru-parunya tersumbat.

Di situ terlalu panas dan terasa dirinya bagaikan dikukus. Peluh memercik membasihi seluruh badan. Baginya seperti seksaan kubur sudah bermula, nyawanya semakin nipis. Ke-tika inilah baharu dia teringat kepada Tuhan!

Dia hanya boleh menggerakkan tubuh dan menyandar-

kan kepalanya di kayu cerucuk yang terhumban bersama hamparan batu. Cuma itulah yang boleh dilakukan.

Barangkali ajalnya sudah tiba. Dia memejamkan matanya rapat-rapat. Dia kembali mengingatkan ayat-ayat suci al-Qur'an dan mengucapkan dua kalimah syahadat. Walaupun hanya kira-kira 12 jam dia 'terkubur' itu, padanya terasa begitu panjang, bagaikan berhari bermalam.

Ketika itu, fikirannya berkecamuk antara sedar dan tidak. Ingatan masa lalu sewaktu bersama keluarga dan rakan-rakan menjadi gelap. Mungkin dia tidak sempat lagi mendengar takbir raya dan menjamah ketupat dan lemang.

Terbayang di matanya wajah sugul ibu dan ayah serta adik-adik menerima keputusan tubuhnya yang sudah kaku. Segala ingatan ini bersimpang-siur, ada kalanya kabur dan ada kalanya begitu jelas.

"Saya mula bayangkan bagaimana emak menangis, bagaimana saya dikapan dan adik-adik yang akan ditinggalkan ini." Suaranya kedengaran begitu terharu.

Ruang di bahagian atas kepalanya hanya seluas tiga atau empat inci sahaja. Ia merupakan ketulan batu yang disanggah oleh kayu. Tekaknya semakin kering, terasa seperti tercekik. Dia akan mati oleh kehausan. Dia terpaksa menjilat peluh yang mengalir di mukanya yang comot. Walaupun masin dan kotor, sekurang-kurangnya terasa basah juga anak tekak.

Dia terasa dirinya seperti seorang pengembara yang sesat di padang pasir. Panasnya tidak terkira. Paru-parunya sudah malas bergerak.

Sheikh Hamdan merasakan cukup terseksa. Sungguh menyayat hati. Tiba-tiba dalam kelesuan itu dia seperti terasa mendapat satu kekuatan baru. Allah selamatkanlah aku!

Dia tetap berusaha untuk hidup kembali, keluar dari lubang kubur yang cukup menyaksakan sekali. Dia mulai menjerit meminta tolong dengan sekuat hatinya. Moga-moga jeritannya itu dapat didengar oleh orang di luar. Tuhan Maha Pengasih, tidak lama kemudian lubang telinganya dapat mendengar namanya dipanggil dari luar. Dia cukup kenal, suara



Yang Dipertuan Muda (berdiri kiri sekali) dan sebelahnya Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir sedang melihat cara-cara mendulang emas ketika melawat Lubuk Mandi

itu ialah suara ayahnya, Sheikh Alwi Sheikh Puteh, 47 seorang anggota tentera. Beberapa minit kemudian dia dapat melihat sinar cahaya yang halus dan lama-kelamaan membesar di atas kepalanya. Cahaya itu adalah sinar untuk dia dapat hidup kembali.

Suara orang ramai semakin jelas dan riuh. Akhirnya dia tersebul keluar dari kubur yang mengerikan itu. Begitu ramai orang di sekelingnya.

Dia terus meminta air, lepas itu kerja mengeluarkannya diteruskan. Dia dapat merasakan betapa besarnya nilai setitik air dalam saat-saat seperti itu. Sekali gus dia juga berasa insaf betapa besarnya nikmat Allah, cuma dengan setitik air dia telah menjadi segar kembali.

Nasibnya baik. Tubuhnya ditarik keluar dalam keadaan lesu terkulai bagaikan sehelai daun kering.

"Saya macam dihidupkan semula. Rakan-rakan dan orang lain yang sama di dalam lubang itu semuanya terkorban," keluhnya.

Ibunya, Fatimah Yusof, 38 memberitahu, pertama kali mendengar berita anaknya tertimbus, dia hampir pengsan. Dia tidak yakin anak kedua dari lapan adik-beradik itu terselamat.

Sebab itu, tambahnya, dia sudah kemaskan rumah untuk persediaan menguruskan jenazah, tetapi dia bersyukur Tuhan masih panjangkan usianya.

Sementara itu, seorang lagi mangsa tanah runtuh terbaru yang berlaku pada 26 Mac, 1990 menceritakan dia juga seperti baru dihidupkan semula selepas tersedar dari kejutan peristiwa yang amat menakutkan itu.

Ibrahim Mamat, 36 merupakan salah seorang daripada empat pendulang yang terselamat manakala seorang penghantar notis Majlis Daerah Marang, Shafei Muda terkorban dalam tanah runtuh yang berlaku jam 6.15 petang.

Semasa menceritakan pengalaman yang ditempuhi dalam tragedi yang berlaku itu, Ibrahim terasa sudah serik, tetapi apabila mengingatkan isteri dan tiga anak yang masih kecil di rumah dia terpaksa meneruskan kerjanya.

Berasal dari Bukit Payong, Ibrahim menyatakan ketika

kejadian tanah runtuh itu berlaku dia sedang duduk di satu bongkahan tanah di lubang. Empat orang lagi kawannya juga sedang menunggu giliran untuk turun bagi mengorek tanah untuk dibawa naik.

"Semasa kami sedang menunggu itu, sekurang-kurangnya tiga orang sedang bekerja di bahagian bawah. Tiba-tiba tanah keras bercampur batu runtuh bersebelahan tempat duduk kami."

"Saya terkambus setakat paha dan beberapa ketulan batu bercampur tanah melantun di kepala dan muka saya. Rasanya saya sudah hampir mati."

"Setelah tersedar dari kejutan saya bersyukur kerana usia saya masih dipanjangkan Tuhan dan berpeluang meneruskan hidup," katanya.

Dalam keadaan bingung itu, dia menjerit meminta tolong kerana menyedari ada lagi tanah yang akan runtuh.

Tiba-tiba seorang tua terjun ke dalam lubang dan memapahnya naik ke atas dan terus dibawa ke hospital.

ii. Lubang Tidak Selamat lagi bagi Pendulang

Apabila berlaku tanah runtuh, kerajaan bercadang hendak menutup sahaja Lubuk Mandi. Tetapi memandangkan emas di Lubuk Mandi merupakan anugerah Allah untuk rakyat Terengganu, penutupannya dibuat hanya untuk sementara waktu sahaja. Cuma diperketatkan syarat bagi menjamin keselamatan.

Tetapi sayang, keadaannya tidak banyak berubah. Syarat mendulang tidak juga dipatuhi. Kejadian tanah runtuh terus berlaku dan maut terus membuat perhitungan. Yang cedera juga sudah semakin meningkat.

Selepas tragedi pada 28 April 1989 Kerajaan terus merayu orang ramai yang kehilangan keluarga supaya membuat laporan ke balai polis.

Usaha ini dibuat untuk membantu kerajaan mengenal pasti jumlah sebenar pendulang yang terlibat dalam kejadian itu. Kerana tidak ada lagi laporan yang diterima kerajaan ter-

TRAGEDI DI LUBUK MANDI



Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan rombongan kerajaan sedang melawat kawasan Sungai Kerak yang dikatakan banjaran atau saluran emas dari Lubuk Mandi



Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad (bertopi) sedang melihat kawasan tanah runtuh yang mengorbankan enam nyawa di Lubuk Mandi

paksa menghentikan operasi mencari di lubang yang tertimbus itu.

Lubang yang digali tidak lagi selamat bagi kegiatan mendulang, begitulah kenyataan ketua anggota bomba, Encik Mohammad Long yang melawat kawasan itu.

Bomba berpendapat, hampir 20 peratus daripada 344 hektar kawasan yang diwartakan di situ dikenal pasti sebagai kawasan bahaya bagi kegiatan mendulang. Ini kerana terdapat banyak terowong yang tidak menentu di bawah tanah dan dipercayai bila-bila masa sahaja boleh berlaku tanah runtuh.

Daripada pengalamannya sebagai seorang penyelamat, lubang yang digali oleh pendulang tempatan langsung tidak mengikut peraturan tidak seperti lubang atau terowong yang digali oleh pendulang Kampuchea.

Lubang yang digali oleh orang-orang Kampuchea tidak besar, berbentuk bulat seperti perigi sedalam enam meter. Walaupun mempunyai terowong tetapi diandang dengan tiang bagi menahan berat tanah di atasnya.

Dari segi peratus keselamatan, lubang yang digali oleh orang-orang Kampuchea lebih selamat jika dibandingkan dengan lubang yang digali oleh pendulang tempatan.

Kebanyakan, lubang yang digali oleh pendulang tempatan berbentuk memanjang dan mempunyai beberapa buah terowong yang berlapis-lapis dan tidak menentu. Yang lebih membahayakan terowong-terowong itu tidak mempunyai tiang penyangadang bagi menahan tanah.

Keadaan di Lubuk Mandi juga membahayakan kepada mereka yang melakukan kerja-kerja menyelamat seandainya mereka tidak berhati-hati, kerana di bawah tanah terdapat banyak terowong yang boleh dipanggil jerangkap samar.

Mulai 4 Mei, 1990 Lubuk Mandi ditutup bagi membolehkan kerja-kerja penyelidikan dibuat dengan lebih teliti, sebelum dibuka semula untuk didulangi.

Keputusan menutup tempat mendulang selain Lubuk Mandi, juga melibatkan kawasan Bukit Diman, Cerongkan, Jambu Merah dan Kandis yang diputuskan dalam mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri yang berkuatkuasa serta-merta.

Menteri Besar telah memberi amaran keras barang siapa yang didapati menceroboh, mendulang atau mencuri tanah dan batu-batan yang mengandungi emas daripada kawasan-kawasan berkenaan akan didakwa di bawah kanun tanah negara.

Di bawah kanun itu, sesiapa yang didapati sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM10 000 manakala mereka yang didapati sabit kesalahan mendulang secara haram boleh didenda hingga RM1000.

Kerajaan kemudiannya memberi jaminan bahawa kawasan itu akan dibuka semula kepada para pendulang sebaik-baik sahaja kajian yang mencakupi pelbagai aspek terutama keselamatan itu selesai dijalankan.

Pada masa yang sama, kerja melombong secara sistematik akan dijalankan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Peralatan yang ditempah dari Australia telah pun tiba.

Walaupun kerja melombong secara sistematik telah dilaksanakan oleh PMINT, sebuah jawatankuasa terdiri daripada pelbagai pihak untuk membantu kerajaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pendulang emas akan ditubuhkan.

Menerusi jawatankuasa ini segala masalah akan dapat diatasi termasuk penyaluran kemahiran aktiviti mendulang daripada cara primitif kepada cara moden yang menjamin keselamatan dan mendapat hasil yang lebih lumayan.

Pada 23 Disember, 1989 kira-kira 500 orang pendulang emas telah mendaftarkan diri dan bersetuju menuju Pertubuhan Pendulang Emas Lubuk Mandi, Rusila. Ini adalah sesuai dengan keadaan bagi menyatupadukan semua para pendulang emas di kawasan tersebut dan menjadi badan perantaraan kepada pihak berkuasa.

Perhimpunan yang diadakan di luar pintu masuk Lubuk Mandi itu menyerahkan mandat kepada sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Haji Anas Awang untuk bertindak dalam semua aspek termasuk keselamatan dan kebijakan mereka.

Ahli jawatankuasa itu akan mewakili semua pendulang untuk berunding dan menyerahkan sebuah memorandum kepada Menteri Besar supaya membuka semula kawasan mendulang.



Lawatan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba ke Lubuk Mandi



Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir mengadakan sidang akhbar selepas melawat kawasan tanah runtuh di Lubuk Mandi

Sememangnya penutupan kawasan mendulang itu menimbulkan keresahan kepada lebih 10 000 pendulang kerana kehilangan mata pencarian. Inilah antara sebab pertubuhan itu ditubuhkan bagi mengatur pertemuan dengan Menteri Besar.

Tentunya memorandum itu mengandungi rintihan pendulang dan perakuan bahawa kegiatan mendulang yang boleh membahayakan nyawa manusia tidak berlaku. Ini termasuklah menggali lubang melebihi had yang dibenarkan dan membina terowong tidak mungkin berlaku lagi pada masa depan.

Pertubuhan itu menggariskan enam sebab perhimpunan itu diadakan bagi merayu kerajaan negeri:

- * Menarik balik keputusan menutup kawasan lombong emas setelah kejadian tanah runtuhan yang mengorban nyawa kepada rakyat negeri ini.
- * Membatalkan ura-ura kerajaan hendak menyerahkan kepada PMINT dan Syarikat Perlombongan Malaysia (MMC).
- * Perintah dan peraturan yang dikenakan kepada setiap pendulang dengan lebih kemas dan tegas iaitu lubang yang dalam yang dikira berbahaya hendaklah diambil tindakan menimbus oleh PTG tanpa apa-apa notis sekiranya langkah yang menjamin keselamatan waktu bekerja tidak diambil oleh setiap pendulang.
- * Lesen mendulang atau melombong hanya dikeluarkan kepada kaum lelaki sahaja. Sebelum ini kaum wanita dan anak-anak juga ramai yang mengambil lesen.
- * Mengadakan kemudahan infrastruktur termasuk rumah ibadat, tandas dan seumpamanya bagi menjamin kesihatan dan kebersihan kawasan tersebut.
- * Menimbang kawasan emas yang baru untuk diterokai termasuk di Lembah Sungai Marang di samping kawasan Lubuk Mandi yang sedia ada. Dengan ini tumpuan

pendulang dan pelombong tidak setempat dan juga tidak ke arah kawasan bukit yang merbahaya. Dalam pada itu, penutupan kawasan mendulang dan perhimpunan yang diadakan itu tidak ada kena-mengena dengan isu politik kerana kebanyakan pendulang yang terlibat adalah terdiri daripada rakyat yang daif.

Tan Sri Haji Wan Mokhtar telah menyatakan kesanggupannya untuk menemui dan berbincang dengan wakil pendulang untuk menyelesaikan masalah mereka.

Malah, Menteri Besar mengambil perhatian terhadap nasib dan masa depan pendulang. Beliau pernah menyarankan supaya pencari emas di Lubuk Mandi menubuhkan sebuah koperasi. Ini adalah untuk menjaga kebijakan mereka dengan lebih sempurna. Kerajaan negeri bersedia membantu menubuhkan koperasi itu jika mereka berminat.

Pada mulanya, Haji Muda Mamat selaku Pengurus Jawatankuasa Penyelaras Mendulang Emas Lubuk Mandi mengugut untuk menutup terus kawasan itu daripada kegiatan mendulang sekiranya berlaku lagi tanah runtuh.

Tetapi apabila kejadian itu berlaku, beliau hanya menyatakan kawasan itu akan terus dibuka kepada orang ramai bagi kegiatan mendulang. Mungkin benar juga, kalau tutup ada banyak yang tidak baiknya, begitu juga kalau terus dibuka mungkin banyak baiknya daripada yang tidak baik.

Masalahnya di sini, kejadian menggali lubang di situ berlaku disebabkan para pendulang memikirkan tidak ada lagi tempat lain yang boleh didapati emas yang banyak. Kawasan yang diwartakan untuk pendulang sudah menjadi sempit sehingga ramai daripada mereka mencuri emas di kawasan tanah orang.

Tidak cukup dengan itu, mereka mula menceroboh, mencuri dan menggali lubang di kawasan tanah kepunyaan PMINT yang bersempadan dengan tanah yang diwartakan kepada orang ramai.

Walaupun berpagar, ramai yang telah mencuri dengan cara memahat sebahagian dari kira-kira 20 daripada 50 hek-

tar kawasan tanah yang berpotensi itu.

Keadaan semakin serius, orang tidak lagi mendulang tetapi menggali lubang untuk mendapatkan bahan galian emas yang dikatakan berada sehingga sedalam 250 meter.

BAB KESEBELAS

i. Bau Busuk dan Rambut Misteri

KHABAR mengenai tengkorak dan tulang berselerak di Lubuk Mandi telah merebak. Ramai orang yang mendengar dan bercakap hal itu. Ramai juga yang melihatnya. Di bawah pokok tembusu di pinggir bukit botak itu telah ditemui tulang yang berselerak dan baunya sampai meloyakan tekak.

Polis Kuala Terengganu terpaksa buka fail untuk menjalankan siasatan lanjut. Apakah tengkorak dan tulang yang berselerakan di bawah pohon tembusu itu mangsa tanah runtuh atau mangsa pembunuhan.

Semuanya seolah-olah baharu sahaja berlalu. Misteri itu telah menukarkan suasana Lubuk Mandi dengan tiba-tiba.

Lubuk ini bukan lagi untuk bermandian dengan emas tetapi sudah menjadi lubang maut. Kita tahu sudah ramai yang mati kerana tanah runtuh, tetapi bagaimana pula yang tidak tahu, tertimbus secara senyap-senyap?

Di sana sini, bangsal-bangsal buruk yang dibina sebagai tempat berlindung sementara, sudah runtuh dan berselerak. Yang tinggal hanya sebuah kenangan. Yang untung dan kaya tersenyum simpul, yang kehilangan suami dan anak-anak terus menangis tidak berlagu.

Bukit Lubuk Mandi bukan lagi disinari oleh kilauan emas tetapi disaluti oleh bau busuk. Kerana bau busuk dan pelbagai misteri ramai pendulang telah beralih tempat ke Lubuk

Pinang, tidak jauh dari Lubuk Mandi.

Bau aneh yang penuh misteri ini dipercayai ada kaitan dengan sebuah kereta mini yang sudah lama tersadai di pintu masuk dekan Taman Jaya. Siapakah yang empunya kereta tersebut?

Beberapa orang penduduk Kampung Rusila juga merasa hairan dan tertanya-tanya mengenai kereta tersebut yang sudah sekian lama tersadai di situ. Mana tuannya? Kalau rosak kenapa tidak dibaiki? Kereta mini itu terus menjadi tanda tanya.

Kereta mini berwarna hijau yang memakai plat negeri Perak itu masih dalam keadaan baik. Kenapa dibiarkan begitu saja? Apakah pemiliknya juga sudah menjadi mangsa tanah runtuh?

Beberapa orang pendulang yang masih mencari peluang untuk mendulang secara haram pada sebelah malam dan awal pagi tidak lagi berani berbuat demikian.

Ini bukan kerana gerakan operasi penangkapan yang dilakukan oleh pihak berkuasa, tetapi kerana suasana Lubuk Mandi sudah meremangkan bulu tengkuk. Ada sahaja bunyi aneh dan makhluk ganjil yang melata di sana sini.

Ramai yang bercerita, mereka selalu mendengar orang meminta tolong dan suara orang menangis. Apabila didekati, suara dan tangisan itu kian menjauh.

Mereka juga selalu terserempak dengan bayangan manusia yang lalu-lalang, apabila disapa mereka tidak menjawab dan terus menghilang begitu sahaja.

Lubuk Mandi kian sepi. Apa benar seperti kata orang emas itu ada badinya? Ada petaka dan penunggunya? Yang jelas manusia itu sendiri yang berpuaka kerana tamak dan haloba, kepala jadi batu, semua undang-undang tidak diikuti.

Bulan Oktober, 1989 pula kawasan Lubuk Mandi menjadi gempar dengan penemuan rambut manusia. Ia dipercayai rambut mangsa tragedi tanah runtuh yang berlaku pada bulan April sebelum itu.

Beberapa orang pendulang mendakwa mereka juga pernah beberapa kali terhidu bau busuk. Bagaimanapun, yang

anehnya mereka tidak pula menemui sebarang tulang manusia.

Meskipun Lubuk Mandi gempar dengan pelbagai penemuan dan misteri, ada juga yang keras kepala, tidak percaya hantu atau puaka. Othman Abdullah pernah menemui rambut manusia di Lubuk Mandi.

"Saya juga pernah terhidu bau busuk tetapi ini tidak menghalang saya untuk mendulang," katanya serius.

Razali Ahmad yang berasal dari Kampung Gelugur Kedai pula percaya rambut yang ditemuinya itu adalah kepunyaan seorang lelaki. Rambutnya pendek tidak melebihi tiga inci panjang.

Dalam suasana seram itu pada 10 Jun 1991, sekumpulan lapan pemuda memperolehi beberapa ketulan batu besar yang mengandungi emas. Batu ini dipercayai paling bernilai sejak kawasan mendulang emas dibuka.

Mereka mendakwa emas itu boleh dijual antara RM10 000 hingga RM20 000. Ketulan batu mengandungi emas itu ditemui semasa mereka menggali lubang secara bergilir-gilir di sebuah kawasan larangan sejak beberapa bulan sebelum itu.

'Ibu emas' itu ditemui dalam lubang sedalam kira-kira 50 meter, tidak jauh dari sebuah batu besar yang menyerupai lembaga manusia. Kerana keanehan batu itu yang dianggap sebagai penunggu, mereka hanya mengambil beberapa ketul sahaja.

Apabila berita penemuan 'ibu emas' itu mulai tersebar, Lubuk Mandi mulai diserbu lagi termasuk para pelajar. Kerana 'ibu emas', bau busuk, maut dan tanah runtuh sudah mula dilupakan.

Lubang yang ditutup oleh pihak berkuasa digali semula. Malah lebih dalam, walaupun mereka tahu perbuatan itu menyalahi undang-undang.

Maut boleh berlaku di mana-mana sahaja, bukan sekadar di Lubuk Mandi. Inilah yang menjadi pedoman hidup mereka. Sebab itulah mereka terus bekerja.

Pengarah Pendidikan Negeri ketika itu, Encik Jumali Kasan terpaksa mengarahkan semua guru besar sekolah di Ma-

TRAGEDI DI LUBUK MANDI

rang dan Kuala Terengganu supaya mengawasi para pelajar mereka daripada terlibat dalam pencarian emas secara haram di Lubuk Mandi.

Langkah ini perlu memandangkan pekerjaan itu merbahaya dan menyalahi peraturan. "Saya harap semua pengetua



Lubang-lubang yang merbahayakan terpaksa dikambus

dan guru besar memberi kerjasama dalam hal ini," katanya.

Beberapa hari selepas itu, seorang pelajar bersama 10 lagi pendulang ditahan dan dihadapkan ke Mahkamah. Pelajar Institut Kemahiran MARA itu, Mohd Nor Othman, 21 dari Kampung Kepong dikenakan denda sebanyak RM150 atau dua bulan penjara.

Dia ditangkap bersama alat-alat mendulang ketika menjalankan kegiatan mendulang emas di situ antara 7.00 malam hingga 7.00 pagi. Paling menarik lagi, pada 10 April, 1991, polis menahan 71 orang termasuk dua wanita kerana mendulang secara haram di tanah milik PMINT.

Ini merupakan penahanan paling ramai pernah dibuat oleh polis setelah kawasan seluas 344 hektar itu ditutup kepada umum pada akhir tahun 1990. Polis juga merampas beberapa peralatan dan guni berisi batu-batu kecil yang mengandungi logam emas.

Sebelum itu, pada 9 Februari seramai 15 orang pendulang yang kesemuanya lelaki ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan yang serupa di tanah milik PMINT.

Tindakan pendulang ini bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi juga membahayakan nyawa mereka sendiri, apa lagi menjalankan kerja mendulang di lubang yang dalam pada waktu malam.

Kerajaan negeri telah menutup kawasan Lubuk Mandi pada penghujung tahun 1990 dan diserahkan kepada PMINT.

ii. Pendulang Marah dengan Penutupan Lubuk Mandi

Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad menyatakan kesediaannya untuk menemui rombongan para pendulang untuk membincangkan hal pendulangan.

Dalam masa yang sama, beliau juga mahu berbincang dengan wakil rakyat kawasan itu (Haji Hadi Awang) bagi mengetahui dan meminta pandangannya berhubung dengan pelbagai masalah yang berbangkit.

Soal penutupan sementara kawasan tersebut tidak seharusnya dijadikan isu sehingga mengeruhkan keadaan. Men-

teri Besar memberi jaminan bahawa Lubuk Mandi akan dibuka semula setelah kajian dibuat oleh pihak berkuasa. Kajian itu antara lain bertujuan untuk mencari jalan bagi-



Tempat mendulang mula lengang setelah lubang-lubang dikambus (Gambar atas dan bawah)



mana orang ramai akan terus berpeluang mendulang walau-pun PMINT menjalankan aktiviti melombong.

"Orang ramai tidak perlu bimbang kerana kajian yang dijalankan akan selesai dengan secepat mungkin," kata Menteri Besar. Beliau sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat dalam menangani masalah ini.

Walaupun penutupan telah dikuatkuasakan, namun pegawai-pegawai penguatkuasa PTG terpaksa bekerja keras bagi menyekat pendulang yang masih juga berdegil untuk masuk mendulang.

Masih ramai antara mereka mengambil tanah dan batu di situ dengan mengisinya dalam guni lalu dipikul untuk dibawa pulang ke rumah.

Pada 4 Jun, ahli EXCO kerajaan negeri, Haji Muda Mamat memberitahu, Lubuk Mandi akan dibuka semula selewat-lewatnya Julai 1989.

Dalam kenyataan lain, Haji Muda selaku Ketua UMNO bahagian Marang meminta kerajaan negeri supaya mengkaji semula rancangan untuk menyerahkan sebahagian besar kawasan yang mengandungi emas kepada PMINT.


UMNO bahagian itu berhasrat supaya keseluruhan kawasan emas itu diwartakan sebagai kawasan mendulang untuk memberi peluang kepada rakyat negeri Terengganu khususnya penduduk daerah Marang mencari rezeki.

Para pendulang begitu gembira apabila mesyuarat EXCO kerajaan negeri pada 5 Julai itu memutuskan untuk membuka semula kawasan mendulang emas di Lubuk Mandi mulai 2 September, 1989.

Bagaimanapun, keluasannya dihadkan kepada 118 hektar sahaja daripada 344 hektar yang diwartakan sebelum ini.

Pada 1 September Bukit Lubuk Mandi mulai riuh semula. Orang ramai datang seperti kumpulan semut, gelak ketawa dengan memaku harapan dalam diri masing-masing, biarlah tersumbul "ibu emas" sebesar buah kelapa di depan mata.

Kira-kira 3000 pendulang yang berlesen mulai menggodak kawasan itu lagi. Bukit sudah botak ditaraf dan ditakik. Ru-sila yang tenang terusik lagi, debu juga mulai berterbangan



Polis dan PTG terpaksa memasang dawai berduri di kawasan terowong yang digali oleh pendulang bagi mengelakkan kawasan ini terus diceroboh

ke udara menutupi kejernihan Rusila yang sudah agak lama bersih daripada pencemaran udara.

Kali ini, semua kegiatan dijangka lebih teratur dan terkawal. Beberapa peraturan baru telah diperkenalkan termasuk kawalan keselamatan 24 jam oleh pegawai PTG bagi menjamin keselamatan pendulang.

Kerajaan berharap pendulang emas tidak lagi melanggar undang-undang yang dikenakan terutamanya larangan membina terowong atau lubang besar bagi mengelakkan kejadian maut berulang lagi.

Pada 25 Februari, 1990 mesyuarat EXCO kerajaan negeri memutuskan tidak akan menutup Lubuk Mandi sebaliknya bersetuju pada dasarnya memberiarkan pendulang emas membawa mesin mengisar batu ke kawasan tersebut.

Mesyuarat itu juga memutuskan untuk melonggarkan syarat bagi memberi peluang kepada para pendulang mem-



Untuk mengabui mata para petugas PTG, mereka meletakkan batang-batang kayu di atas lubang yang digali, kemudian dialas pula dengan kain kanvas lalu ditimbus dengan tanah. Inilah satu cara bagi membolehkan mereka menggali di dalam terowong

bawa pam air ke kawasan itu bagi kemudahan mereka menjalankan kegiatan masing-masing.

Dalam masa yang sama, kerajaan akan meluaskan lagi longkang yang telah digali di kawasan itu di samping meruntuhkan bukit termasuk Bukit Batu Gajah untuk memberi kemudahan kepada pendulang.

Rupa-rupanya apabila tamak sudah menguasai diri, walaupun apa pun undang-undang dibuat semuanya tidak dipedulikan. Para pendulang mulai mengorek dan menggali terowong semula.

Manjat bukit yang curam dan bahaya malah ada yang terus turun ke dalam lubang yang bertingkat-tingkat.

Untuk mengabui mata para petugas PTG, mereka meletakkan batang-batang kayu di atas lubang yang digali, kemudian dialas pula dengan kain kanvas lalu ditimbus dengan tanah. Inilah satu cara bagi membolehkan mereka menggali di dalam terowong.

Perkara menutup lubang cara ini terbongkar apabila penguatkuasa PTG hendak menimbus semula semua lubang yang digali pada hari Jumaat, hari cuti bagi pendulang.

Penolong Pengarah PTG (Penguatkuasa), Wan Mohamad Wan Ibrahim mengakui penipuan ini sukar dikesan dan menyusahkan pihaknya untuk menimbus lubang-lubang yang digali.

BAB KEDUA BELAS

Lubuk Mandi Bertukar Wajah

PEMAJU perumahan di negeri ini mula berminat membina rumah-rumah kedai dan kediaman berhampiran dengan Lubuk Mandi, Rusila, Marang.

Ini adalah ekoran keputusan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) untuk menjalankan aktiviti perlombongan emas awal tahun 1992 ini.

Mereka berlumba-lumba membuat permohonan menukar syarat tanah. Lubuk Mandi akan bertukar wajah. Inilah rahmat! Dari hutan belukar Lubuk Mandi akan menjadi satu kawasan perumahan baru.

PMINT telah membuat keputusan untuk melaksanakan dua dari enam projek yang dirancang bagi aktiviti perlombongan pada tahun 1991, iaitu Ketengah dan Rusila.

Sebanyak RM1.6 juta telah dibelanjakan bagi membuat kajian dan persiapan dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1990 daripada RM3.01 juta yang diperuntukkan bagi projek perlombongan emas di situ.

Kerja-kerja melombong dijangka dapat beroperasi awal tahun 1991 setelah semua kawasan ditutup kepada kegiatan mendulang sejak November 1990 apabila kawasan tersebut diserahkan kepada PMINT.

Majlis Daerah Marang (MDM) juga akan membina bangunan kedainya yang lebih teratur dan tersusun di kawasan

tersebut untuk disewa kepada orang ramai. Projek perumahan yang dinamakan Taman Kalungan Mas, juga telah dibina.

Pada 1 Disember, 1988 Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Setia Wangsa Haji Abdul Rahman Nasir berkata, kegiatan melombong secara besar-besaran akan dijalankan oleh PMINT dan Malaysia Mining Corporation (MMC).

Tumpuan kegiatan itu mungkin melibatkan dua buah daerah iaitu Marang dan Kuala Terengganu meliputi kawasan seluas kira-kira 4800 hektar. Ini termasuk 3600 hektar terletak di dalam daerah Marang iaitu sekitar Hulu Sungai Kerak dan Lubuk Mandi manakala 1200 hektar lagi terletak dalam derah Kuala Terengganu (Pedalaman Cendering dan Kuban Ikan).

Kawasan yang melibatkan permit mendulang perseorangan hanya terhad kepada sekitar Bukit Lubuk Mandi, dekat Kampung Rusila di kawasan seluas 344 hektar.

Pada 1 Mac 1989 pula, Pegawai Perhubungan Awam MMC, Cik Aminah Hanum Haji Hussein mengakui bahawa kerajaan negeri telah membuat tawaran kepada MMC untuk melombong emas secara usahasama.

"Tetapi ia hanya secara tidak formal dan kami tidak dapat mengambil tindakan lanjut mengenainya," katanya ketika dihubungi.

Pada 8 Disember tahun yang sama, Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad berkata, kajian terakhir untuk membuka kawasan lombong emas di Lubuk Mandi secara besar-besaran dijangka selesai akhir tahun tersebut.

Bagaimanapun, kajian secara menyeluruh dijangka dapat diketahui dalam tempoh dua atau tiga tahun sebelum usaha melombong cara moden dijalankan sepenuhnya.

Pada 4 April, 1990, ahli parliment Marang, Haji Abdul Hadi Awang yang juga ahli Dewan Negeri Ru Rendang menyambut baik hasrat kerajaan untuk melombong dan mendulang secara komersil. Beliau berharap usaha itu dilaksanakan dengan segera.

PMINT menjangkakan perlombongan emas di Lubuk Mandi akan mula beroperasi pada awal tahun 1991. Bagi tujuan

itu PMINT telah memperuntukan RM8 juta bagi aktiviti tersebut. Jumlah ini merupakan 93 % daripada keseluruhan peruntukan untuk sektor perlombongan tahun tersebut. RM600 000 bagi tujuan eksplorasi galian di beberapa kawasan lain. Paling menarik lagi, Pengurus Besar PMINT, Datuk Haji Abdul Aziz Ibrahim memberi jaminan untuk mengendalikan program baru bagi jangka panjang dalam aktiviti perlombongan ekoran pemuan emas dan aluminit di negeri ini.

Dalam satu pertemuan pada 12 Februari, 1991, beliau berkata kajian feasibiliti bagi perlombongan emas akan bermula di Marang khususnya di Lubuk Mandi. Usaha untuk menggunakan kaedah dan teknik moden sedang dibuat.

Dalam masa yang sama, sebuah makmal khas untuk menganalisis bahan galian itu diadakan di Kuala Ibai. Dengan ini PMINT tidak perlu menghantar bahan-bahan galian yang diperolehi di negeri ini untuk kajian analisis di luar negeri.

Setakat ini, PMINT telah membuat kajian dana tidak ada sebab usaha itu perlu dihentikan kerana dari laporan yang diterima adalah menggalakkkan.

"Kita belum ada kepakaran, sebab itu kita latih orang kita untuk gunakan kepakaran dari Australia untuk meneruskan usaha ini," ujarnya sungguh-sungguh.

Datuk Haji Aziz memberi jaminan kemungkinan dalam masa yang singkat sahaja, PMINT dapat meneruskan usaha ini dengan 100 peratus kepakaran dalam negeri.

Pada 15 Mei 1991, selepas mempengerusikan mesyuarat PMINT di Menara Permint, Menteri Besar berkata PMINT akan mendirikan kilang memproses logam emas menelan belanja RM15 juta di Rusila bagi memulakan operasi perlombongan secara komersil pada pertengahan tahun 1992.

Pada permulaan kilang berukuran sederhana ini dijangka berupaya memproses pada kadar 150 000 metrik tan setahun. Bagi fasal pertama, kawasan perlombongan itu akan meliputi kawasan kira-kira 600 hingga 700 ekar.

Buat permulaan, kilang ini dijangka akan menggunakan kira-kira 150 orang tenaga tempatan dibantu oleh tiga orang pakar dari Australia.

TRAGEDI DI LUBUK MANDI



Ekoran daripada keputusan PMINT untuk menjalankan aktiviti perlombongan emas awal tahun 1992, pemaju perumahan negeri ini mula bermingat untuk membina rumah-rumah kedai dan kediaman berhampiran Lubuk Mandi, Rusila dan Marang.

Menteri Besar bagaimanapun tidak menjelaskan nilai longgokan dan rezab bijih emas dari kajian eksplorasi yang telah dijalankan oleh PMINT dengan bantuan kepakaran asing.

"Kajian telah menunjukkan dengan positif bahawa sebuah Iombong secara komersil berpotensi untuk dimajukan," kata Menteri Besar.

Untuk fasa pertama kegiatan perlombongan ini akan dijalankan dalam tempoh lima tahun, selepas itu akan diteruskan di kawasan lain yang telah dikenal pasti.

Beliau memberitahu, kemajuan pelaksanaan projek pada masa ini ialah di fasa rekabentuk kejuteraan kilang dan membuat pilihan kaedah pemprosesan yang paling sesuai. Sebahagian daripada peralatan kilang akan ditempah dari pembekal luar negara manakala sebahagian lagi akan dibekalkan oleh kilang-kilang kejuteraan dan fabrikasi tempatan.

Kerja pemasangan kilang dijangka bermula awal tahun 1992 dengan pengeluaran pertama bermula pada pertengahan tahun yang sama. PMINT mengambil pendekatan memajukan sendiri sumber hasil negeri yang berharga secara menyalurkan kepakaran kepada pekerja tempatan melalui khidmat pakar-pakar asing yang diambil secara kontrak.

Pendekatan ini akan memberi faedah sepenuhnya kepada rakyat kerana bukan sekadar menjadi pekerja lombong biasa, malah mengendalikan kesemua aspek merangkumi peringkat pengurusan, bidang eksplorasi, kerja analisis dan makmal, perlombongan dan pemprosesan.

Dengan adanya tenaga pengurusan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran PMINT berupaya mempelopori penyertaan tempatan dan memainkan peranan yang lebih aktif memajukan perusahaan perlombongan.

"Kita dianugerahkan Tuhan banyak bahan galian yang berharga dan akan dimajukan satu persatu secara terancang dengan berusaha menimba pengalaman dan kepakaran bagi menjalankan sendiri perusahaan ini," jelasnya.

Dalam pada itu, walaupun Lubuk Mandi ditutup bagi sebarang kegiatan mendulang sejak November 1990, orang

ramai masih lagi mencuri masuk sama ada waktu malam atau siang untuk mencari sumber rezeki. Emas di bumi Ruisila adalah anugerah Tuhan kepada hamba-hamba-Nya, inilah peluangnya!

